



# *LAYAKKAH ANWAR KETUAI REFORMASI?*

AHMAD LUTFI OTHMAN

PERPUSTAKAAN NEGARA



1000680969

1998

Cetakan Pertama - Jun 1998

© Hakcipta terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **PENERBITAN PEMUDA**.

Diterbitkan oleh:  
PENERBITAN PEMUDA  
No. 24G Jalan 4/21D,  
Medan Idaman,  
53100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4252732, 010-2796362

Dicetak oleh:  
Cetak Khidmat dan Niaga  
101 Jalan Segambut Selatan  
Kuala Lumpur

M  
222 64092 M  
44M 954860

## *Pembuka Bicara*

---

# **JANGAN SAMPAI TERJADI TRAGEDI BURUK KEPADA MAHATHIR**

**R**eformasi adalah kalimat keramat penuh sakti yang menumbangkan Suharto selepas 32 tahun memerintah Indonesia. Mahasiswa, tenaga intelektual, golongan profesional, dan rakyat terbanyak berpadu tenaga, dengan satu tekad, "jatuhkan Suharto!" Seterusnya berduyun-duyun pemimpin dalam Golkar sendiri, yang selama ini menjadi tukang jilat dan tukang ampu, turut mendesak agar Suharto undur, walhal mereka lah yang "mendesak" agar Suharto menerima pencalonan semula bagi penggal ketujuh sebagai Presiden Indonesia tiga bulan lalu.

Ia berbeza benar dengan suasana di Malaysia. Mahasiswa dan penghuni kampus, meminjam istilah Ahli Parlimen PAS, Mohamad Sabu, "*mati di pucuk*". Pembangkang belum mencapai kata sepakat hinggakan azam untuk menafikan majoriti dua pertiga BN di Parlimen nampak terlalu sukar untuk dicapai. Benar, krisis ekonomi tidak sedahsyat Jakarta, ruang untuk berbeza pandangan masih dibenarkan dalam batas tertentu, dan rakyat Malaysia lebih "sabar" menghadapi dugaan. Keresahan dan kegelisahan lebih tercium di peringkat kelas menengah. Mereka yang lazim dengan kehidupan mewah dan pembaziran — sesetengahnya pernah menjemput perempuan simpanan dari Amerika dengan jet peribadi untuk majlis di KL — diasak bahang yang menikam. Peringatan dari langit langsung tidak memberi pedoman. Kemewahan membuatkan manusia lupa diri dan bersikap angkuh dengan Tuhan. Akhirnya, egoisme membuncit, kedegilan membusung, kebongkakan meninggi bahawa zaman mewah hasil usaha tangan mereka sendiri.

Krisis ekonomi sepatutnya bisa menyedarkan tetapi bagi mereka yang mati rasa, peringatan Tuhan hanyalah daleh golongan agama untuk terus menghukum. Rupanya gila kuasa adalah penyakit yang tiada ubatnya. Elit penguasa merasakan mereka adalah penyelamat negara, walhal mereka lahir sumber dan punca segala rentetan masalah yang membelit rakyat. Dengarlah keluhan mereka: "Kami sudah lakukan segala-galanya untuk menarik keyakinan pihak luar, tetapi mereka tetap enggan melabur." Sayang, mereka tidak dapat memahami isyarat sepi rakyat, "sebaiknya kamu saja yang berundur".

Bukan Mahathir saja yang perlu menanggung azab ini. Bukankah konsep tanggungjawab bersama diamalkan dalam pemerintahan? Seluruh Kabinet Mahathir harus mengambil

risiko di atas petaka yang sengaja diundang itu. Kalaupun mahu melakukan reformasi atau pembaharuan, inilah masa terbaik, soalnya, siapa yang layak mengetuainya? Bolehkah reformasi dilakukan dalam kerangka yang sedia ditentukan, yang sememangnya diakui selama ini mendorong kebobrokan menjadi kian parah? Sistem yang membuat gelora nafsu haiwaniah mesti dirombak. Kuasa yang cukup luas terhadap eksekutif harus dibatasi, malah tempoh memegang jawatan PM wajar dihadkan tidak lebih dua penggal. Soal ketelusan, korupsi, penyalahgunaan kuasa, nepotisme, kronisme sudah lama diperkatakan walaupun mungkin dalam istilah yang sedikit berbeza. Jangan kita bertekak mendakwa ia ciptaan Barat sekiranya ia membawa manfaat bersama, sekurang-kurangnya elit penguasa lebih menghormati suara rakyat. PM jangan cuba memperbodohkan rakyat dengan mengalihkan isu sebenar.

Kroni Mahathir dan Anwar tidak kecil, mungkin habuan yang diagihkan berbeza-beza. Tiada siapa boleh menuding jari mengatakan hanya pihak lain mengamalkan nepotisme, korupsi dan kronisme. Semuanya terpalit, semuanya berbau busuk. Bukankah ia amalan biasa bagi memastikan teraju kuasa tidak berpindah tangan ke tangan pembangkang? Manakala Mahathir dan Anwar terus bersekongkol dalam pakatan tidak bermoral ini untuk menjaga kepentingan masing-masing. Mahathir sudah 17 tahun menjadi PM, tentu suku-sakatnya lebih ramai dan mendapat habuan lebih banyak. Tetapi Anwar baru empat tahun diangkat menjadi TPM, namun suku-sakatnya tidak kurang hebat, dan hampir pasti mengatasi suku-sakat Musa dan Ghafar — itupun jika mahu dibandingkan dengan tokoh yang setaraf dengannya.

Masa buat Mahathir sudah berakhir. Cukuplah. 17 tahun sudah terlalu lama dan membosankan. Berilah peluang orang lain pula, dan ia tidak semestinya Anwar. Golongan lebih

muda patut disediakan ruang. Saya sememangnya agak kritikal dengan Anwar, tetapi Mahathir tidak harus menyekat peluang Anwar dan tokoh-tokoh lain untuk menggantikannya. Jangan biar sampai rakyat menarik Mahathir turun ke bawah secara paksa dan jangan tunggu krisis ekonomi selesai. Mahathir bukan lagi penyelamat tetapi adalah sebahagian masalah kepada negara. Orang Melayu mungkin tidak memberontak dan merusuh walaupun mereka ditimpa kepedihan. Mereka mungkin tidak memahami makna reformasi kerana persekitaran yang membentuk mereka jadi begitu. Pembangkang pula tidak mampu menjadi kerajaan alternatif. Buat masa ini, hanya proses dalaman Umno boleh mengubah kepemimpinan negara. Nasib PM bukan terletak di tangan lebih 22 juta rakyat Malaysia tetapi ditentukan oleh tidak sampai 2,000 perwakilan Umno. Semoga tidak ada apa-apa tragedi buruk yang menimpa Mahathir jika beliau terus degil untuk merangkul teraju kekuasaan.

AHMAD LUTFI OTHMAN

Jalan Pahang Barat

Kuala Lumpur

14 Jun 1998

# 1

---

## *APABILA PEROMPAK BERCAKARAN MENGAGIHKAN HASIL ROMPAKAN*

**B**erdepan dengan penyokong-penyokong Anwar yang sudah tidak sabar-sabar lagi menunggu saat peralihan kuasa, Mahathir dianggap sebagai harimau tua yang luka, yang sudah hilang cengkamannya, dan hanya menunggu saat-saat kematian. Krisis ekonomi makin mencekiknya. Caranya mengendalikan kegawatan ini terus menjerutnya. Apa yang dibuat serba tidak menjadi. Ringgit terus jatuh. Saham kian merudum.

Mahathir sendiri mengakui dia sudah melakukan apa saja yang termampu tetapi pelabur masih tidak datang juga. Pendek kata Mahathir seperti sudah mati akal, tak ada lagi

idea baru untuk "membeli" keyakinan pihak luar. "Mahathir terlalu degil mempertahankan hujah dan idea lapuknya. Beliau sukar membuat perubahan terhadap apa yang dia kininya selama ini, tetapi tidak mudah pula untuk kita mengubahnya turun ke bawah," dakwa seorang bekas penyokong kuat S46 yang sehingga kini masih marahkan Tengku Razaleigh.

*Nepotisme* tiba-tiba saja menjadi istilah popular yang bertujuan memerangkapnya, lebih malang ia diluahkan oleh timbalannya sendiri dan digemakan secara lebih lantang oleh ketua pemuda partinya. Akhbar harian berpengaruh dan siaran TV popular pula seperti mengejeknya: "Bila lagi mahu berhenti?"

Memomentum tuntutan reformasi yang menumbangkan Suharto di Jakarta melantun ke Kuala Lumpur walaupun belum ada perarakan di jalan raya ataupun aksi protes tunjuk perasaan minta PM berundur. "Kalau kita tidak sedia membuat perubahan, kita akan mengundang mala petaka lebih dahsyat," tegas Anwar ketika merasmikan Konvensyen Umno Johor bertemakan *Agenda Ekonomi: Reformasi, Keadilan dan Keseimbangan*.

"Bagi Pemuda Umno," kata Zahid, "gejala nepotisme itu amat serius. Kita perlu ambil tindakan segera supaya perkara-perkara yang berlaku kepada negara jiran tidak berlaku di sini."

"Orang Anwar, termasuk Anwar sendiri, menyalahgunakan istilah reformasi untuk kepentingan sendiri. Mereka tidak lebih dari opurtunis, telunjuk lurus kelingking berkait," kata seorang pegawai kerajaan di Petaling Jaya, "Anwar tidak sebersih mana untuk mengetuai gerakan pembaharuan di Malaysia. Zahid cakap berdegar-degar tapi sebenarnya dia tidak layak langsung untuk mengungkitkan soal nepotisme dan korupsi. Suku-sakat Anwar sedang

berkeliaran menunggu peluang."

"Inilah masanya kita menyaksikan *perompak-perompak* bergaduh kerana tidak bersetuju dengan pengagihan hasil rompakan. Mereka bertelagah tentang makna keadilan dan kesamarataaan. Bagi perompak, bunuh membunuh adalah lumrah, termasuk suku-sakat sendiri," tambahnya sinis.

Percubaan mengaitkan apa yang berlaku di Indonesia dengan perkembangan di Malaysia, seperti yang disuarakan Anwar dan Zahid, dalam waktu terdekat selepas kejatuhan Suharto, seolah-olah membayangkan Malaysia turut diasak masalah yang sama, KKN (Korupsi, Kolusi dan Nepotisme). "Inilah yang dikehendaki media asing. Mereka meramalkan giliran Mahathir selepas Suharto. Zahid dan Anwar adalah penyambung lidah media luar yang mahu kita bercakaran," kata seorang penyokong Sanusi dari Alor Setar. "Cara Zahid menuduh secara rambang boleh menjatuhkan kredibiliti kerajaan seluruhnya."

"Orang Melayu lebih suka memendam rasa. Mereka memprotes dalam diam sambil memberi isyarat tertentu agar orang lain faham deraan jiwa mereka. Mahathir jangan terlambat untuk memahami isyarat ini. Jangan sampai Melayu mengamuk," pandangan seorang pendokong sebuah gerakan Islam. "Penghinaan PM terhadap Islam sudah keterlaluan. Bukan Hudud saja yang ditolak, malah kewajiban menutup aurat pun mahu disanggahnya. Sepatutnya Mahathir sudah jatuh, atau dalam bahasa yang lebih tepat, dijatuhkan lebih awal lagi. Saya bimbang kejatuhanya lebih tragis daripada pemecatan bekas Mufti Selangor. Ada isyarat dari langit yang tidak dihiraukan PM."

"Sejak ketepikan Ghafar pada 1993, banyak pihak jangkakan Anwar seterusnya akan mencabar Mahathir sehingga resolusi khas menghalang pertandingan jawatan Presiden diluluskan pada 1995. Inilah masa terbaik, sepanjang tempoh

lima tahun itu, untuk Anwar mencuba nasib," kata seorang veteran Umno. "Kesempatan dalam politik datang dan pergi, kadang-kadang tanpa disedari. Tapi Anwar selalu cepat menghidunya."

"Bila-bila masa saja penyokong setia Mahathir boleh beralih kepada Anwar. Jangan terkejut orang kepercayaan PM seperti Megat Junid pun boleh bersama Anwar kalau dilihatnya Mahathir hampir tumbang. Ingat pengalaman pedih Suharto, bilamana orang-orang kanannya sendiri mendesak beliau letak jawatan dan bertindak sebagai *tokoh reformasi jadi-jadian*, tapi sebenarnya mereka adalah *pahlawan kesiangan*. Pengikut Musa Hitam pula hampir pasti mengelilingi Anwar, walaupun pada 1993 mereka menyokong Ghafar," kata seorang daripada penyokong kuat Anwar yang merasakan kalau Anwar kalah dia pun turut "bungkus". Jelasnya, seteruk-teruk Anwar, dia sajalah harapan untuk melihat serpihan idealisme menjadi kenyataan.

"Yang tinggal mungkin Daim dan Sanusi, yang sudah tidak bergigi lagi dalam gelombang reformasi. Pak Lah hanya mengikut arus. Rafidah terpaksa menyesuaikan dengan tuntutan perubahan. Abu Hassan mudah beralih angin. Ghani Othman boleh menggantikan tempat Muhyiddin. Najib selalu menyokong pihak yang dilihatnya bakal menang," tambahnya penuh semangat.

"Jangan terlalu yakin," tegur saya, "Mahathir masih berkuku. Dia masih no. 1. Mahathir tidak selemah Suharto yang mudah dimainkan orang-orang di sekelilingnya. Dan Mahathir tidak senaif Ghafar yang percayakan jaminan Anwar tidak bertanding pada 1993. Ingat, semakin diasak, semakin ditekan, kelicikan Mahathir nampak lebih menyerlah. Mahathir banyak memerhati sekarang sambil merancang strategi. Saya ingatkan awal-awal agar penyokong Anwar jangan terkejut melihat tindakan Mahathir nanti."

"Jangan ingat kepala Mahathir boleh dipijak dengan mudah. Mahathir cukup pantang ahli-ahli Umno kritiknya di depan publik," saya sekadar mengingatkan.

"Mungkin Mahathir di kala itu seperti Suharto, mahu bersama arus reformasi tetapi masa sudah cukup terlewati," sambut anak muda yang hampir botak kepalanya itu.

"Mahathir tidak pernah tunduk dengan tekanan reformasi, malah disanggahnya habis-habisan," balas saya. "Mood ahli-ahli Umno masih terkawal dan mudah simpati kepada Mahathir. Ingat, satu kelebihan Mahathir ialah bijak menarik simpati dan *melarikan* persoalan sebenar kepada isu jadi-jadian. Mahathir masih mampu membentuk mood."

Jika diikutkan telahan juak-juak Anwar, Mahathir memang tidak punya masa depan lagi. Mahathir sudah di ambang senja. Zamannya sudah berakhir. Khabarnya, ahli-ahli Umno di segenap peringkat, khususnya mereka yang boleh mengundi dalam perhimpunan 1999, mahukan reformasi dalaman parti, yang diertikan "Mahathir turun, Anwar naik."

Perkiraan di atas kertas menunjukkan risiko Anwar untuk kalah, tipis sekali, sekali gus bermakna Mahathir mudah kecundang. Soalnya, bersediakah Anwar mencabar Mahathir dalam pertandingan 1999? Ataupun Anwar akan mengenakan desakan dan tekanan secara "berhikmah" agar Mahathir mengosongkan kerusi tanpa perlu luka-luka bertarung.

"Anwar tidak suka peralihan kuasa secara aman yang membuatkan dia dibayangi terus kehebatan lagenda Mahathir," dakwa seorang penganalisis politik. "Ini menyukarkan tugas Anwar seterusnya, sepertimana Tun Hussein yang sentiasa dibayangi wibawa Tun Razak. Manakala Tun Razak lebih mudah bekerja dan mengatur perancangan selepas rakyat menolak Tunku Abdul Rahman. Dan Mahathir sendiri

seolah-olah mendapat mandat besar rakyat selepas prestasi yang ditunjukkan Hussein Onn tidak begitu menggalakkan.

"Jadi, Anwar mahu peralihan kuasa yang natijahnya akan memencarkan bekas penyandang jawatan. Lihat apa yang berlaku kepada Ghafar. Untuk mengumumkan kese- diaannya menentang Ghafar sahaja dikerah seluruh pemimpin tertinggi Umno bersamanya, yang menyebabkan Ghafar kalah sebelum bertarung. Sebelum apa-apa, Anwar sudah menang besar dari segi moral. Maknanya Anwar mahu seluruh ahli-ahli Umno, kalaupun tidak seluruh rakyat, menyambutnya dengan penuh kehebatan kedatangan seorang Perdana Menteri baru yang bakal melakukan reformasi dan melupakan jasa PM sebelumnya. Anwar akan dipandang hebat jika sememangnya dia hebat ataupun bila dipaparkan kepada rakyat siri kegagalan Mahathir. Di kala itu, projek besar Mahathir, misalnya Wawasan 2020, tidak dihiraukan lagi. Rasanya pilihan kedua agak lebih mudah."

Tapi saya percaya, antara mendapat mandat baru yang cukup besar dengan imej penyelamat parti dan negara, Anwar tentu akan memastikan rentak tarinya kali ini tidak membawa padah. Anwar mengenali Mahathir luar dalam, begitu juga Mahathir terhadap Anwar. Kedua-duanya ibarat anak dan bapa, kadang-kadang sebagai teman seperjuangan yang boleh berbeza pendapat, bergurau senda di depan umum. Namun sebagai ahli politik, masing-masing menyedari, apa saja boleh berlaku demi "keajaiban kekuasaan". "Satu kelebihan Anwar, dia boleh menjadikan Mahathir sebagai objek gurauannya di depan umum," kata seorang perwakilan Umno. "Melainkan Anwar, siapa yang berani mengusik PM di depan umum?"

"Mahathir lakukan kesilapan paling buruk dalam kerjaya politiknya bila Petronas menyelamatkan anaknya Mirzan di waktu banyak syarikat Bumiputera atau lebih tepat

*Umnoputera lain tinggal nyawa-nyawa ikan tetapi tidak dipedulikan," kata seorang pensyarah sains politik.*

"Melayu bawahan mungkin boleh diperbodohkan, tetapi golongan kelas menengah dalam Umno akan memberontak dalam diam jika mereka sedari mereka dipinggirkan," tambahnya. Usaha menyelamat oleh Petronas itu memakan biaya lebih RM1,600 juta dan mendapat tentangan kuat daripada Anwar dan Presiden Petronas sendiri, Hassan Marican. Difahamkan beberapa keputusan penting langkah menyelamat syarikat masalah dibuat ketika Anwar berada di luar negara.

"Sesiapa pun tidak akan percaya transaksi sebesar itu adalah amalan bisnes biasa melainkan ia dipengaruhi oleh tekanan politik dari atas. Mahathir keterlaluan bila menggunakan istilah *dia kerap dihalau dari sidang Kabinet* apabila membincangkan sesuatu yang ada kaitan dengan suku-sakatnya. Sama ada Mahathir ada mempengarusikan mesyuarat atau tidak, pengaruhnya tetap besar dan dominan sekali dalam proses membuat keputusan," sambungnya lagi. "Anwar mendapat senjata paling berkesan untuk memburukkan imej Mahathir. PM dianggap hanya mementingkan anak beranaknya saja dan bersedia mengorbankan kepentingan negara demi menyelamatkan kaum kerabatnya. Bukankah ini bukti jelas amalan nepotisme."

Tetapi masih ramai juga yang percaya PM sedang melakukan usaha terbaik dalam kerangka pemikiran ekonominya untuk memulihkan keadaan. PM terpaksa menyelamatkan tokoh-tokoh korporat terkemuka, kerana hanya dengan itu, jalan pintas mengatasi kebuntuan. Lagipun, bukankah Mahathir sendiri yang selama ini mendorong, malah mungkin "memaksa" mereka membuat pelaburan tertentu yang berisiko tinggi.

Bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46, Dr

Rais Yatim, semasa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kelima mencatatkan dalam kertas kerjanya: "Dasar agihan peluang korporat dan pelaburan dikongkong sejenis amalan yang kerap disebut sebagai monopoli, pilih kasih, kronisme, nepotisme dan sebagainya. Lantaran beberapa ciri pilihan dan penentuan yang diamalkan hanya beberapa kerat usahawan Melayu yang muncul berjaya."

Memang diakui jentera perisik Anwar sedang bergerak di seluruh negara, sekurang-kurangnya untuk mendapat maklumat yang kemaskini tentang pengaruh dan kekuatan Anwar, dan bagaimana pula sikap ahli-ahli parti akar umbi terhadap Mahathir semenjak krisis ekonomi melanda. Apakah benar mereka sudah muak dengan pemerintahan 17 tahun PM dan memerlukan kesegaran tokoh baru? Apakah taufan reformasi yang menyingkirkan Suharto di Jakarta berjaya membekalkan momentum untuk turut mengheret Mahathir dari singgahsana kekuasaan atau mereka merasakan Jakarta jauh berbeza dengan Kuala Lumpur dan ia tidak boleh disamakan?

"Sebahagian penduduk kampung belum terkesan dengan krisis sekarang," kata seorang pengarang akhbar. "Jadi mereka tidak hiraukannya, sebaliknya ada yang mendapat rahmat daripada kejatuhan ringgit seperti peneroka sawit."

Kalau Habibie yang mungkin tidak termimpi untuk menjadi Presiden Indonesia semudah itu, apalah kurangnya Anwar yang semenjak menyertai Umno 1982 sudah memasang tekad dan keazaman untuk menjadi Perdana Menteri selepas Mahathir. Anwar dikenali rapat hubunganya dengan Habibie dan mempunyai sedikit imej keislaman. Sesetengah pengagum Habibie menyifatkan sesiapa yang menolak presiden baru itu sebagai menolak Islam.

"Anwar tentu gembira apabila PAS membesar-besarkan

kediaman mewah PM bernilai lebih RM200 juta di Putrajaya, tidak termasuk belanja lanskap yang cukup mahal, walaupun mungkin beliau agak kecewa dengan sikap pemimpin PAS yang tidak bersungguh-sungguh mengeksplorasi tindakan Mahathir membenarkan syarikat dan bangsa asing membeli ekuiti tempatan yang mengetepikan semangat DEB. Impian mencapai 30 peratus tinggal angan-angan kosong walhal sebagai anak peribumi kita harus memiliki jauh lebih besar dari itu, misalnya, 60 peratus," kata seorang aktivis Pemuda peringkat negeri.

(Kenyataan terakhir asset Bumiputera yang diumumkan pada 19 Jun 1995 oleh Menteri Pembangunan Usahawan ialah sekitar 19 peratus. Dan ini tentunya termasuk asset di bawah perbadanan yang menjaga kepentingan Melayu seperti PNB, LUTH, LTAT dan seumpamanya. Bayangkan, hanya berapa peratus sahaja ia milik individu Bumiputera).

"Bagi Mahathir, agenda Melayu tidak relevan lagi. Bangsa yang mahu maju harus bersaing, hatta di peringkat antarabangsa, dan tahan uji menghadapinya. Sebab itu Mahathir tidak pernah mahu mempertahankan tanah rizab Melayu, malah kewujudannya disifatkan sebagai memalukan orang Melayu sendiri. Tapi yang hairannya, anak-anak Mahathir sendiri mendapat layanan emas kerajaan, bukan sahaja tender besar dibolotnya, membekalkan tong-tong sampah kepada Alam Flora pun disapunya," tambah beliau lagi.

Dalam diam mungkin Anwar sendiri tidak membantah pembinaan mahligai RM200 juta itu kerana dia bakal menghuninya. Tidak dapat dipastikan apakah Mahathir sempat menjejakkan kaki ke istana berkenaan memandangkan ia masih belum siap lagi.

"Anwar tidak mengarahkan anak-anak buahnya turun ke bawah untuk meraih sokongan tetapi tidak pula meng-

halang. Yang penting sekarang ialah maklumat sebenar terhadap citarasa golongan di bawah, dan sejauhmana tunutan perubahan ke atas pucuk pimpinan parti dirasakan bersama atau sekadar berlegar di kalangan segelintir kecil pihak berkepentingan?" kata seorang penyokong Anwar, yang kini aktif dalam Pemuda.

"Anwar mempunyai banyak kumpulan pemikir dan perisik atau pengintip. Masing-masing ghairah memberikan maklumat dan data, yang sebahagiannya bermotifkan untuk mendorong Anwar lawan Mahathir. Kalau tidak, tak ada kerja pula nanti. Mereka mencari hujah dan daleh mengapa perlu Anwar terpaksa menentang Mahathir sebelum peluang Anwar dipintas oleh tokoh lain," tambahnya.

"Inilah kali pertama Umno mempunyai Timbalan Presiden yang cukup ghairah untuk menyingsirkan ketuanya," kata bekas jurukempen Ghafar. "Hal ini berbeza dengan sikap Tun Razak terhadap Tengku, Hussein Onn kepada Tun Razak dan Mahathir sendiri dengan Hussein."

(*Asiaweek* 19 Jun 1998 merakamkan: "*If he challenges Mahathir, Anwar is dead,*" says a senior Umno official. "*If he doesn't challenge Mahathir next year and in 2002, he's dead too.*")

Menurut sumber, sejak 1997 lagi — tahun pertama selepas Anwar dipilih semula sebulat suara sebagai Timbalan Presiden — gerakan sudah bermula di peringkat cawangan untuk memantapkan pengaruh Anwar di samping memperhebatkan lagi imejnya di kampung-kampung, dan juga membuat persiapan bagi pemilihan peringkat bahagian Umno 1997.

Sememangnya Anwar merupakan tokoh yang cukup mengambil berat — malah kadang-kadang secara agak melampau — terhadap imej yang dipaparkannya. Setiap insiden yang boleh menjelaskan popularitinya cuba dielakkan sedaya mungkin. Justeru, kawalan Anwar terha-

dap media sentiasa dipastikan berjalan licin. Ucapan Anwar di merata perhimpunan dan persidangan, terutama membabitkan penyertaan masyarakat antarabangsa disediakan oleh pelbagai pihak yang berwibawa dalam bidang masing-masing.

"Saya tak pasti apakah Anwar sendiri yang menulis artikel yang tersiar dalam majalah-majalah antarabangsa, dan apakah dia benar-benar faham akan isi kandungannya," kata seorang tenaga akademik universiti tempatan. "Anwar seperti berbangga dengan imejnya seperti seorang sarjana atau mahaguru walaupun pengetahuan tentang topik yang dibincangkannya hanyalah di permukaan sahaja. Yang penting ialah imej."

"Apabila Anwar diserang tuduhan skandal seks dengan isteri pegawainya sendiri, kumpulan perisik Anwar berusaha keras memastikan kredibiliti Anwar sebagai pemimpin bermoral tidak terjejas. Anwar cukup bimbang kalau golongan agama terpengaruh dengan surat yang menuduhnya berlaku curang itu," kata seorang wartawan yang mengaku rapat dengan bilik gerakan kempen Anwar.

"Fesyen yang digayakan Anwar adalah yang terkini, malah Anwar mendahului tokoh korporat terkemuka mencuba stail terbaru," tambahnya, sambil mengulum senyuman. "Anwar, kalau berbicara soal karya sastera terbaru, kalah Usman Awang mahupun Shahnon Ahmad dibuatnya. Bukannya dia tahu sangat, tetapi kegilaannya menampilkan imej terbaik memungkinkan Anwar berbuat apa saja walaupun hanya tahu nama judul novel terbaru yang terbit di Amerika Latin berserta sinopsisnya sedangkan beliau sendiri belum pernah membaca, juga melihat kulit bukunya."

Berdasarkan pengalaman saya bertemu dengan beberapa ulamak terkemuka yang amat tidak disenangi Mahathir,

misalnya Dr Harun Din dan bekas Mufti Selangor, Datok Ishak Baharom, imej Anwar tidak begitu tercalar dengan tuduhan bermukah dengan isteri orang itu. Mereka menganggapnya sebagai fitnah. Namun, Dr Haron Din lebih suka jika Anwar mengambil tindakan undang-undang terhadap penulis surat bagi membersihkan imejnya. Anwar harus mempunyai kredibiliti moral paling tinggi jika benar beliau berhasrat mengetuai gerakan reformasi di Malaysia.

"Dari aspek kesederhanaan Anwar sudah banyak berubah. Kroninya juga tidak kurang hebat. Tuduhan perlakuan seks dengan isteri orang dan tohmahan homoseks belum dibersihkan. Anwar juga antara menteri paling hebat menggunakan kedudukan demi kepentingan politik. Kalau ada calon lain, lupakanlah Anwar untuk membawa misi reformasi," kata seorang pemimpin pembangkang.

# 2

---

## *GAWAT '97 MUSNAHKAN WAWASAN 2020: APA LAGI YANG BOLEH MAHATHIR TINGGALKAN?*

**A**pa yang pasti, Wawasan 2020 sudah tidak boleh dicapai. Gawat 1997 memusnahkan harapan rakyat Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Tarikh baru perlu dicari untuk menetapkan bilakah negara ini boleh menjadi sebuah negara maju.

Bagaimanapun, tarikh baru juga tidak boleh ditentukan selagi Gawat 1997 tidak dapat dipastikan akan berakhir. Kegawatan ekonomi yang bermula pada tahun 1997 dan berlanjutan pada tahun ini lambat laun akan berakhir juga. Akan tetapi sejauh mana negara ini dapat kembali bangkit seperti mana sebelum kegawatan itu masih sukar untuk

ditentukan. Pada pertengahan tahun 1998, negara masih dilanda dengan kegawatan ekonomi, walaupun harapan tinggi menggunung bahawa kegawatan akan berakhir pada tahun 1999, tetapi kepastian tidak ada siapa dapat tentukan.

Begitu juga, negara masih boleh menjadi negara maju seperti yang dicita-citakan dan digariskan oleh Bapa Wawasan negara, Mahathir Mohamad. Yang pasti bukanlah pada tahun 2020. Menetapkan tahun 2020 sebagai tahun yang akan menyaksikan Malaysia sebagai negara maju adalah berdasarkan pada ketangkasan ekonomi negara sebelum berlakunya kegawatan.

Cita-cita untuk menjadi negara maju masih tetap menyala. Akan tetapi menjadi negara maju bukanlah merupakan suatu yang pasti dan semula jadi. Ia memerlukan usaha dan kerja keras yang gigih di kalangan rakyat dan pemimpin negara. Itupun, kepastian tidak ada. Terlalu banyak faktor untuk menjamin negara menjadi maju. Semen-tara keadaan maju dan mundur adalah suatu gelombang yang tidak ada kepastian.

Dunia sendiri tidak semestinya terus maju. Begitu juga negara. Takdir akan menentukannya.

Bagaimanapun, negara-negara yang telah maju sendiri tidak menetapkan tarikh bila mereka menjadi maju. Mereka hanya terus berkembang, merancang dan melaksanakan polisi-polisi yang dianggap terbaik. Dicampurkan dengan pelbagai faktor, dalaman dan luaran, mereka muncul sebagai sebuah negara maju.

Amerika Syarikat, sebagai negara termaju dan terbesar dunia tidak menetapkan bahawa sekian-sekian tahun, ia akan menjadi negara maju. Malah tarikh atau tahun di mana ia muncul sebagai negara maju juga akan menjadi perbalahan para ahli sejarah.

Akan tetapi umumnya, Amerika muncul sebagai sebuah

negara maju selepas perang saudara ataupun pada awal abad ke-20. Perdamaian dan kestabilan yang dinikmati rakyat Amerika Syarikat memangkinkan penyemarakan aktiviti ekonomi dengan menjadikannya sebagai sebuah negara yang kuat dan maju.

Sistem kapitalisme dan semangat untuk penciptaan baru menambahkan lagi kekuatan industri negara itu. Penghasilan negara itu berjaya diekspot dan negara itu meraih keuntungan besar daripada jualan barang ke luar negara.

Begitu juga dengan Eropah. Negara-negara di Eropah tidak merancang untuk menjadi negara maju pada sekian-sekian tahun. Mungkin sebelum Amerika Syarikat maju, negara-negara Eropah sudah mencapai kemajuan terlebih dahulu. Britain, Perancis, Jerman, Itali, Belanda dan negara-negara Eropah barat lain sudah boleh dianggap maju menjelang Perang Dunia Pertama. Mungkin sifat mereka sebagai negara penjajah menyebabkan mereka mengecapi kemajuan. Ataupun tradisi kebangkitan pemikiran dalam zaman *Renaissance* dan *Enlightenment* meletakkan mereka di depan dalam kemajuan manusia.

Mereka tidak merancang untuk maju, tetapi sedar-sedar mereka dapati diri mereka maju dan mampu untuk menjajah atau menindas negara-negara lain.

Jepun juga tidak menetapkan tahun bila untuk menjadi negara maju. Selepas Perang Dunia Kedua, walaupun hancur dalam perperangan, ia mampu bangkit menjadi satu-satunya negara maju di Asia. Mungkin asas perindustrian Jepun sudah kuat sebelum Perang Dunia Kedua, ditambah pula dengan tradisi inovasi pada bangsa Jepun, negara itu mampu untuk menjadi negara maju tanpa perancangan atau menetapkan tarikh.

Dekat dengan Malaysia, negara yang boleh dianggap sebagai negara maju ialah Singapura. Negara itu mempunyai

rancangan dan agenda negara yang jelas. Akan tetapi bukan untuk menjadi negara maju — walaupun itu merupakan cita-cita semula jadi semua bangsa dan negara. Apa yang penting bagi Singapura ialah survival negara di tengah-tengah rantau yang mencabar.

Dalam memastikan survival sendiri, Singapura dapat menjadi negara maju.

Malaysia juga mahu menjadi negara maju. Perdana Menteri telah menanam azam bagi mencapai cita-cita melalui konsep Wawasan 2020. Akan tetapi menetapkan 2020 sebagai tarikh tercapainya negara ini sebagai negara maju, dengan definisi jelas bentuk negara maju yang hendak dicapai oleh negara maju merupakan suatu yang kini dianggap sebagai cita-cita naif.

Ribut kegawatan yang tidak dijangka telah memusnahkan harapan Wawasan 2020 sekelip mata. Semakin Gawat 1997 berlarutan, semakin jauh cita-cita itu. Bagaimanapun, tidak ada manusia yang dapat menjangkakan takdir. Dilihat daripada sebaliknya, manusia juga tidak dapat menjangkakan mirakel (*miracle* - yang tidak boleh diterjemahkan sebagai mukjizat). Kalau muncul faktor yang memberikan perkembangan ekonomi positif dari sumber yang di luar jangkaan, maka Malaysia masih mampu menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Akan tetapi realiti dan fakta yang ada pada waktu ini menetapkan bahawa Malaysia tidak boleh menjadi negara maju pada tahun 2020.

Walaupun minda rakyat Malaysia sejak Mahathir mengemukakan gagasan Wawasan 2020 adalah untuk bekerja menjadikan negara ini sebagai negara maju menjelang tahun 2020, tetapi set minda seperti itu kini sudah tidak relevan.

Set minda sekarang ialah untuk survival. Malaysia dan

rakyatnya perlu *survive* dalam kedudukan ekonomi yang mencabar hari ini. *Survive* bererti memerlukan *sacrifice* (pengorbanan). Kesungguhan untuk *survive* adalah set minda yang perlu untuk mengeluarkan negara ini daripada kancang kegawatan.

Sememangnya, sebarang pemulihan atau pemberian ekonomi negara ini amat bergantung pada keadaan negara-negara lain terutama negara rantau ini, khususnya Indonesia. Walaupun kegawatan yang dialami oleh Malaysia bermula daripada Thailand, tetapi kunci pemulihannya berada di Indonesia. Maka Indonesia jauh lagi daripada tanda-tanda pemulihan kerana ia perlu melaksanakan proses reformasi dahulu.

Set minda ini merupakan ketahanan mental dalam menghadapi pelbagai cabaran, yang lebih sengit berbanding dengan zaman pra-gawat. Dalam kewujudan ini, sering kali masalah dianggap sebagai datang bertimpa-timpa. Begitu juga waktu senang. Kesenangan akan datang bertubi-tubi.

Akan tetapi sekarang, Malaysia sedang menanggung serangan masalah yang bertimpa-timpa. Bukan saja soal ekonomi tetapi masalah-masalah lain juga muncul pada masa ini. Bukanlah bermakna bahawa sebelum ini tidak ada masalah yang berat ditanggung oleh negara, tetapi apa yang berlaku sekarang, masalah datang bertimpa-timpa dalam keadaan kegawatan ekonomi. Dengan kedudukan ekonomi yang lemah, stamina negara untuk menyelesaikan masalah-masalah lain juga kurang.

Antara masalah-masalah yang timbul ialah kekurangan air. Sebelum berlaku kegawatan ekonomi, masalah besar adalah jerebu. Jerebu ini juga menjelaskan ekonomi negara. Antaranya ialah sektor pelancongan. Kekurangan air juga menjelaskan sektor pelancongan. Dengan kegawatan ekonomi, bertambah berat lagilah tanggungan yang dihadapi

oleh sektor pelancongan walaupun diharapkan bahawa kelemahan ringgit akan menarik lebih ramai pelancong. Akan tetapi yang jelas, kadar penginapan di hotel turun mendadak dengan bilik hotel yang ditawarkan lebih ramai daripada permintaan.

Memang benar rakyat Malaysia adalah antara rakyat yang sabar dan tabah menghadapi dugaan. Walaupun semasa kekurangan air, suhu kemarahan sudah tentu meningkat di sana sini. Kerajaan Malaysia harus bersyukur mempunyai rakyat yang sabar, yang tidak keluar ke jalan raya dan menunjuk perasaan. Ataupun mungkin rakyat Malaysia sudah kekurangan perasaan, kalau masih ada perasaan.

Pelbagai pandangan tentang siapa yang harus bertanggungjawab hingga menyebabkan kegawatan ekonomi. Juga diutarakan siapakah yang harus menyelesaikannya. Daripada soal konspirasi hinggaalah tentang kuasa pasaran. Antara teori konspirasi ialah bahawa kegawatan ekonomi di Asia Tenggara berasaskan kepada hasrat Amerika Syarikat (baca Barat) untuk melemahkan China yang dianggap sedang muncul menjadi suatu kuasa baru yang boleh mencabar hegemoni mereka.

Selama ini, mereka mencanangkan tentang *miracle* dan kebangkitan Asia Timur untuk menakut-nakutkan dan mengingatkan Barat betapa China boleh mencabar mereka pada suatu hari nanti. Untuk itu, disarankan bahawa Barat mesti menyekat kemaraan dan kebangkitan China itu. Pelbagai cara dilakukan, baik dari segi politik dan budaya.

Dari segi ekonomi, mereka mahu menyekat aliran pelaburan ke China. Sememangnya Barat juga mempunyai pelaburan di China, tetapi itu lebih merupakan eksplotatif daripada penyumbangan. Pelaburan yang lebih kepada sumbangan datang daripada usahawan-usahawan luar negara yang berketurunan China.

Pelabur dari kalangan keturunan China yang ramai datangnya daripada Asia Tenggara. Malah jentera tenaga ekonomi Asia Tenggara dipegang oleh usahawan-usahawan keturunan Cina. Kebanyakan usahawan utama di Thailand, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura terdiri daripada keturunan Cina. Mereka turut melabur secara besar-besaran di China. Kegiatan mereka bukan saja digalakkan oleh kerajaan China, tetapi digalakkan oleh kerajaan mereka sendiri.

Jadi apabila ekonomi Asia Tenggara lemah, maka pelaburan di China akan turut lemah. Akhirnya ia akan menjatuhkan ekonomi negara besar itu, dan membantutkannya untuk menjadi kuasa besar. Teori ini digemari oleh nasionalis dan patriot China yang merasakan diri mereka menjadi mangsa kepada kegelojohan Barat. Pada waktu yang sama, ia menggambarkan perasaan rendah diri (*inferiority complex*).

Bagaimanapun, kebenaran teori ini diragukan. Memang benar, sedikit sebanyak China terjejas juga dengan masalah ekonomi Asia Tenggara. Akan tetapi ia tidak terheret sama. Ramai pemerhati ekonomi meneliti tanda-tanda bahawa China akan turut terbabit dengan krisis ini, lebih-lebih lagi kegawatan menjelas negara utama Asia Timur seperti Korea Selatan dan Jepun.

Akan ternyata, sehingga setahun berlalu, kegawatan tidak sampai ke China. Malah negara dan wilayah pinggiran China seperti Taiwan dan Hong Kong terus berkembang.

Bagi umat Islam, teori yang mereka gemari ialah kegawatan ekonomi ini berpunca daripada konspirasi yang mahu menghalang kebangkitan negara-negara Islam. Negara Islam yang dianggap paling maju dan moden khususnya dalam bidang ekonomi, ialah Malaysia. Lebih-lebih lagi apabila dihebahkan bahawa Malaysia mahu menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Maka Malaysia, terutama umat

Islam negara sendiri berfikir bahawa negaranya akan menjadi negara Islam maju pertama di dunia. Maka turut dicanang betapa Malaysia menjadi contoh sebagai negara Islam moden dan maju. Negara-negara Islam yang lain tidak boleh dijadikan contoh. Iran dan revolusinya dianggap gagal.

Bagaimanapun, pandangan ini tidak terhad kepada Malaysia. Ia juga mengheret keseluruhan rantau ini, termasuk Indonesia. Maka dengan suatu impian indah umat Islam disebut bahawa kebangkitan Islam sebenar datangnya dari Asia Tenggara, bukannya Asia Barat atau Timur Tengah. Malaysia dan Indonesia akan menjadi negara maju Islam yang akan memimpin atau menjadi contoh kepada dunia Islam dalam menghadapi alaf baru yang penuh dengan kemajuan teknologi maklumat. Kemakmuran ekonomi yang dinikmati oleh Malaysia dan Indonesia sepanjang dekad 90-an dianggap sebagai bukti kepada kebangkitan baru ini.

Kegawatan ekonomi 1997 mengejutkan umat Islam di Asia Tenggara. Tiba-tiba mereka merasa begitu lemah dan miskin. Indonesia terpaksa meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Malaysia sudah tidak dapat membanggakan diri untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Impian punah. Maka dicarinya pihak yang boleh dipersalahkan. Maka sudah tentu spekulator wang. Antaranya George Soros. Kebetulan pula dia berketurunan Yahudi. Maka teori konspirasi ini mudah.

Apa yang berlaku di Asia Tenggara boleh dianggap sebagai konspirasi Yahudi untuk melemahkan negara-negara Islam yang baru bangkit untuk maju. Malah apabila berlaku kebangkitan pelajar dan rakyat Indonesia menuntut reformasi hingga Suharto melepaskan jawatan, dikatakan bahawa mereka menjadi alat pihak Barat untuk menjatuhkan Indonesia, khususnya umat Islam Indonesia; sedangkan ternyata tokoh pemimpin kebangkitan pelajar ketika itu

adalah Ketua Umum Muhammadiyah, Amien Rais.

Setelah teori-teori konspirasi itu mula dipandang serong, maka dijelaskan bahawa punca kegawatan adalah sistem kewangan antarabangsa yang sebeginu rupa hingga hanya menguntungkan spekulator Barat dan tamadun Barat dengan menjadikan pihak lain sebagai mangsa.

Pihak Barat tidak berpandangan demikian. Sambil mengakui adanya kelemahan dalam sistem kewangan antarabangsa, mereka mendakwa pentadbiran dan pemerintahan yang tidak baik menyebabkan berlakunya kegawatan ekonomi di Asia Tenggara. Ini membawa implikasi bahawa pemerintahan di Thailand, Malaysia dan Indonesia adalah lemah. Mungkin pemerintahan di Thailand boleh dianggap lemah sehingga kerajaan berubah dengan begitu cepat sekali. Perdana Menteri ditukar bersilih ganti. Sementara pihak tentera menguasai sebahagian besar ekonomi negara. Akan tetapi Thailand mengamalkan demokrasi yang sewajarnya. Mungkin negara itu lebih demokratik daripada Malaysia dan Indonesia. Sungguhpun di peringkat tempatan, pembelian undi berlaku dengan berleluasa.

Pemerintahan Indonesia juga dianggap lemah kerana amalan yang disebut oleh para demonstran sebagai KKN iaitu korupsi, kolusi dan nepotisme. Suharto, keluarganya dan rakan-rakan karibnya menumpuk harta kekayaan melalui kekuasaan politik. Ia terlalu menjolok mata. Sementara sistem demokrasi sangat dimanipulasikan hingga hanya memanfaatkan Suharto dan konco-konconya. Pihak tentera pula memainkan peranan besar dalam politik dan ekonomi negara.

Bagaimanapun, sebagai seorang yang memerintah selama 30 tahun dan berjaya meningkatkan pendapatan negara dan rakyatnya, Suharto tidak boleh dianggap sebagai pemimpin yang gagal. Banyak sumbangannya kepada

kemajuan Indonesia. Mungkin dia hanya berjaya dalam sesuatu segi tetapi pada keseluruhan, dia telah membawa Indonesia ke ambang kehancuran. Akan tetapi pihak lain boleh menganggap bahawa kegawatan ekonomi menghapuskan segala kekuatan politik dan ekonomi Suharto. Bagaimanapun, sesuatu kejadian berlaku atas banyak faktor — bukannya satu faktor. Akan tetapi pelbagai faktor.

Begitu juga di Malaysia. Mahathir muncul sebagai pemimpin yang berjaya bukan saja di Asia, tetapi di seluruh negara. Dia mempunyai wawasan jauh. Bukan saja Wawasan 2020 tetapi gagasan seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kritikannya terhadap sistem kewangan antarabangsa menunjukkan Mahathir adalah seorang tokoh yang mempunyai banyak idea bernes. Hujah-hujah yang dikemukakan juga adalah jitu dan mudah difahami dan dipersetujui. Akan tetapi malang juga bagi Mahathir, kegawatan ekonomi yang melanda negara ini menghapuskan impiannya dan kewibawaannya.

Selama ini, projek-projek mewah yang dipelopori dia dapat dipertahankan. Akan tetapi apabila kegawatan melanda, banyak projek besar terpaksa ditangguhkan dan ia dikatakan sebagai antara faktor yang menyebabkan kegawatan ekonomi.

Apahal pun ada sesuatu yang tidak kena dengan pemerintahan Mahathir. Bayangkan kalau tidak ada projek-projek mewah. Tidak ada Empangan Bakun dan Menara Berkembar Petronas. Ramai yang menolak Bakun kerana dianggap bukan saja suatu projek raksasa tetapi mencemarkan alam sekitar. Akan tetapi ramai yang boleh menerima projek Menara Berkembar Petronas. Memiliki bangunan tertinggi di dunia adalah suatu yang membanggakan dan memberi kesenangan di hati rakyat. Akan tetapi kesannya pada ekonomi adalah suatu yang sukar untuk diterima.

Semua projek-projek mewah dalam dekad ini dirasakan adalah suatu yang perlu. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya juga dipandang sebagai projek nasional yang perlu.

Bagaimanapun, apabila kegawatan ekonomi, projek-projek itu menjadi satu beban. Rakyat lebih gemar untuk bercakap tentang barang-barang keperluan dapur daripada projek-projek mewah. Barang-barang seperti bawang, susu dan ayam menjadi suatu yang lebih penting daripada projek-projek mewah.

Begitu juga dengan Wawasan 2020. Memang indah untuk mengimpikan negara sendiri menjadi negara maju. Tanda-tanda ke arah untuk menjadi negara maju juga mengukuhkan realiti bahawa status negara maju dapat dicapai, walaupun oleh negara seperti Malaysia. Bagaimanapun, impian itu seperti juga suatu utopia. Impian yang boleh jadi kenyataan, tetapi andai kata ia dapat dicapai juga, banyak kos lain dan kesan sampingan atau masalah-masalah lain timbul akibat pencapaian itu. Takdir bergerak mengikut kehendaknya. Sistem perkembangan negara adalah suatu yang kompleks. Berjaya di satu segi, gagal di segi lain. Kesan sampingan pada sesuatu tindakan atau perkembangan adalah terlalu pelbagai yang sering kali sukar dijangkakan oleh manusia. Kesemuanya itu adalah takdir.

Jadi, katakanlah Wawasan 2020 dapat dicapai juga. Akan tetapi kosnya juga tinggi dan kesan sampingan yang tidak diduga juga ada. Malah perkembangan ekonomi yang pesat dalam dekad ini juga mendatangkan banyak kesan sampingan hingga apabila berlaku Gawat 97, ia adalah suatu yang tidak diduga.

Ada rahmat di sebalik Gawat 97. Indonesia sudah mula menikmatinya. Gawat 97 membawa kepada Reformasi 98. Malaysia masih tidak dapat menikmatinya lagi. Sebaliknya

kejutan daripada Gawat 97 masih belum dapat benar-benar dirasai oleh masyarakat. Kelam kabut dalam kemasukan pelajar-pelajar universiti bagi sessi 98 ini adalah salah satu akibat daripada hasil Gawat 97. Malang bagi pelajar-pelajar itu. Akan tetapi rakyat mula menghadapi realiti bahawa bukan saja mereka sudah tidak boleh mengharapkan pada kerajaan untuk memberikan masa depan mereka dan anak-anak mereka. Mereka harus berusaha sendiri. Kerajaan tidak boleh banyak berbuat apa-apa untuk menolong rakyat. Kerajaan juga sudah kekurangan wang. Kalau lama-kelamaan disedari bahawa kerajaan tidak banyak menolong rakyat, maka apa perlu kerajaan. Ataupun rakyat sudah tidak dapat membiarkan kerajaan dikuasai oleh segelintir elit politik. Rakyat sendiri harus aktif menyuarakan aspirasi ini. Kesedaran ini akan membawa kepada sikap keterbukaan yang lebih besar, dan sambungan daripada itu, adalah demokrasi itu sendiri.

Apabila difikirkan apa yang telah berlaku sepanjang perkembangan ekonomi dekad 90-an, maka mula dirasakan betapa selama ini, negara ini (dan pemimpin-pemimpinnya) bersifat angkuh terhadap kejayaan yang dinikmati. Keangkuhan itu terserlah dengan pembinaan simbol-simbol kecemerlangan seperti menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar Petronas, bukan saja perkara besar-besaran tetapi azam untuk mencapai sesuatu yang tinggi mungkin. Projek mendaki Gunung Everest dan malah melancarkan satelit negara adalah semuanya untuk menyerlahkan semangat *Malaysia Boleh* yang kalau dilihat di sudut lain sebagai suatu keangkuhan.

Memerlukan simbol-simbol itu menandakan sesuatu yang kurang pada jiwa rakyat Malaysia. Memang senagat perlu. Akan tetapi lebih baik jika semangat itu disalurkan kepada nilai-nilai masyarakat penyayang dan masyarakat madani, umpamanya.

Dalam menghadapi kekurangan air dan rebutan tempat di universiti, dapat dilihat bahawa nilai-nilai masyarakat penyayang tidak menjadi keutamaan. Bukan saja keadilan terkorban dalam pemilihan calon-calon pelajar universiti, tetapi dengan francais dan penswastaan sektor pendidikan memperlihatkan betapa komersialisme menjadi momok buruk hinggakan gerakan kepenggunaan tidak terdaya melawannya.

Mengejar kebendaan dan simbol-simbol yang antara lain kelihatan dalam kecenderungan untuk menggunakan jenama import (menyumbangkan lagi kepada penurunan nilai ringgit) adalah sebahagian daripada terhakisnya nilai-nilai masyarakat penyayang. Ini adalah antara ideologi Wawasan 2020.

Masyarakat penyayang menjunjung tinggi soal-soal kebaikan rakyat. Dalam soal ini seharusnya Kementerian Kebajikan Masyarakat menjadi kementerian utama dalam kerajaan. Bagaimanapun, ia tidak menjadi demikian. Kementerian utama adalah yang ada kaitan dengan kewangan, perniagaan dan perdagangan. Soal ekonomi menjadi amat penting hingga mengatasi pertimbangan lain.

Sememangnya badan-badan korporat banyak memberi sumbangan kepada aktiviti-aktiviti bukan perniagaan di negara ini. Akan tetapi hampir kesemuanya mempunyai pertimbangan ekonomi yang muncul dalam bentuk lain.

Wawasan 2020 sememangnya gagasan Mahathir sementara *Masyarakat Madani* gagasan Anwar Ibrahim. Gabungan kedua-duanya akan menghasilkan suatu konsep yang menarik dan muncul sebagai suatu yang hampir menjadi utopia.

Bagaimanapun, zaman ini bukan lagi zaman utopia atau ideologi. Ideologi sudah mati. Lawan utopia adalah *dystopia*. *Dystopia* menetapkan bahawa negara sempurna tidak akan

tercapai. Ia hanya wujud sebagai imaginasi aktivis dan ahli politik.

Apa yang boleh dicapai adalah tahap-tahap tertentu dalam kehidupan manusia ke arah pembaikan. Umpamanya, makanan yang cukup. Tempat tinggal yang sempurna. Kegiatan budaya yang mengayakan jiwa. Amalan beragama yang memuaskan. Kehidupan keluarga yang harmonis. Peluang pendidikan bagi anak-anak untuk menjadi seseorang yang berfikiran dan berakhhlak. Pendidikan seumur hidup yang menambahkan lagi ilmu dan pengetahuan manusia. Perkara-perkara murni ini boleh dicapai.

Kemakmuran dan suasana harmonis boleh dicapai tanpa projek-projek mewah serta besar seperti Menara Berkembar Petronas. Sememangnya bangunan itu menyediakan ruang-ruang kegiatan budaya di tengah kegiatan komersial pusat membeli belah Suria KLCC.

Petronas menyediakan galeri seni lukis dan auditorium simponi muzik klasik. Itu merupakan sumbangan kepada budaya yang besar. Tidak jauh daripada bangunan itu, tidak dilupakan, dibina sebuah masjid, yang cantik dan boleh digunakan untuk amalan beragama.

Akan tetapi keharmonian hidup bukan terletak pada projek-projek besar. Ia terletak pada kehidupan komuniti setempat di seluruh negara — bukan saja di ibu negara. Bagaimana rakyat di segenap lapisan masyarakat di daerah-daerah dapat menikmati kegiatan budaya, amalan hidup beragama yang memuaskan dan kualiti kehidupan yang lebih menekankan kepada kekayaan intelektual dan kerohanian.

Perkara-perkara ini bukan boleh tercapai melalui kempen-kempen seperti lagu IT, dan seumpamanya. Ia lebih besar daripada itu. Ia harus bermula di sekolah-sekolah dan persatuan yang patut menjadi pelopor adalah Persatuan Ibu

Bapa dan Guru (PIBG). Sekolah harus membabitkan masyarakat setempat. Masjid memang boleh digunakan untuk keharmonian masyarakat Islam. Tetapi dalam masyarakat berbilang kaum, sekolah seharusnya menjadi pusat kegiatan masyarakat. Dari situ, warga negara yang baik boleh dilahirkan dan mereka akan mencorakkan bentuk mana negara yang diidamkan. Sekali lagi, ini bukan satu utopia, tetapi hanyalah proses dan kegiatan bagi mengindahkan lagi kehidupan. — *Abu Firdaus*



# 3

---

## *TUGAS AKHIR MAHATHIR, SEDIAKAN RUANG UNTUK REFORMASI*

Rakyat masih menyokong kuat Mahathir Mohamad sebagai pemimpin utama negara. Kalau pilihan raya diadakan dengan serta merta, Mahathir akan menang mudah. Tidak ada pihak yang cukup kuat untuk mencabarinya. Baik di kalangan pembangkang, maupun di kalangan dalam Umno sendiri. Cuma dalam waktu terdekat, saingan datang daripada timbalannya sendiri, Anwar.

Pemimpin pembangkang, Ustaz Fadzil Mohd Noor, Presiden PAS dan Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP tidak cukup berwibawa untuk menjadi Perdana Menteri. Barisan Nasional telah berjaya mengecilkan PAS dan DAP hingga

tidak cukup banyak rakyat yang berupaya memilih mereka sebagai parti kerajaan pusat.

Walaupun tidak sejelas seperti Suharto, secara tidak disedari, Mahathir telah meminggirkan semua pencabar-pencabarnya. Hingga tidak ada siapa yang dapat dilihat dapat mengantikannya sebagai pemimpin utama negara. Mahathir terlalu hebat bagi Malaysia hingga sesiapa yang mengantikannya kelak akan merasa sukar untuk menandingi kecemerlangannya.

Termasuk juga Anwar Ibrahim. Walaupun pada satu masa dia dianggap tokoh yang cemerlang dan dapat menandingi Mahathir, tetapi masa telah menentukan bahawa Anwar juga sukar untuk menyaingi kecemerlangan dan prestasi pemerintahan Mahathir.

Mungkin dengan cara ini, Mahathir dapat terus mengekalkan kuasanya. Jarak kewibawaan antara Mahathir dan Anwar amat luas dan umumnya rakyat Malaysia yang hanya mengukur kekuatan seseorang pemimpin melalui media tidak akan mahu menerima kepimpinan Anwar selagi Mahathir masih berupaya.

Dan sehingga ini Mahathir masih berupaya. Walaupun negara dilanda dengan kegawatan ekonomi dan berada pada tahap yang menyedihkan. Akan tetapi rakyat walaupun mengharapkan Mahathir dapat melakukan sesuatu yang mendadak bagi menyelamatkan negara tetapi umumnya rakyat dapat menerima bahawa apa yang berlaku sekarang adalah bukan salah Mahathir, tetapi salah sistem itu sendiri. Lagipun seluruh rantau ini terjejas. Walaupun pemimpin demi pemimpin bertukar ganti di rantau ini, tetapi mereka mahu mengekalkan Mahathir; pendek kata kepimpinan dan pentadbiran Mahathir masih diperlukan.

Bukanlah Mahathir tidak melakukan kesilapan. Malah pada akhir tahun lalu, apabila Mahathir mengecam speku-

lator mata wang, George Soros dan menimbulkan kontroversi konspirasi Yahudi, ramai ahli-ahli perniagaan Malaysia yang merasa kesal. Lebih-lebih lagi apabila dilihat setiap kali Mahathir membuka mulut, nilai ringgit semakin jatuh berbanding dengan nilai mata wang dolar Amerika Syarikat; begitu juga dengan petunjuk saham.

Memang benar, ketika itu, sudah timbul betapa Mahathir harus meletak jawatan bagi memenuhi kehendak tekanan daripada pasaran mata wang dan saham sejagat. Kalau rakyat Malaysia yang perlu berkorban untuk negara, Mahathir lah yang perlu berkorban dahulu dengan meletak jawatan dan memberi laluan kepada Anwar yang ketika itu dilihat sebagai dapat mendatangkan keyakinan semula kepada pelabur-pelabur antarabangsa.

Akan tetapi Mahathir tidak menerima saranan ini. Rakyat Malaysia perlu berkorban menghadapi kegawatan ekonomi dengan pelbagai cara, termasuk tidak membeli barang import dan menanam sayur-sayuran. Akan tetapi bukan dengan Mahathir meletak jawatan. Mungkin bagi Mahathir tindakan ini akan lebih merugikan negara. Malaysia lebih memerlukan Mahathir daripada Mahathir memerlukan Malaysia. Mungkin itu andaian Mahathir. Maka sebab itu Mahathir terus berada dalam kepimpinan.

Bagaimanapun, kepimpinan Mahathir telah mencorakkan politik negara, yang mana kini negara seolah-olah bergantung pada seorang pemimpin dalam menentukan masa depannya. Malaysia terlalu bergantung kepada Mahathir hingga sukar untuk melepaskannya. Keadaan ini sering berlaku pada negara yang mempunyai pemimpin yang dominan. Ia sering berlaku pada amalan politik yang cenderung pada kediktatoran. Bagaimanapun, ini bukan hendak mengatakan bahawa Mahathir adalah diktator. Malaysia tetap sebuah negara demokrasi tetapi kepimpinan

Mahathir adalah amat dominan hingga negara dan rakyat seolah-olah tidak dapat memikirkan sendiri hala tuju dan aspirasi mereka. Semua aspirasi dipenuhi oleh Mahathir — kebetulan pula ia memenuhi keperluan rakyat.

Apabila Mahathir tiada kelak, sudah tentu akan muncul semacam vakum kepimpinan. Sesuatu yang tidak perlu wujud dalam amalan demokrasi. Memang tidak semua pemimpin sama. Ada pemimpin yang berjaya, dan ada yang gagal. Ada yang dominan, dan ada yang lemah. Akan tetapi negara demokratik akan terus menjadi cemerlang kerana aspirasinya ditentukan rakyat, dan bukannya ditentukan oleh pemimpin utamanya. Pemimpin utama hanya memberi kepimpinan bagi mencapai aspirasi rakyat.

Memang terdapat perdebatan tentang peranan kepimpinan negara. Adakah pemimpin harus memimpin, atau hanya menyalur kehendak rakyat. Pemimpin yang dominan akan menekankan soal kepimpinan. Bagi mereka, rakyat tidak tahu apa yang dikehendakinya. Pemimpin yang dapat merasakan kehendak rakyat dan rakyat dikehendaki mengikut aspirasi pemimpin, kerana itu adalah sebenar aspirasi rakyat. Bagaimanapun, bagi mereka yang mendokong demokrasi, pemimpin hanya sebahagian daripada rakyat dan kepimpinannya harus memenuhi kehendak rakyat.

Dalam sejarah Malaysia selepas kemerdekaan, keadaan ini tidaklah sentiasa berlaku. Pengasas Malaysia, Tunku Abdul Rahman juga dominan. Akan tetapi negara mempunyai keyakinan besar terhadap Tun Razak. Malah kepimpinan Tun Razak dialu-alukan dan malah menjadi cemerlang. Timbalannya juga memperolehi keyakinan rakyat. Tun Dr Ismail Abdul Rahman dipercayai boleh menjadi pemimpin cemerlang. Bagaimanapun, setelah beliau meninggal dunia, tempatnya digantikan oleh Hussein Onn yang kurang diyakini oleh rakyat.

Bagaimanapun, pemerintahan Hussein tidaklah lemah. Walaupun beliau tidak dominan seperti Tunku dan Tun Razak tetapi beliau tetap menjalankan polisi-polisi pemimpin-pemimpin terdahulu dan ternyata ia tidak menjasakan negara.

Hussein Onn digantikan dengan Mahathir Mohamad yang ternyata muncul sebagai pemimpin dominan. Memang rakyat menaruh harapan besar terhadap kepimpinan Mahathir. Akan tetapi team kepimpinan Mahathir mendapat keyakinan rakyat yang besar. Bukan saja timbalannya, Musa Hitam juga popular, tetapi Kabinetnya mengandungi tokoh-tokoh politik yang diyakini dapat bersama-sama memberi semangat baru kepada negara. Ketika itu, dalam Kabinet Mahathir, ada Tengku Razaleigh Hamzah. Begitu juga, Anwar baru menyertai team Mahathir.

Kemudian dalam Kabinet, muncul penentangan terhadap Mahathir. Terdapat berbagai-bagai alasan Mahathir tidak dapat menunjukkan Kabinet yang bersatu di bawah kepimpinannya. Tengku Razaleigh menjadi penentang utama kepada Mahathir. Tengku Razaleigh tidak dapat menerima kecenderungan Mahathir terhadap Musa. Maka Tengku Razaleigh menentang Mahathir dengan menentang Musa bagi jawatan Timbalan Presiden. Keadaan ini berlaku dua kali, yang sedikit sebanyak melemahkan sumber kekuatan kedua-dua penyokong. Pada waktu yang sama, ia menguatkan rangkaian penyokong kedua-dua belah pihak. Dan pada waktu yang sama ia melemahkan parti Umno sendiri, kerana keretakan dapat dikesan antara kedua-dua penyokong. Bagaimanapun, keseluruhannya ia menguatkan Musa Hitam. Tanpa disedari dengan membenarkan pertandingan kerusi Timbalan Presiden, Mahathir telah membuka ruang demokrasi yang agak luas pada parti. Umno menjadi lebih demokratik dan terbuka kepada isu-isu yang

kritikal terhadap kepimpinan mereka. Pada segi yang lain pula, ia membuka kepada politik wang kerana perperangan antara dua tokoh parti memerlukan sumber kewangan yang banyak.

Musa Hitam bertambah kuat dalam parti. Kalibernya juga meningkat bukan saja dalam parti, tetapi juga di kalangan rakyat. Pendokong-pendokong Mahathir tidak senang dengan kekuatan Musa dan pendokong-pendokong mereka. Mereka merasakan bahawa Mahathir adalah pemimpin dan parti seharusnya hanya memerlukan seorang saja untuk diberikan kesetiaan. Mahathir mula meminggirkan Musa dan penyokong-penyokongnya. Akhirnya Musa meletak jawatan dan Ghafar Baba menjadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri.

Ghafar Baba adalah tokoh berkaliber zaman Tunku. Rakyat dan ahli-ahli parti mempunyai penghormatan terhadapnya. Dalam pertembungan antara Musa dengan Mahathir, ramai tokoh menyebelahi Mahathir, termasuk Ghafar dan Anwar Ibrahim.

Maka berlakulah pertembungan besar dalam sejarah Umno apabila Musa berganding bahu dengan Razaleigh bagi menentang Mahathir. Dengan undi yang tipis, Mahathir menang. Ternyata tidak keseluruhan ahli-ahli parti yang bersama Mahathir. Parti terbelah dua. Ahli-ahli Umno sebenarnya mahukan kesemua pemimpin-pemimpin besar itu. Bukan saja Mahathir, tetapi juga Musa dan Razaleigh. Kemudian Mahathir menyingkirkan penentang-penentangnya. Pendokong-pendokong Musa dan Razaleigh disingkir habis. Mahathir bertambah dominan.

Bagaimanapun, Ghafar tidak dipandang tinggi sebagai tokoh yang boleh menjadi Perdana Menteri. Maka dilihat kepimpinan negara dan parti terletak pada Mahathir. Ghafar tidak dianggap sebagai pengganti sebenar Mahathir.

Kalau sebelum ini, Tunku dan Tun Razak dianggap sebagai seganding. Begitu juga antara Tun Razak dan Tun Dr Ismail, Tun Razak dengan Hussein Onn, dan Mahathir dengan Musa Hitam; tetapi gandingan Mahathir dengan Ghafar tidak sebegitu rupa.

Seperti di Indonesia, pada awal kemerdekaannya pada tahun 1946, gandingan Sukarno dan Hatta dianggap mantap, tetapi pada zaman Suharto, gandingan presiden dan naib presiden dianggap tidak mantap. Naib presiden tidak dianggap akan menggantikan presiden. Keadaan ini menimbulkan vakum hinggakan apabila B. J. Habibie dipilih menjadi naib presiden, ramai yang meragukan kewibawaannya, iaitu jauh jaraknya dengan kewibawaan Suharto sendiri. Ini kerana Suharto telah secara berkesan meminggirkan pesaing-pesaingnya yang antaranya berkaliber untuk menjadi pemimpin utama Indonesia.

Maka apabila Ghafar merngundurkan diri daripada bertanding sebagai Timbalan Presiden, dan Anwar, mengambil tempatnya, ramai yang melihat bahawa Anwar lebih berupaya daripada Ghafar. Akan tetapi mereka masih memandang bahawa jarak antara Anwar dengan Mahathir, dari segi kewibawaan dan keupayaan adalah jauh, dan terdapat pemimpin lain yang lebih berkaliber daripada Anwar seperti Razaleigh dan Musa sendiri.

Di mana-mana negara, mencari pemimpin utama yang berwibawa sememangnya sukar. Walaupun ramai yang berebut untuk mendapat kuasa, akan tetapi kewibawaan seseorang sukar untuk ditentukan oleh sesiapapun. Sistem demokrasi memberi peluang kepada rakyat memilih pemimpinnya. Walaupun rakyat mungkin tersalah pilih tetapi hanya rakyat boleh menilai kewibawaan pemimpin menurut kaca mata mereka. Kalau tidak berwibawa, sekurang-kurangnya diterima oleh rakyat, kerana akhirnya rakyatlah

yang akan menanggung dan menerima hasil daripada kepimpinannya.

Maka setelah demokrasi berjalan untuk beberapa lama, amalan terbaik adalah memunculkan dua pemimpin terbaik dan rakyat menentukan yang mana satu pilihan mereka. Maknanya dalam ramai calon, maka akan muncul dua yang terbaik. Sistem demokrasi Perancis adalah contoh yang dapat memberi kefahaman bagaimana demokrasi memilih pemimpunnya. Pilihan raya presiden Perancis membenarkan berapa banyak calon untuk dipertandingkan. Itu merupakan pusingan pertama. Kemudian dipilih dua calon yang memperolehi undi terbanyak; daripada dua calon ini, rakyat akan memilihnya dan siapa yang memperolehi undi terbanyak akan menjadi presiden. Inilah sistem dua calon.

Sistem demokrasi muncul dalam berbagai-bagai bentuk, tetapi akhirnya calon hanya tinggal dua calon utama, yang rakyat akan menentukannya. Ia berlaku di Britain dan Amerika Syarikat. Di Britain, calon utama menjadi Perdana Menteri adalah daripada Parti Konservatif dan Parti Buruh. Rakyatnya memilih, seperti dalam pilihan raya tahun 1997, rakyat memilih antara John Major dan Tony Blair. Blair menang mudah. Begitu juga antara Presiden Clinton dengan calon daripada parti Republikan. Memang terdapat banyak calon presiden dalam pilihan raya presiden Amerika, tetapi akhirnya, pilihan adalah antara kedua-dua calon, iaitu calon parti Demokratik dengan Parti Republikan.

Malaysia juga mengamalkan sistem demokrasi. Akan tetapi pembangkang terlalu kecil untuk memunculkan pemimpin yang boleh menjadi perdana menteri. Sejarah penjajahan British, pemberontakan komunis dan ancaman perkauman menyebabkan parti pembangkang ditekan hingga tidak berupaya menghasilkan pemimpin yang berwibawa.

Di Malaysia (dan Malaya sebelum itu), pemimpin utama negara sememangnya difikirkan datangnya daripada kalangan orang-orang Melayu. Aliran politik Melayu terbahagi kepada dua — kerana sememangnya khalayak politik sukar untuk melahirkan lebih dari dua kumpulan terbesar. Pihak kanan dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Sementara pihak kiri dipimpin oleh Dr Burhanuddin Al-Hilmi. Akibat daripada ancaman komunis, penjajah British menekan Dr Burhanuddin dan alirannya hingga hanya membenarkan aliran kanan berkembang.

Dengan tidak adanya aliran kiri, maka pertarungan adalah di kalangan aliran kanan. Maka muncullah pertembungan antara Dato' Onn yang memimpin Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan Tunku Abdul Rahman yang memimpin Perikatan. Ketika itu, aliran kiri Melayu sudah hancur walaupun mereka dibenarkan bergerak dengan Ahmad Boestamam memimpin Parti Rakyat dan Dr Burhanuddin memimpin PAS. Tunku, Umno dan Perikatan menang. Penjajah British dengan mudah menyebelahi Tunku daripada menyokong Dato' Onn.

Seperti mana-mana sistem berpolitik, aliran politik Melayu terus terbahagi dua — iaitu satu adalah Umno pimpinan Tunku Abdul Rahman dan satu lagi PAS pimpinan Dr Burhanuddin. Parti-parti Umno lain seperti Parti Rakyat dan Parti Negara cukup kuat untuk menyertai pertarungan ini.

Bagaimanapun apabila Umno dan Perikatan berjaya memenangi hampir kesemua negeri Melayu, maka ternyata Umno muncul sebagai parti dominan. PAS hanya menang di Kelantan dan Terengganu. Walaupun Dato' Asri muncul sebagai pemimpin alternatif Melayu tetapi sejak itu tidak ada parti yang boleh mencabar kedominanan Umno. Sejak itu juga tidak ada parti Melayu lain yang boleh menjadikan ketuanya sebagai perdana menteri.

Maka pertarungan untuk menjadi pemimpin utama negara dengan berjawatan Perdana Menteri beralih ke dalam Umno. Pilihan Raya Umum Malaysia hanya untuk menge-sahkan kepimpinan Umno terhadap negara. Seolah-olah pilihan raya Malaysia merupakan proses memberi mandat kepada Umno untuk memilih Perdana Menteri di kalangan mereka.

Tugas seorang pemimpin utama negara di mana-mana negara pun adalah bukan saja memimpin negara ke tahap lebih maju, membangun dan cemerlang tetapi juga menyediakan penggantinya atau menyediakan satu cara supaya rakyat boleh memilih penggantinya. Dalam sistem demokrasi, pemimpin utama akan memastikan partinya akan mempunyai bakal pemimpin yang boleh penggantinya.

Dalam sejarah Malaysia, perdana menteri dan penggantinya ditentukan dalam parti dan ia berjalan lancar daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Dr Ismail. Ia mula mendatangkan masalah apabila Tun Razak memilih Hussein Onn. Dato' Harun Idris tidak dapat menerima. Kemudian pula, tidak ada satu mekanisme yang membolehkan ahli parti Umno untuk memilih sebagai pengganti Tun Razak.

Apabila Hussein Onn memilih Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh pula tidak boleh menerimanya. Ahli-ahli Umno tidak diberi mekanisme untuk memilih pengganti Hussein. Apabila Mahathir memilih Musa Hitam, Tengku Razaleigh terus tidak dapat menerimanya, meskipun Musa sebenarnya menang dalam pertandingan. Begitu juga apabila Mahathir memilih Ghafar Baba; kedua-dua Musa Hitam dan Tengku Razaleigh tetap tidak dapat menerimanya.

Keadaan yang begitu tajam itu menyebabkan Tengku Razaleigh membawa keluar soal memilih pemimpin utama daripada soal dalaman Umno kepada negara dan rakyat

melalui pilihan raya umum. Tengku Razaleigh hampir menang.

Dalam pilihan raya umum tahun 1990, buat pertama kalinya rakyat negara ini berhadapan dan berpeluang untuk menentukan Perdana Menteri mereka sendiri dengan adanya dua calon yang sama-sanam hebat. Mahathir yang memimpin Barisan Nasional dan Tengku Razaleigh yang memimpin Gagasan Rakyat.

Setelah Tengku Razaleigh kalah hanya kerana isu memakai tengkolok berlambangkan seolah-olah salib, soal memilih pemimpin utama negara kembali ke dalam Umno.

Setelah berjaya menjadi Timbalan Presiden, melalui manipulasi politik, dan bukannya pertandingan terbuka — Anwar Ibrahim seolah-olah diberi peluang untuk menguji diri sebagai penggantinya. Sehingga ini prestasi Anwar tidak cemerlang, keraguan timbul bukan saja di kalangan rakyat, tetapi dipercayai Mahathir juga meragui kewibawaannya. Kalau Mahathir gagal menaruh keyakinan rakyat terhadap Anwar, ia bermakna Mahathir gagal mengemukakan calon penggantinya kepada rakyat negara ini. Rakyat masih tertanya-tanya, adakah sesiapa yang lain yang layak menjadi Perdana Menteri selepas Mahathir.

Bagaimanapun, walau apapun prestasi Anwar, sehingga ini, beliaulah yang dikira layak menjadi Perdana Menteri menggantikan Mahathir. Keadaan ini berlaku kerana sistem dan amalan politik negara sudah menjadi sebegitu rupa. Rakyat seolah-olahnya tidak mempunyai pilihan dalam menentukan pemimpin utama.

Inilah reformasi politik yang perlu dilakukan di Malaysia. Rakyat seharusnya diberi peluang untuk menentukan pemimpin utamanya. Bukan hanya diserahkan kepada ahli-ahli Umno untuk menentukannya. Malah pada masa ini, ahli Umno sendiri tidak dapat memilih pemimpin utama mereka

kerana, misalnya pada tahun 1996, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti dilarang untuk dipertandingkan.

Mahathir mungkin adalah seorang pemimpin besar. Dia berjaya mendirikan Menara Berkembar Petronas, dan berbagai-bagi lagi jasanya untuk menjadikan negara ini besar dan tersohor. Sumbangan utamanya ialah menyedarkan dunia betapa sistem kewangan sejagat perlu diubah supaya negara-negara membangun tidak menjadi mangsa kepada spekulator mata wang, dan kapitalis baru. Dalam ucapannya di Tokyo pada 5 Jun lalu, Mahathir telah menggairiskan satu pemikiran baru dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Pemikiran baru ini boleh menjadi ideologi yang mengancam kapitalisme hari ini. Ini merupakan sumbangan besar. Ideanya ini kalau mendapat sambutan akan melahirkan satu gerakan antarabangsa yang menuntut reformasi ekonomi sejagat.

Sumbangan kedua beliau adalah melahirkan gagasan Wawasan 2020. Walaupun wawasannya gagal tetapi ia cukup untuk menjadi asas pemikiran sasaran bagi rakyat Malaysia untuk menjadi negara maju.

Sumbangan ketiga beliau ialah meletakkan masa depan ekonomi Malaysia di atas kemajuan teknologi maklumat. Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan sumbangan besar yang kalau diperkembangkan oleh penggantinya akan mendatangkan hasil besar bagi negara.

Sumbangan keempat beliau ialah menaikkan semangat maju di kalangan rakyat negara ini. Projek-projek mewah beliau seperti Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya boleh memberi perasaan harga diri baru bagi negara ini.

Memang benar, kegawatan ekonomi yang melanda negara hari ini memusnahkan sumbangan-sumbangannya itu. Maka adalah perlu bagi Mahathir menambahkan satu la-

sumbang, kalau mungkin ini adalah terakhir dengan melaksanakan reformasi politik negara. Dia harus memilih penggantinya yang benar-benar bukan saja dapat memimpin negara dan rakyat tetapi juga dapat diterima oleh rakyat. Pemimpin yang bukan berorientasikan projek-projek tetapi berorientasikan rakyat.

Reformasi politik ini adalah dengan memperkenalkan liberalisasi politik. Biar rakyat dibenarkan memilih siapa penggantinya. Sistem politik negara perlu diubah. Bukan saja sistem dan amalan demokrasi tetapi kesedaran tentang demokrasi sendiri harus disemai.

Sememangnya pada waktu ini, pemikiran Mahathir dipandang tinggi dan seolah-olah tidak ada siapa yang mampu mencabar pemikirannya. Keadaan ini berlaku kerana kebebasan berfikir dan berhujah tidak digalakkan. Bukan saja sebarang kritikan atau komen yang bercanggah dengan apa yang diutarakan oleh pemimpin negara akan segera dikutuk ditekan dan ini mendorong pihak-pihak lain daripada mengeluarkan pandangan mereka.

Halangan psikologi memang besar untuk meluahkan pandangan secara terbuka. Akan tetapi halangan undang-undang memang menakutkan. Kalau kehidupan dan kerjaya boleh musnah akibat kritikan, maka tidak ada siapa yang berani mengambil risiko untuk mengkritik atau mempunyai pandangan berbeza.

Perkara pertama dalam reformasi adalah penghapusan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Akta ini membolehkan kerajaan bertindak apa saja ke atas sesiapa. Sememangnya ia mempunyai peraturan dan ia berdasarkan kepada penyiasatan polis Cawangan Khas. Bagaimanapun, tanda tangan menteri sudah cukup untuk menyebabkan seseorang ditahan di bawah ISA. Pada mulanya akta ini digunakan untuk menyekat komunis. Akan tetapi kemudian ia

diperluaskan kepada soal perkauman, agama, dadah dan kini, masalah imigresen juga digunakan ISA.

Memang benar, terdapat banyak jenayah yang tidak boleh dibuktikan melalui cara biasa. Akan tetapi ISA terlalu luas dan ia boleh digunakan untuk menekan daripada segi politik. ISA menjadikan demokrasi sesuatu yang diragukan kesahihannya di negara ini.

Mungkin undang-undang ini perlu untuk menyekat jenayah. Akan tetapi amalannya menunjukkan betapa ISA digunakan untuk menekan penentang politik dan luahan pendapat yang berbeza.

Perkara kedua untuk reformasi ialah pemansuhan Akta Percetakan dan Penerbitan. Adalah suatu yang menjadi bahan tertawa dunia apabila dalam zaman internet yang membebaskan maklumat untuk tersebar di merata dunia negara masih menghadkan dan menyekat penerbitan akhbar dan majalah.

Bayangkan bagi seseorang di Malaysia yang bukan ahli PAS tetapi mahu membeli *Harakah*, dia dihalang oleh undang-undang. Maka untuk membeli *Harakah*, dia terpaksa menjadi ahli PAS. Tidakkah ini sesuatu yang menjadi bahan tertawa. Susah-susah dia hanya membuka laman web *Harakah* dan dapatlah ia membaca *Harakah* secara percuma.

Reformasi masyarakat supaya lebih terbuka dalam pemikirannya perlu supaya mereka dapat menentukan pemimpin yang boleh menggantikan Mahathir.

Akhir kata selepas reformasi dilakukan, Mahathir hendaklah mengundurkan diri dan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang akan memberi semangat baru kepada rakyat dan negara. Cukuplah, zaman Mahathir sudah berlalu, Malaysia perlu terus berkembang selepas Mahathir. Jasa Mahathir terus dikenang. Biarlah rakyat menentukan Perdana Menteri mereka sendiri. Perda-

Menteri itu tidak semestinya disukai oleh Mahathir. Perdana Menteri juga tidak semestinya Anwar Ibrahim.

*Abu Firdaus*

## LAYAKKAH ANWAR KETUAI REFORMASI?

# 4

---

## *ARTIKEL TERBAIK 1997; BAGAIMANA NAZRI ABDULLAH TERSELAMAT*

**M**ampukah Malaysia bertahan daripada meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi merawat kemelut ekonomi yang melanda negara sekarang? Soalan ini mungkin sensitif kerana kita melihat IMF sebagai jerat yang bakal menjerut leher, tetapi apakah kita mempunyai pilihan?

---

Kedua-dua artikel ini dipetik dari kolumn A Nazri Abdullah, Pengarang Kumpulan Berita Harian, yang dikatakan dibincang dalam MT Umno dan menyebabkan Nazri terpecat dari jawatannya. Khabarnya selepas Nazri merayu terus kepada Mahathir, dia memperolehi semula kerusi keramatnya. Sebelum ini Nazri dianggap orang kepercayaan Anwar dalam sektor media.

Korea Selatan yang begitu kritikal terhadap IMF akhirnya terpaksa tunduk kepada badan dunia itu. Laporan dari New York meramalkan selepas IMF selesai menguruskan pinjaman AS\$55 bilion kepada Korea Selatan, Malaysia akan menjadi negara terakhir rantau ini yang akan tunduk kepada IMF.

Sehingga kini tanda-tanda pemulihan ekonomi belum kelihatan. Pasaran saham Malaysia kerugian 68 peratus dalam nilai dolar Amerika, iaitu kejatuhan yang lebih parah daripada pasaran saham Indonesia dan Korea Selatan. Dengan nilai ringgit jatuh 32 peratus berbanding dolar, senario ekonomi Malaysia sebenarnya lebih teruk daripada Mexico dua tahun lalu.

Tatkala bayang pemulihan sudah kelihatan di Thailand dan Filipina, ekonomi Malaysia masih dihantui krisis keyakinan.

Kita akui asas ekonomi kita masih kuat dan institusi bank kita masih kukuh. Soalnya apakah kekuahan ini membolehkan kita untuk meneruskan projek besar sedangkan dengan ringgit begitu lemah kita terpaksa membayar kos yang tinggi. Kekuahan ini akan ranap jika pelabur asing tidak yakin dengan kemampuan kita mengurus ekonomi negara.

Kita menghadapi krisis keyakinan sebenarnya. Pelabur asing malah IMF akui asas ekonomi Malaysia masih kukuh berbanding nehra jiran yang lain tetapi mereka bingung dengan kenyataan pucuk pimpinan yang bercanggah-canggah. *Pada satu ketika kita umumkan semua projek meg dibatalkan tetapi belum kering air liur, kita umumkan pu projek jambatan darat berbilion ringgit.* Bukan saja pelabur asing yang bingung, pelabur tempatan juga turut bingung kerana pada satu ketika yang lain kerajaan mahukan rakyat berjimat cermat tetapi pada ketika yang lain kerajaan

menunjukkan sikap boros.

Kita alu-alukan pemotongan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18 peratus dengan penuh keimbangan — bimbang kalau selepas ini ada pemimpin yang gemar mengumumkan projek itu dan projek ini yang bernilai berbilion ringgit diteruskan. Projek-projek kecil bagi menampung kadar pertumbuhan ekonomi sekitar empat peratus perlu diteruskan. Pengumuman Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim penting bagi membuktikan kesungguhan kita menangani masalah ekonomi walaupun ia belum pasti dapat menyelamatkan kita daripada meminta bantuan IMF.

Kita terpaksa mengakui bahawa kita memerlukan sokongan pelabur asing untuk memulihkan pasaran dan kewangan negara. Sebenarnya kita sudah beberapa kali terlepas cakap. Kita seronok mengkritik Barat kerana kita tidak meminta apa-apa pertolongan mereka sedangkan pada masa yang sama, lebih 70 peratus daripada pertumbuhan pasaran saham kita bergantung kepada dana Barat.

Dalam suasana krisis seperti ini kita mestilah bercakap dengan satu nada, dan tidak salah kalau nadanya rendah dan mengalah. Kita tidak kerugian apa-apa kalau mengalah sebentar bagi memulihkan tenaga dan kekuatan diri. Dalam keadaan ringgit yang begitu tertekan, kita wajib menangguhkan semua projek yang menggunakan banyak banyak import dan keutamaan perlu diberi bagi memulihkan nilai ringgit pada tahap yang lebih munasabah.

Semua projek yang ditangguhkan ini boleh diteruskan apabila nilai ringgit dan ekonomi pulih. Kosnya tentu lebih murah jika nilai ringgit kembali kukuh walaupun projek itu kita bina lima tahun akan datang. Dengan nilai ringgit hampir mencecah RM4, kita terpaksa menanggung kos 70 peratus lebih tinggi berbanding lima bulan lalu.

Oleh kerana kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada

manipulasi dan krisis keyakinan, kita perlu kembalikan keyakinan bagi memulihkan nilai ringgit.

Ingin kita ulangi sekali lagi bahawa kita tidak mampu berperang dengan sesiapa kecuali dengan diri kita sendiri. Kita mesti berperang dengan nafsu kita. *Kalau kita kuat nafsu bercakap, kita kurangkan nafsu bercakap supaya orang lain tidak sakit hati mendengarnya.* Tidak guna kita menanam sorak tetapi kampung tergadai. Kita hanya memiliki senapang tanpa peluru, jadi untuk apa kita menembak angin?

7 Disember 1997

## ii.

Dalam setiap perjalanan ada hikmahnya kita berhemah sekejap menoleh ke belakang, ke kiri dan kanan supaya kita tidak hilang arah tujuan. Kalau kita terlalu mendongak ke atas tanpa menghiraukan apa yang ada di bumi, kemungkinan kita akan terpijak duri atau terjerumus ke dalam longkang. Tidak guna kita mengejar masa kalau ke pantasannya mendedahkan kita kepada bencana yang boleh membunuh nasakan diri. Sesungguhnya hukum alam menetapkan dalam setiap perjalanan banyak liku dan selekoh yang perlu dilalui dan sesiapa yang cuba menentang hukum ini pasti akan menerima padahnya. Kita tidak boleh sentiasa laju kerana ada ketikanya kita perlu perlakhankan perjalanan supaya tidak tergelincir ke dalam lurah.

Mengurus ekonomi negara samalah dengan sahaja perjalanan yang berliku-liku. Laju atau pantasnya perjalanan mestilah berdasarkan ketahanan dan kekuatan diri kita. Sememangnya matlamat kita untuk mengejar mereka yang sudah maju di hadapan supaya kita tidak hina tertinggal jauh di belakang. Tetapi kita tidak seharusnya hilang perkiraan dan memaksa diri memecut habis-habisan seolah-olah mereka yang di hadapan tidak pernah kepenatan. Kita tidak perlu

tercungap-cungap mengejar hingga kehabisan nafas kerana yang penting ialah menyimpan tenaga yang ada untuk digunakan ketika mereka yang di hadapan keletihan. Kita tidak bersikap defitis tetapi pragmatik dalam mengukur baju di badan sendiri.

Sesungguhnya kemajuan itu satu infiniti yang tidak pernah terjumpa penghujungnya. Kemajuan perlu diukur dengan menoleh ke belakang melihat asal usul permulaan kita. Kemajuan yang orang lain capai bukanlah ukuran mutlak kerana tidak semua kemajuan itu sesuai dengan kehidupan dan budaya kita. Hukum alam juga menetapkan sesuatu yang di atas akan jatuh ke bawah dan yang di bawah akan berpusing ke atas. Yang penting kita tidak menyerah kepada kudrat dan takdir, sebaliknya berusaha berdasarkan kemampuan kita. Peradaban manusia membuktikan sesuatu tamadun itu terletak kepada kemampuan pemimpinnya melihat firasat dan makrifat kewujudan mereka.

Menyalahkan orang lain memanglah perkara mudah tetapi tidak semua kambing hitam boleh menjadi korban. Kemelut ekonomi yang sedang kita hadapi sepatutnya mengajak kita berhenti sejenak berfikir dengan tenang dan hati terbuka di manakah kesilapan kita sebelum menuding kepada orang lain. Kita tidak mahu dituduh telunjuk lurus kelingking berkait. Kita mahukan pembangunan tetapi apakah semuanya perlu dibuat serentak seolah-olah tidak ada hari esok? Kita mempunyai dasar ekonomi yang tersusun tetapi dalam tempoh 10 tahun lalu dasar penswastaan yang terlalu pantas telah memindahkan bebanan kerajaan kepada swasta, sedang kekuatan pasaran terletak kepada ketahanan swasta. Terlalu banyak projek yang dikehjarnya tentulah terlalu berat pula hutang yang dipikul.

Tidak salah kita melihat diri sendiri dan melihat kesilapan diri kerana amalan mengkritik diri lebih mulia dari-

pada membiarkan diri kita dikritik orang lain. Apakah semua projek yang diswastakan itu benar-benar memenuhi aspirasi kebangsaan atau sekadar ciptaan sektor swasta bagi menurunkan keuntungan syarikat supaya harga saham mereka tidak jatuh? Apakah semua projek besar yang diluluskan itu benar-benar perlu disegerakan? *Kita sepatutnya mengindahkan sungai bukannya membina bangunan di atas sungai. Kita belum memerlukan lebuh raya di kawasan pergunungan kerana banyak lagi jalan kampung yang belum berturap tar.* Memang benar kerajaan tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk projek yang diswastakan, tetapi swasta perlu meminjam.

Dalam keghairahan menswastakan projek pembangunan, kerajaan perlu lebih berhati-hati supaya sesuaikan projek itu tidak sering berpindah tangan sehingga menjaskan mutu perkhidmatan yang dijanjikan. Penswastaan sistem pembetungan seluruh negara sudah tiga kali berpindah tangan dan setiap kali dijual pemiliknya mendapat untung dan ini bermakna kos operasi projek itu semakin meningkat. Apabila kos meningkat mutu perkhidmatannya tentulah tidak seperti yang dijanjikan.

Barangkali banyak pengajaran yang boleh kita pelajari daripada Korea Selatan. Mungkin juga ini bencana yang diturun Tuhan kerana membiarkan saudara mereka di Korea Utara kelaparan sedangkan rakyat Korea Selatan berbelanja besar, hidup penuh dengan pembaziran dan rasuah. Bukankah satu pembaziran jika sebuah padang golf di puncak bukit berharga AS\$200 juta dan jalannya saja AS\$30 juta? Bagaimana kerajaan kerajaan Korea Selatan boleh meluaskan projek seperti itu memang tidak masuk akal. Banyak yang tidak masuk akal di Korea Selatan dan sebagai hasilnya banyak pula pemimpin politik dan korporat di sana yang masuk penjara.

Usahawan Malaysia perlu menilai kembali semua pelaburan mereka sejajar dengan saranan dan langkah berjimat yang diumumkan kerajaan baru-baru ini. Berniaga untuk mencari untung dan bukan untuk mencari populariti dengan pemimpin tertentu. Kalau kita bermula kerana hendak mengambil hati orang lain, akhirnya kita akan termakan hati dan menyakitkan hati orang lain kerana beratus MoU ditan- datangani, nilainya berbilion ringgit, gambarnya terpampang di dada akhbar tetapi hasilnya kosong. Kita tahu banyak MoU itu hanya publisiti murahan untuk manipulasi pasaran saham tetapi apabila terlalu banyak sangat MoU yang tidak bergerak, dan apabila pelabur tidak percaya lagi dengan temberang kita, mereka akan meninggalkan pasaran saham kita.

Komentar ini mungkin tidak menyenangkan hati banyak pihak tetapi seperti yang kita tegaskan tadi, lebih baik kita sendiri yang mengkritik diri sendiri daripada membiarkan orang lain menyakitkan hati kita.

14 Disember 1997

LAYAKKAH ANWAR KETUAI REFORMASI?

# 5

---

## *SUARA MELAYU – PEMISAHAN KUASA JAWABNYA? MANIFESTASI KETUA PEMUDA BUKAN MENTERI KABINET*

Ketika Pemuda Umno ghairah dengan *road show* ke seluruh negara bagi mencanangkan pemulihian kepemimpinannya dan di waktu Internet didaulatkan sebagai saluran maklumat dan ilmu mutakhir, satu persoalan pokok yang seakan-akan dilupakan ialah masih

---

Artikel pertama cuba menggambarkan senario Pemuda Umno apabila ketuanya bukan orang kuat kerajaan bagi membantu memperkuatkuhan agenda Melayu. Ia ditulis ketika Pemuda diterajui Rahim Tamby Chik. Respons dari Daim menjadikannya lebih menarik. Rustam yang menyambutnya tambah memeriahkan polemik berpanjangan.

adakah suara yang mewakili orang Melayu dan rakyat pinggiran.

Soalan ini tercetus kerana wujud tanda-tanda kelompok tertentu dalam masyarakat Melayu sedang dipinggirkan daripada yang menganggap diri mereka cendekiawan kampus universiti kepada rakyat biasa di kampung dan caruk.

Misalnya, siapakah di dalam struktur kuasa yang berkuasa bagi pihak orang Melayu mengenai hal-hal penting seperti bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi? Apakah suara kerajaan yang ramai perwakilan Melayu boleh dianggap sebagai suara orang Melayu?

Apakah Umno yang dianggotai majoritinya oleh Melayu menjadi suara mutlak kaum itu? Atau apakah Pemuda Umno yang suatu masa dulu diterima umum sebagai kumpulan pendesak seharusnya menjadi suara orang Melayu?

Selama ini majoriti orang Melayu, terutama yang merantau ke luar negara, kong Umno menerima atau setidak-tidaknya menganggap suara pemimpin Melayu dalam kerajaan sebagai suara yang mewakili mereka. Dalam erti kata lain, suara kerajaan adalah suara Melayu dan suara Melayu adalah suara kerajaan.

Walaupun tanggapan ini tidak seratus peratus mungkin ia tidak pula sepenuhnya benar.

Wakil Melayu dalam kerajaan, sama juga dengan wakil kaum Cina, India, Kadazan dan Iban, adalah untuk keseluruhan rakyat Malaysia dan bukan wakil kaum manapun sahaja.

Kebenaran hal ini lebih jelas di dalam masyarakat yang bilang kaum Malaysia, yang majoriti pemimpin yang anggota kerajaan dipilih oleh pengundi pelbagai kaum beragama.

Manakala kepekaan majoriti pemimpin Melayu di dalam kerajaan terhadap hasrat orang Melayu atau isu-isu

membabitkan orang Melayu tidak boleh dipertikaikan, adalah tidak wajar juga bagi orang Melayu mengharapkan mereka memperjuangkan hak orang Melayu semata-mata.

Tanpa bertujuan mempertikaikan kewibawaan dan keprihatinan pemimpin Melayu di dalam kerajaan memperjuangkan hak orang Melayu, adalah tidak merugikan jika masyarakat Melayu memikirkan semula hal ini dengan mengambil kira suasana dan persekitaran semasa.

Jika media massa diterima sebagai saluran maklumat dan ilmu yang paling sejagat, apa yang berlaku sekarang membimbangkan. Manakala pengarang akhbar menerima tiga atau empat kenyataan akhbar mengenai pelbagai perkara setiap hari daripada parti-parti pembangkang, khususnya DAP, amalan itu hampir-hampir sudah mati di kalangan parti kerajaan.

Melalui kenyataan ini, DAP dan parti-parti pembangkang lain memberikan pandangan parti atau kaum yang mereka wakili terhadap pelbagai isu dan perkembangan semasa.

Di pihak yang lain, kita hampir-hampir tidak lagi mendengar pandangan daripada Umno atau suara yang mewakili masyarakat Melayu secara bebas dan berasingan daripada pandangan kerajaan.

Ini mungkin juga kerana pemimpin Melayu dalam kerajaan berasa mereka boleh memberi pandangan yang mewakili kerajaan dan orang Melayu sekali gus manakala orang Melayu pula menganggap apa yang disuarakan oleh pemimpin Melayu dalam kerajaan adalah suara orang Melayu.

Dengan tidak bertujuan mengkritik atau memburukkan sesiapa, kita boleh mengambil kedudukan pemimpin Melayu daripada Umno yang memegang jawatan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebagai contoh.

Walaupun beliau berusaha keras mendaulatkan kesenian dan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan, beliau tidak boleh menidakkan kesenian dan kebudayaan kaum-kaum lain.

Beliau juga mempunyai kuasa pelesenan ke atas kegiatan kesenian yang didatangkan dari luar negara. Walaupun beliau peka terhadap perasaan orang Melayu, beliau tidak boleh menolak hak kaum-kaum lain atau kelompok tertentu masyarakat daripada menghayati atau menikmati karya seni dan budaya mereka.

Maka beliau terpaksa membenarkan kumpulan kebudayaan, kesenian dan muzik dari luar, sama ada Amerika, Hong Kong, Taiwan, China atau India walaupun ini mungkin tidak disenangi oleh keseluruhan atau sebahagian masyarakat Melayu.

Jadi siapakah yang harus menyuarakan bantahan orang Melayu? Tentunya bukan menteri itu sendiri. Beliau hanya bertindak mengurangkan bantahan orang Melayu.

Tetapi tidak mustahil beliau sendiri lega dan berani mengatakan "tidak" kepada permohonan membawa masuk kegiatan budaya, seni dan muzik luar yang jelas bertentangan dengan kebudayaan kebangsaan atau kehendak agama jika beliau tahu beliau mendapat sokongan atau didesak oleh orang Melayu.

Anggapan sesetengah pemimpin Umno bahawa mereka tidak perlu menghantar kenyataan akhbar kerana media massa memihak kepada mereka bukan sahaja songsang malah berbahaya.

Hakikat bahawa media massa kerap kali memihak kepada kerajaan atau sekurang-kurangnya tidak menentu kerajaan bermakna media massa boleh dipandang ringan.

Mengapa DAP terus mendapat ruang di dalam sebahagian besar akhbar? Jawapannya mudah, ia

pengarang nampak dan mengakui kegigihan parti itu menyuarakan pendapat serta membuat pendirian mengenai pelbagai isu dan perkembangan berkaitan negara dan rakyat.

Kekaburuan garis pemisah antara apa yang dianggap sebagai suara orang Melayu dengan suara Umno dan suara kerajaan berlaku kerana perubahan besar dalam struktur kuasa politik orang Melayu sejak kebelakangan ini.

Pertama, boleh dikatakan hampir semua yang menganggotai Majlis Tertinggi Umno, sama ada kerana menang dalam pertandingan parti atau dilantik oleh Presiden, diberikan jawatan kerajaan.

Ini menjadikan mereka pemimpin Malaysia dan sekali gus menumpulkan kemampuan mereka bercakap khusus untuk orang Melayu.

Kedua, Pemuda Umno yang dulunya bertindak sebagai kumpulan pendesak dan pemegang amanah isu-isu kemelayuan dan keislaman nampaknya sudah menjadi sebahagian daripada *establishment*. Seperti juga dengan Majlis Tertinggi, sebahagian besar ahli majlis kerja Pemuda memegang jawatan dalam kerajaan.

Ketiga, tidak ramai lagi pemimpin muda Umno berasal daripada golongan yang tertindas atau dari latar belakang yang tebal dengan idealisme dan semangat perjuangan seperti yang wujud di kalangan generasi revolusi kampus.

Dan keempat, politik lebih dianggap sebagai kerjaya dan bukan lagi perjuangan atau landasan menabur bakti. Justeru, kejayaannya diukur dari segi pangkat, gaji dan kuasa ekonomi.

Menjelang pemilihan Umno Oktober ini, mungkin elok jika ahli parti memikirkan soal pemisahan antara parti dengan kerajaan kerana dibimbangi jika semua pemimpin parti turut dilantik memegang jawatan dalam kerajaan, sedikit sebanyak ia mungkin akan menumpulkan kemam-

puan mereka bersuara untuk orang Melayu.

Ini harus dianggap penting, pertamanya kerana kita kini berada di ambang abad ke-21 dan sedang bergerak pantas ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, yang menegaskan jati diri kita sebagai bangsa Malaysia.

Kedua, proses globalisasi yang semakin pantas akan lebih hebat mencabar kita dari segi kebangsaan, kesenian, kebudayaan dan nilai. Tanpa "kemelayuan" yang kuat dan terisi - dengan ilmu, kerohanian dan kebendaan - orang Melayu mungkin terpinggir.

Ketiga, pengaruh teknologi, terutama di dalam aspek maklumat, akan mengubah cara kita belajar, berfikir dan bertindak.

Siapakah yang akan bersuara bagi pihak orang Melayu mengenai kebaikan dan keburukan teknologi maklumat canggih seperti Internet sedangkan masih banyak kampung dan caruk, sekolah desa dan ladang yang belum menerima bekalan elektrik dan tidak kenal komputer?

Siapa yang akan bersuara mengenai lepasan sekolah desa yang lemah Bahasa Melayu dan buta Bahasa Inggeris yang gagal Matematik dan tidak lulus Sains, yang baca akhbar sekali seminggu tetapi fasih setiap lagu rock dan pop?

Apakah ini sebahagian daripada gejala perbandaran kepimpinan Umno, yang lebih ramai pemimpinnya tinggal dan bekerja di bandar daripada di desa, tempat asal mereka, sehingga perhubungan dengan akar umbi dengan kampung dan caruk menjadi renggang?

Mungkin lebih baik bagi Pemuda Umno menghabiskan lebih banyak masa dan tenaga mendengar keluh resah orang Melayu, daripada wak penjual sate yang duduk termenung di atas cakruk kepada belia yang melepak di kompleks belah dan cendekiawan di menara gading yang belum disisihkan.

Ini mungkin jauh lebih baik daripada mengadakan *road show* untuk memperkenalkan semula pemimpin.

Di kalangan cendekiawan yang paling rapat dengan kepemimpinan pun terdapat tanggapan bahawa Umno semakin terpisah daripada cerdik pandai Melayu yang suatu masa dahulu amat berpengaruh dalam Umno.

Di saat semakin ramai pemimpin Umno, termasuk dalam Pergerakan Pemuda, memakai label korporat, bertambah ramai pula belia Melayu yang menagih dadah dan runtuh moralnya.

Apakah Umno, terutama Pergerakan Pemuda mempunyai agenda untuk menebus maruah bangsa yang tercemar kerana najis dadah ini?

Kalau gadis Cina yang dipaksa melacur atau ibu yang anaknya lari dari rumah boleh meminta bantuan Michael Yeoh dan Biro Pengaduan Awam MCA, berapa ramaikah gadis Melayu yang anaknya lari dari rumah sudah mendapat bantuan Pemuda Umno?

Apakah politik merupakan jalan untuk membuat kebaikan untuk masyarakat atau politik merupakan jalan dan tujuan untuk mengisi agensi peribadi?

Tidak cukup bagi Pemuda Umno sekadar memberi jaminan bahawa pergerakan itu mengasaskan dasardasarnya di atas landasan perlembagaan dan undang-undang serta berikrar mempertahankan kepentingan Melayu, bahasa Melayu dan Islam apatah lagi di saat-saat timbul banyak tanda yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dan Islam sedang diancam krisis moral dan jati diri.

Kegawatan ini mungkin terjawab jika orang Melayu menilai dirinya dan isu-isu berkaitan masyarakatnya dari aspek yang berasingan — sebagai individu Melayu, sebagai pemimpin Umno dan sebagai pemimpin dalam kerajaan.

Mungkin pemisahan kuasa yang lebih jelas antara Umno dan kerajaan akan membantu proses ini.

A Kadir Jasin

### MELAYU TIDAK BERANI BERSUARA LAGI

Kadir Jasin telah mengupas kedudukan orang Melayu sekarang (*Mingguan Malaysia*, 18 Februari 1996). Kadang kala dia menyoal siapa menjadi suara orang Melayu? Setahu saya orang Melayu (selain daripada penyokong PAS) menganggap Umno sebagai Melayu dan Melayu itu Umno.

Kadir betul apabila beliau mengatakan ketua-ketua Umno semua mahu menjadi ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno kerana ada balasan. Bila menang mereka akan dilantik jadi menteri, timbalan menteri dan sekurang-kurangnya setiausaha parlimen. Kalau kouta habis, jadi pengurusan badan-badan berkanun ataupun syarikat-syarikat. Barisan dilantik menjadi menteri, mereka adalah dalam kerajaan dan kepentingan Barisan mestilah diutamakan.

Walaupun kepentingan Melayu diberi perhatian tetapi kepentingan kaum-kaum lain juga diketengahkan.

Yang malangnya, apabila kerajaan membuat satu-satu dasar ataupun apabila satu keputusan dibuat, walaupun golongan memberi pandangan atau teguran, mereka ini tidak diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka.

Sebaliknya, akhbar-akhbar akan menghentam mereka ataupun surat dan pandangan mereka tidak disiarkan.

Jadi siapa hendak menyuarakan pandangan Melayu? Semua saluran ditutup. Akhbar-akhbar begitu berjaya sempena membisukan suara Melayu. Kalau sayang bangsa kita maka jadi golongan penyayang.

Bagi pihak-pihak bukan Melayu mereka ada banyak saluran. Mereka ada parti pembangkang, akhbar-al-

dalam bahasa mereka, ada persatuan dan dewan perniagaan untuk memberi pendapat dan pandangan ini mendapat perhatian ahli-ahli politik.

Sebaliknya orang Melayu, kerana Umno itu dianggap Melayu, apa yang dibuat oleh Umno semua dianggap baik pada pandangan mereka.

Ini tentu pandangan yang tidak tepat. Kita sebagai manusia sudah tentu ada kalanya membuat kesilapan.

Jadi apabila Akta Pendidikan dipindah dan dibuat yang baru, kalau ada golongan Melayu menyoal, mereka ini tidak dilayan. Sebaliknya pandangan mereka dianggap sebagai ketinggalan masa.

Bila disoal sama ada pertumbuhan yang begitu tinggi yang kita alami sekarang ini baik untuk Melayu ataupun tidak, golongan ini dianggap sebagai antipertumbuhan dan mahu Melayu ketinggalan di dalam kepesatan pertumbuhan ekonomi.

Apalah salahnya kalau ada yang memberi pandangan? Yang baik diterima, yang lain diketepikan.

Apabila disebut tentang rasuah, ada yang marah, macam salah kalau perkara ini dibangkitkan. Padahal kerajaan menubuhkan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Kalau rasuah tidak dibendung ini akan membunuh negara seperti barah membunuh manusia.

Rasuah telah menular dengan begitu ketara dalam masyarakat dan belum ada tanda-tanda yang ia boleh dibendung. Agensi-agensi kerajaan kalau disemak dengan rapi, kita akan lihat kepincangan.

Kalau tidak ada rasuah negara akan bertambah maju dan pertumbuhan lebih baik. Tapi kerana rakyat melihat yang berkuasa mempamerkan kemewahan, mereka juga ingin menurut jejak langkah sehingga pemain bola pun terlibat dalam amalan ini. Semua gila kekayaan dan mahu kaya

dengan cipta tanpa berusaha.

Melayu kini hanya pentingkan kekayaan sahaja. Itu bukanlah satu kesalahan, tapi masa depan Melayu juga penting.

Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara buta tuli. Tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi. Takut dituduh anti itu, anti ini. Kita lebih suka jika tidak diganggu. Asalkan periuk nasi selamat, kita tidak sanggup menyoal apa-apa. Inikah Melayu yang kita mahu bariskan?

Kalau sebelum merdeka akhbarlah menjadi suara orang Melayu, tapi sekarang akhbar menjadi suara rasmi. Takkak semua dasar atau cara penggubalan dasar betul dan tidak ada satu pun yang silap?

Kita mahu orang Melayu berani berterus terang seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an. Tan Sri Musa Hitam dengan pendiriannya di era Tunku dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sanggup ditalak di bawah ISA.

Tidak adakah lagi Melayu seperti Dr Mahathir di dalam tahun 60-an dan 70-an? Kita mahu Melayu yang berani bawa buah fikiran. Melayu mesti melahirkan pemimpin yang berani mengeluarkan fikiran bernes kalau mahu terus maju.

*Daim Zainuddin*

### APA SEBENARNYA YANG HILANG

Baik pandangan Datuk Kadir Jasin maupun reaksi Daim terhadap pandangan tersebut, menurut hemat saya telah menyanggah suatu pandangan yang agak melebur di kalangan para pemimpin dan orang Melayu umumnya sehubungan dengan masa depan dan kedudukan orang Melayu dalam masyarakat majmuk negara ini. Inti

"kebijaksanaan" tersebut ialah: Demi mempertahankan hak dan kedudukannya di tengah-tengah kelompok-kelompok kaum lainnya, maka orang Melayu bukan sahaja perlu maju tetapi, lebih penting lagi, mestilah bersatu padu.

Dan gagasan "bersatu padu" itu sering ditafsirkan sebagai wujudnya sebuah kelompok kaum yang *monolithic* sifatnya - yakni kelompok yang mempunyai satu sahaja pendapat, pandangan serta sikap dalam segala persoalan yang dihadapinya, baik politik, agama, ekonomi, budaya, pemodenan mahupun pendidikan, dan sebagainya. Umpamanya, sewaktu para pemimpin tertentu membincangkan soal perpaduan Melayu, maka seringlah kita mendengar seruan agar sesuatu parti politik atau sesuatu gerakan itu dibubarkan sahaja, seolah-olah dalam sebuah kelompok kaum yang bersatu padu itu tidak boleh wujud ideologi, kepercayaan dan sikap yang berbagai dan berlainan.

Selain itu, saya kira, gagasan tentang masyarakat yang monistik sifatnya ini amat kuat didorongkan oleh proses pemantapan kedudukan sebuah kelas dominan yang berkembang dari satu golongan burjuis yang agak lemah pada waktu tercapainya kemerdekaan. Tahun 1970-an merupakan semacam tahap penting dalam proses pemantapan golongan pemerintah tersebut. Pada waktu itulah mulai dapat dilaksanakan proses pemantapan kedudukan ekonomi golongan tersebut melalui dasar-dasar negara tertentu oleh undang-undang yang akan menghalang sebarang bentuk "penentangan" terhadap proses tersebut (misalnya Akta Universiti dan Kolej Universiti).

Dalam sebuah *milieu* sosial yang begitu cenderung terhadap sebuah masyarakat yang monistik, yang melihat sebarang penyimpangan daripada sikap yang bersifat arus perdana sebagai gangguan yang menjengkelkan, yang tidak dapat menerima kepelbagaian pandangan dan ideologi, yang

memberi kuasa penuh kepada pihak yang berwewenang itu kuasa mutlak untuk menghapuskan sebarang bentuk kelainan atas nama kesepaduan dan kemajuan, maka senario yang dipaparkan oleh Kadir Jasin dan Daim Zainuddin itu tentulah tidak terlalu memeranjatkan.

Kadir Jasin secara tepat sekali menghuraikan kesan sifat monolitik masyarakat Melayu itu dalam kerangka organisasi parti politik Umno (sering diucapkan dengan diktum "Melayu itu Umno dan Umno itu Melayu"). Dalam organisasi bersifat monolitik itu pandangan yang akan dikemukakan sebagai mutlak "pandangan Melayu" sebenarnya hanyalah pandangan golongan, atau malah individu, yang dominan. Pandangan-pandangan yang bersifat alternatif tidak dipedulikan, atau tidak akan berani dikemukakan, demi memelihara kepentingan-kepentingan tertentu, seperti kepentingan kerjaya.

Jika Kadir Jasin memaparkan fenomena tersebut, maka Daim Zainuddin pula mengorak selangkah lagi ke hadapan - dia cuba menghuraikan (*explain*) fenomena tersebut. Bagi Daim, pandangan-pandangan alternatif tentang "persoalan Melayu" tidak dikemukakan kerana, berbanding dengan beberapa tokoh Melayu (Mahathir, Musa dan Anwar) yang menyuarakan pandangan mereka pada tahun-tahun 60-an dan 70-an dulu, orang Melayu hari ini "tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi."

Namun, bagi saya, huraiyan Daim Zainuddin lebih banyak menimbulkan soalan daripada jawapan. Benarkah orang Melayu hari ini sudah berkurangan, malah sudah hilang, keberaniannya berbanding dengan orang Melayu dua puluh tahun yang lalu?

Menurut hemat saya, tidaklah terdapat dalil-dalil empiris bagi menyokong andaian tersebut. Orang Melayu

hari ini yang merasa tertekan jiwanya masih berani mengamuk. Orang Melayu hari ini yang merasa tidak selesa di pusat-pusat serenti dan pemulihan para penagih dadah masih berani merusuh. Orang Melayu hari ini bukan sahaja sudah berani memasuki bidang-bidang perdagangan canggih yang bernilai berbilion-bilion ringgit, malah sudah berani meneroka negara-negara luar untuk melaksanakan perdagangan dan pelaburan itu - malah melakukan lebih daripada itu. Malah para pemimpin Melayu sendiri kini lebih berani bertikam lidah dengan para pemimpin politik dan media asing pada peringkat antarabangsa.

Nyatalah, jika ditunjangi oleh suatu komitmen yang cukup kuat terhadap sesuatu pandangan itu, orang Melayu akan berani mempertahankannya, hatta dengan jiwa raganya. Lihatlah apa yang pernah berlaku di Memali, Baling, Kedah. Akan tetapi, jika objek keyakinan dan komitmennya itu sudah tidak jelas lagi kepadanya, jika erti komitmen itu tidaklah sepenting jaminan kerjaya dan keselesaan hidupnya, dapatkah kita mengharapkan mereka memperlihatkan keberanian dalam memperjuangkan sesuatu yang tidak diyakininya dengan mendalam?

Sebahagian "persoalan Melayu" yang ditimbulkan oleh Daim Zainuddin dalam rencananya itu - persoalan-persoalan seperti pendidikan, bahasa dan sebagainya - sebenarnya merupakan persoalan yang amat besar ertinya bagi orang Melayu, yang dilahirkan dalam kerangka perjuangan nasionalisme Melayu, dan berkemungkinan persoalan-persoalan yang sanggup diperjuangkannya dengan pengorbanan besar. Namun, unsur-unsur dalam perjuangan nasionalisme Melayu itu sejak akhir-akhir ini sudah tidak lagi mempunyai pengertian yang sama seperti dulu bagi orang Melayu. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan

bahawa orang Melayu sudah kehilangan arah dan pegangan tentang sebahagian besar soal-soal yang membentuk "persoalan Melayu" itu.

Jika kita menyelami hakikat perjuangan nasionalisme Melayu (yang terjelma dalam rangkaian sejarah organisasi-organisasi politik Melayu seperti Umno, PAS, Semangat 46, Hizbul Muslimin, Putera, API, Saberkas, PKMM, KMM, dan sebagainya) maka kita akan dapat melakukan suatu rekonstruksi terhadap wawasan umum yang mencirikan perjuangan itu. Secara ringkasnya, nasionalisme Melayu bercita-cita melahirkan sebuah negara moden Melayu, yang dicirikan oleh ciri-ciri jati diri kemelayuan - budaya, bahasa, agama dan sebagainya - yang juga dimodenkan supaya sesuai dengan zaman ini dan setaraf pula dengan ciri-ciri jati diri bangsa-bangsa moden lainnya di dunia.

Namun pada tahap realiti politik negara ini kemudiannya, sebahagian besar impian tersebut perlulah "dikompromikan dan disesuaikan" dengan realiti negara dan masyarakat majmuk yang dilahirkan. Malah kemudiannya kompromi itu perlu pula diperluaskan lagi dalam menghadapi realiti perubahan sejagat ("globalisasi" yang sering kali sebenarnya tidak difahami dengan mendalam).

Projek memodenkan budaya dan bahasa Melayu, umpannya, bukan sahaja kurang berhasil kerana gangguan yang berterusan daripada golongan-golongan yang terus menerus menentangnya tetapi juga oleh golongan menengah dan atasan Melayu sendiri. Sebagai hasil mereka menikmati keselesaan dan keistimewaan di negara baru itu, golongan menengah dan atasan Melayu secara menyeluruh tidak pernah menjadi ejen yang teguh lagi berkesan terhadap proses pemodenan budaya dan bahasa Melayu. Sebaliknya golongan inilah yang menjadi golongan yang paling merugikan kemampuan unsur-unsur budayanya itu menjac-

sebahagian daripada unsur pengucapan kehidupan moden.

Oleh yang demikian, unsur-unsur perjuangan nasionalisme Melayu yang sepatutnya diberikan kekuatan dan tenaga, malah pentakrifan baru, dalam menghadapi realiti dunia baru yang pasca-moden dan sejagat (global) sifatnya itu tidaklah memperolehi tenaga tersebut daripada golongan menengah dan atasan Melayu, yang telah menjadi agak dominan kedudukan politik dan ekonominya dalam kerangka negara baru itu. Malah, menurut hemat saya, apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini sebenarnya adalah *betrayal* terhadap unsur-unsur perjuangan nasionalisme Melayu itu - "pengkhianatan" yang dilakukan entah dengan sengaja, secara tidak disedari, atau kerana tidak mendalamnya kepekaan terhadap sejarah perjuangan itu sendiri.

Baik fenomena itu dilakukan secara sedar atau tidak, kita tentulah menjangkakan bahawa penjelmaannya dalam kehidupan politik kita sejak akhir-akhir ini akan menimbulkan dialog dan debat. Melalui dialog yang demikian, erti dan tafsiran tentang penjelmaan dan relevansi perjuangan nasionalisme Melayu dalam negara baru, pada zaman baru dan dalam dunia baru itu pastilah akan menjadi lebih terserlah. Namun, dalam sebuah masyarakat yang monolitik, dengan minat para anggotanya yang juga telah menjadi monolitik terhadap keselesaan ekonominya sahaja, dialog yang demikian tampaknya tidaklah terjadi.

Sedangkan segala sesuatu yang diperjuangkan oleh pihak "lawan" kita yang tidaklah semonolitik kita tampaknya bukan sahaja terlaksana, malah terlaksana berpuluhan kali ganda.

Daim Zainuddin menjelaskan bahawa dialog ini tidaklah terjadi kerana telah hilang keberanian untuk bersuara di kalangan orang Melayu. Namun pada hemat saya, yang sebenarnya hilang ialah kefahaman yang mendalam tentang

*destiny* kita sebagaimana yang telah diimpikan dan diperjuangkan oleh para nasionalis yang telah mendahului kita. Bila kefahaman itu telah hilang, maka kita tidaklah lagi mempunyai sebarang komitmen terhadap cita-cita tersebut. Dan bila komitmen telah tiada lagi, maka kita tidaklah terdorong untuk menentang sebarang bentuk "pengkhianatan" terhadapnya.

Meskipun kita masih berani, namun jika kita tidak memahami persoalan kita dan tidak mempunyai komitmen terhadap warisan perjuangan dan *destiny* kita, maka ke manakah keberanian itu akan kita arahkan? Malah satu dua suara berani yang masih terdengar di tengah-tengah masyarakat kita yang monolitik itu dengan mudah sahaja akan dikuak ke tepi oleh pihak yang dominan, dan dianggap sebagai suara yang sumbang dan ketinggalan zaman.

*Rustam A Sani*

# 6

---

## *MASANYA UNTUK MELAKUKAN PERUBAHAN*

**A**pa yang begitu terkesan kepada kita ekoran kegawatan ekonomi kini ialah perlunya kita melihat semula dasar-dasar dan pendekatan yang telah kita ambil sebelum ini. Dalam erti kata lain kita perlu melakukan muhasabah, penilaian semula terhadap kekuatan dan kelemahan yang ada pada sistem dan diri kita.

Dalam konteks ini, istilah yang paling popular kini yang sering digunakan ialah *reformasi*. Namun kita tidak mahu

---

Sebahagian daripada ucapan kontroversi Ketua Pemuda Umno, Ahmad Zahid Hamidi sewaktu merasmikan Kongres Pemantapan Ekonomi Negara, pada 7 Jun 1998

reformasi ini ditafsirkan dengan hanya dilihat daripada perspektif yang sempit. Bagi kita reformasi yang perlu diambil mestilah bersifat menyeluruh.

Bagi Pemuda, perubahan yang hendak kita bawa seharusnya berupaya menukar sesuatu itu daripada keadaan yang tidak baik kepada yang lebih baik. Kita berpendapat, kegawatan ekonomi seharusnya membolehkan kita membersihkan diri dan sistem kita daripada elemen yang bukan sahaja boleh merosakkan ekonomi tetapi negara dan bangsa.

Dalam soal rasuah umpamanya, kita perlu menggunakan kesempatan kegawatan ekonomi ini untuk membersihkan amalan keji dan tercela ini. Begitu juga dalam soal penyalahgunaan kuasa, ia harus dibanteras.

Kegawatan ekonomi negara tidak harus dibebankan lagi dengan unsur-unsur yang pada akhirnya boleh menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Soal *nepotisme, mengutamakan kaum kerabat dan suku-sakat serta kelompok tertentu perlu dihentikan.*

Golongan yang telah berjaya pula, mestilah menghindari daripada amalan tamak dan rakus. Dalam perkara ini Allah s.w.t. telah memberi amaran dalam surah al-Isra', ayat ke-16 yang jelas menegaskan orang-orang yang mewah yang bertindak melanggar perintah Allah merupakan tanda-tanda negara itu akan mengalami kehancuran dan kerosakan.

Ayat itu memberikan ingatan dan amaran tentang akibat buruk yang akan menimpa sesuatu masyarakat atau negara sekiranya golongan hartawan menggunakan kemewahan yang ada untuk memuaskan nafsu serakah mereka, tamak haloba, rakus dan *greedy*.

Dengan itu, adalah penting sekarang, ketika negara sedang berhadapan dengan masalah, kita jangan menempa kerosakan dan kehancuran. Amalan yang boleh membawa kepada kemusnahan seperti rasuah, membolot peluang

untuk memuaskan nafsu kemewahan masing-masing perlu diberhentikan.

Inilah masanya yang menuntut kita untuk melakukan pembaharuan. Sementara kita akui wujudnya serangan luar, faktor-faktor dalaman yang berkaitan dengan amalan tidak amanah, tidak jujur dan tidak bermoral ini perlu dibendung kerana ia juga berperanan meruntuhkan sistem yang cuba kita bina selama ini.

Sebelum ini kita kurang berbicara soal nepotisme kerana agihan kes ekonomi negara dilihat memanfaatkan banyak pihak. Namun apabila kek semakin mengecil ekoran kegawatan ekonomi, soal agihan mulai dirasai oleh rakyat. Rakyat mula bertanya tentang keadilan agihan. Rakyat juga mula resah, apakah kepentingan mereka diutamakan atau tenggelam akibat ingin menjaga kepentingan sekelompok manusia.

Dengan itu, selain pendekatan yang bersifat ekonomi perlu diambil dalam menangani kegawatan kini, faktir-faktor sosial harus diberikan keutamaan. Soal pembersihan diri dan sistem perlu dijalankan seiring. Kita mesti bersedia melakukan pembetulan kepada amalan-amalan yang membawa kerosakan.

Di sinilah pada pandangan kita, bahawa elemen positif yang perlu disegerakan ialah memperkenalkan tatacara baru pengurusan dan pengendalian ekonomi yang menolak amalan negatif seperti rasuah dan nepotisme.

Sekaranglah masanya untuk memperkenalkan pendekatan baru. Malah amalan-amalan lama yang dikenal pasti tidak begitu berkesan perlu dihentikan. Bagi kita langkah-langkah ini penting kerana kita perlu melakukan pembersihan demi mewujudkan ketelusan dan kecekapan di dalam pengurusan ekonomi negara.

Kegawatan ekonomi sering digambarkan sebagai

sebagai peluang untuk kita melakukan perubahan. Malah kegawatan ekonomi diharap akan menjadi titik-tolak untuk memantapkan lagi kedudukan ekonomi negara pada masa akan datang.

Adalah malang usaha melalui DEB musnah hanya kerana kegawatan yang melanda. Kita tidak bersedia untuk melihat Bumiputera kembali terpinggir seperti zaman awal kemerdekaan dan sebelum DEB diperkenalkan.

Malah adalah mustahil untuk kita merangka kembali satu lagi dasar atau pendekatan yang sama dengan DEB sekiranya Bumiputera makin terpinggir dalam arus ekonomi negara. Memang benar kita berkuasa dan kita berupaya untuk menggubal dasar-dasar baru bagi menjamin kedudukan Bumiputera terbela. Namun, apakah pendekatan ini praktikal?

Hakikat yang tidak boleh kita tolak ialah apabila satu dasar atau pendekatan baru diperkenalkan hasilnya hanya akan dapat kita nikmati setelah melalui perjalanan yang panjang. Dalam tempoh tersebut sekali lagi kita akan berhadapan dengan pelbagai rintangan termasuk soal peluang.

Apa yang menjadi keimbangan kita bukanlah nasib mereka yang telah berjaya menjadi jutawan tetapi nasib usahawan menengah Melayu. Kita harus menerima hakikat bahawa golongan menengah Melayu merupakan kumpulan yang baru dalam dunia perniagaan hasil kejayaan DEB.

Apatah lagi dalam keadaan liberalisasi perdagangan yang tidak dapat mempertahankan kesinambungan usahawan Bumiputera, mereka yang baru bertapak dalam perniagaan tidak punya pilihan, selain bergantung harap kepada dasar-dasar kerajaan. Kita bukan menuntut usahawan Bumiputera disogok dengan pelbagai bantuan tanpa henti-henti, sebaliknya yang perlu diberi tumpuan ialah memberikan peluang dan keutamaan.

Kita berpendapat dalam soal pemilikan dan penyertaan Bumiputera semasa kegawatan ekonomi negara kini perlu kepada sedikit perubahan dan pengubahsuaian. Daripada kita memberi tumpuan pemilikan di dalam syarikat, adalah lebih baik dalam keadaan sekarang, kita melihat pemilikan dan penyertaan Bumiputera mengikut sektor dan industri.

Kita tidak rela melihat apabila ekonomi berjaya dipulihkan nanti, kita masih bergelut dengan isu untuk memastikan kuota 30 peratus Bumiputera dalam syarikat-syarikat. Sedangkan hakikat yang berlaku pada ketika itu, kita sebenarnya telah semakin jauh ketinggalan jika diukur daripada pemilikan mengikut sektor dan industri.





---

## *APABILA MENTERI-MENTERI MENJADI LANUN-LANUN*

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun pada siapakah lagi bicara marwah dan kehormatan? harap di manakah lagi adil makmur sebuah kerajaan?

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun pembangunan negara dirancang dikepung keuntungannya melompat hanya ke kantong mereka dan orang-orang mereka semakin kaya mewah dan membazir

Tidak jauh dari mereka adalah orang-orang fakir ya orang-orang miskin di sekeliling sengsara menderita serba tak cukup, dan mereka boros megah menunjukkan kemewahan kononnya kejayaan di manakah para menteri yang bertanggungjawab?

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun wang harta dan peluang siapakah disamun kalau bukan wang harta dan peluang rakyat?

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun tauke-tauke korporat menjadi apa?  
cuba kau bilang, sahabatku!

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun dan rakyat diajar mengejar materialisme siapakah peduli pada rasuah?  
“mana ada benda percuma sekarang?”  
“mereka tolong kita, kita tolong mereka”  
“semua orang nak hidup senang!”

Tiada yang lebih utama daripada membina hidup senang untuk diri sendiri itulah falsafah dan perjuangan pasca-modenisme itukah *renaissance* baru, ya sahabat!

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun merekakah bercakap tentang sistem nilai Islam?

Sejak bila Islam menganjurkan para pemimpinnya hidup mesti lebih senang daripada rakyat?  
sejak bila Islam menganjurkan para pemimpinnya bermewah-mewah sedang rakyat bersusah-susah

dan menyalahkan rakyat lagi, kerana tak pandai berusaha menjadi kaya?

Muhammad masihkah rasul kita, wahai sahabatku atau Bill Gates dan Soros itu junjungan baru?  
(saya bertanya serius, bukan gurau)

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun di suatu sore di belakang meja seorang menteri sahabatku mengadu habis semua haknya diberikan kepada orang-orang kawasan, habis upaya segala pembangunan dibawa, masih mereka menuntut padahal dia telah kehabisan gaji dan elaunnya

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun sahabatku yang duduk resah di belakang meja yang sangat berwibawa itu, aku bertanya di suatu sore apabila semua orang menjadi lanun bagaimanakah akan kau terus wujud di barisan kabinet dan memelihara keluargamu bergantung hanya pada gaji dan elaun?

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun sahabatku yang duduk di kerusi berwibawa itu bangun membuka tingkap pejabatnya luas-luas lalu menjerit sekuat-kuat tenaga tak seorang pun mendengarnya

Apabila menteri-menteri menjadi lanun-lanun wahai sahabatku kita semua menjadi apa?

LAYAKKAH ANWAR KTUAI PORMASI?

11/11/2011 8:49:26 AM

# 8

---

## *MAHATHIR TIDAK SELEMAH SEPERTI DISANGKA; ARUS REFORMASI BUKTI ANWAR TIKAM BELAKANG PM*

Stilah "reformasi" kini lebih kerap disebut oleh segolongan pemimpin Umno, meskipun pengertiannya hanya dibatasi dengan maksud "Mahathir turun, Anwar naik!" Soal perubahan sistem dan struktur jarang ditimbulkan. Hanya Mahathir menjadi sasaran, bukan sistem yang mewujudkan suasana bobrok, korupsi, nepotisme, penyalahgunaan kuasa, kolusi, kroni, dan seumpamanya.

Dalam hal ini ia berbeza dengan tuntutan "reformasi total" di Indonesia, yang bukan sahaja mahukan Suharto meletakkan jawatan tetapi rombakan besar-besaran terhadap sistem yang bukan saja melindungi kepentingan Suharto dan

suku-sakatnya, malah menindas rakyat dan meminggirkan suara ramai. Malah Habibie juga tidak dipercayai kerana ia suku-sakat Suharto.

Maka yang diheboh diperkatakan sekarang, dari mulut ke mulut, perlukah Anwar mencabar Mahathir, sebagai menyahut tuntutan reformasi dalaman parti? Namun soalan yang lebih penting, sudah cukup kuatkah Anwar untuk memaksa Mahathir berundur, seperti yang dilakukannya terhadap Ghafar pada tahun 1993 dulu? Apakah krisis ekonomi dan rentetan daripadanya, seperti persoalan nepotisme dan korupsi yang dibangkitkan Ketua Pemuda Ummat berupaya membentuk gelombang baru angin perubahan bahawa menyingkirkan Mahathir?

Isu nepotisme yang dibangkitkan Zahid, Siddiq Faizal dan Anwar sendiri, seperti yang cuba dipopularkan oleh media berpengaruh, misalnya *Utusan Malaysia* dan TV3, dikatakan bertujuan mewujudkan pendapat umum yang melihat takkan Mahathir dan suku-sakatnya di kandang orang salau. Bagaimana Mahathir menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu yang mempunyai kepentingan besar anak-anak draga rakan akrabnya bukan rahsia lagi. Wang rakyat yang bersedia di kantung Petronas telah dan akan digunakan bagi tujuan ini.

"Di waktu mewah mungkin orang tidak begitu terasa apabila Mahathir menolong anak-anak dan suku-sakatnya kerana orang lain pun mendapat tempias sama. Tapi ketika semua pihak menderita nazak, mengapa PM langsung tidak memandang walau sebelah mata, syarikat-syarikat Burhan putera yang lain, yang juga tercungap-cungap kelemasan? Malah PM tidak berminat sama sekali untuk berbincang seputar agenda Melayu kerana sibuk menyelamatkan suku-sakatnya," marah seorang anak muda, penuh bersemangat yang khabarnya penyokong kuat Zahid.

"Mahathir ibarat buah yang sudah cukup ranum. Kalau

pun tidak dijolok, akhirnya jatuh juga ke tanah. Tapi kalau begitu jadinya tentulah buah itu rosak dan pecah. Kita cuma mahu menolongnya membawa turun ke bawah, supaya buah yang ranum itu tidak berkecaci," sambungnya lagi.

"Tujuh dari sepuluh ahli dan aktivis Umno yang saya jumpa mahukan reformasi di peringkat pucuk pimpinan," dakwa seorang pemimpin Pemuda. "Malah ada veteran Umno yang menganggap kedudukan Mahathir bagai telur di hujung tunduk," tambahnya.

Berbanding Suharto yang tidak jelas siapa penggantinya, peralihan kuasa dalam Umno nampak agak lebih tersusun. Malah ada pihak pernah meramalkan Anwar akan mula menyusun langkah menentang Mahathir hanya selepas 18 bulan menjadi Timbalan Presiden Umno. Maknanya, masalah pengganti Mahathir sudah lama diperkatakan, hatta semasa Musa Hitam menjadi timbalannya, sekitar tahun 1985.

Soalnya, apakah Anwar akan mendapat laluan mudah dan mengutip banyak manfaat daripada seribu satu masalah yang menimpa negara kini? Mahathir tidak selemah Ghafar. Meskipun hubungannya dengan pemimpin-pemimpin Umno di peringkat bahagian tidak seintim Anwar, namun kekuatannya tidak boleh diremehkan.

"Anwar mengenali setiap pemimpin Umno, terutama yang boleh mengundi dalam perhimpunan, secara peribadi. Hubungannya sentiasa diperbaharui. PRnya mengagumkan. Pendekatannya memukau perhatian. Bayangkan, hampir setiap minggu dia mengundang dan membuat pertemuan dengan pemimpin bahagian dari seluruh negara, khususnya semenjak 1993. Kalau ada sidang Parlimen, kerap juga diajaknya MP Umno terutama yang muda-muda ke rumahnya, makan-makan," kata seorang veteran Umno yang cukup bersemangat menyokong aliran reformasi dalam

Umno. "Anwar juga cukup rajin dan tekun bekerja."

"Anwar mengambil kesempatan dari kelemahan dan kealpaan Mahathir. PM sudah tidak hiraukan lagi ahli-ahli Umno. Dia lebih sibuk bersama tokoh-tokoh korporat dan suku-sakatnya. Soal rakyat bawahari, perumahan kos rendah, petani di desa, kontraktor kecil, agenda Melayu tidak dihiraukan lagi. Jadi, jangan salahkan Anwar kalau Anwar muncul sebagai wira rakyat," tegasnya lagi.

Namun dalam keghairahan juak-juak Anwar merisik khabar, membuat tinjauan, dan meramalkan unjuran tentang pengaruh Anwar, seterunya juga mula merancang sesuatu. Di antara Sanusi Junid, Abdullah Badawi, Najib Razak, nampaknya Tengku Razaleigh lebih tertonjol sebagai tokoh yang akan menjadi galang-ganti kepada Mahathir.

Malah juak-juak Anwar mulai bimbang dengan gerakan ini, khususnya selepas kemunculan tokoh-tokoh veteran Umno atas platform membantu kerajaan menerangkan kepada rakyat jelata masalah krisis ekonomi kini.

"Mahathir perlu diyakinkan bahawa Anwar pasti akan menentangnya, sama ada secara terbuka dalam pemilihan 1999, ataupun "gerakan senyap" yang natijahnya tetap sama. Sampai hari ini khabarnya Mahathir masih tidak percaya anak didiknya itu akan mencabarnya," terang seorang penyokong Tengku Razaleigh.

"Kes Mat Taib adalah kesempatan terbaik buat Mahathir tunjukkan kepada ahli-ahli Umno, rakyat Malaysia dan dunia seluruhnya bahawa tiada pilih kasih dan kompromi terhadap amalan rasuah. Mungkin Mat Taib dan Waad bekas Exco Negeri Sembilan akan dikorbankan," tambahnya.

Justeru, Mahathir, menurut gerakan yang akan menobatkan Ku Li ini, perlu memulihkan imejnya yang sedia teruk itu. Tuduhan nepotisme yang lebih tertuju kepadanya harus disanggah dengan bukti-bukti konkret. Mahathir mest

bertindak menyelamatkan lebih banyak syarikat yang tidak mempunyai kepentingan suku-sakatnya.

"Kita mahu lihat senarai syarikat yang akan dibantu oleh Syarikat Pengurusan Aset. PM masih punya waktu untuk membuktikan dia masih waras melihat kepentingan umat Melayu seluruhnya. Jangan sampai terlambat, kelak apa rancangan pun tidak berguna lagi," demikian pandangan penyokong-penyokong Zahid pula.

ii.

Hari minggu, 7 Jun 1998, Mahathir nampaknya disindir, diserang dan dipersalahkan habis-habisan akibat krisis ekonomi yang melanda negara, bukannya oleh parti-parti pembangkang, tetapi disuarakan sayap kanan Umno sendiri, Pergerakan Pemuda, dan juga pertubuhan belia Islam yang intim dengannya, ABIM.

Pemuda di bawah pimpinan Ahmad Zahid Hamidi yang bermottokan, "Pemuda Pemangkin Gerakan Reformasi" (ingat apa yang berlaku di Indonesia!) sememangnya diketahui tidak dapat membebaskan diri dari kepompong pengaruh Anwar Ibrahim, antara "seteru" politik Mahathir yang cukup berbisa!

ABIM meskipun sudah beralih teraju kepimpinannya daripada Dr Siddiq Fadil kepada Dr Mohd Nor Manut, dan kini, Ahmad Azam Abdul Rahman, namun kesinambungan agendanya tidak terputus, khususnya untuk memastikan Anwar mendapat dokongan kuat Umno bagi menggantikan Mahathir dalam waktu terdekat. Ramai pemimpin muda ABIM yang kini menyusup masuk ke bahagian-bahagian Umno.

"Bicara Siddiq Fadil cukup mengejutkan, tidak jauh bezanya dengan Fadzil Noor, Presiden PAS. Jelas sekali, Mahathir menjadi sasaran kritikan utama siri syarahan

keprihatinan umat anjuran ABIM ini. Seolah-olah beliau mahukan reformasi ala-Malaysia, dengan syarat Mahathir perlu berundur," kata seorang teman yang turut saman menyertai syarahan bertajuk *Kegawatan Ekonomi Semasa Perspektif Islam*, di DBP itu.

"Pertama kali saya dengar orang kuat ABIM hentati Mahathir cukup-cukup. Habis isu rumah Mahathir di Putrajaya diungkitnya. Habis suku-sakat Mahathir dibongkar karnya," tambahnya lagi.

"Kalau Suharto terlewat dua bulan untuk menikmati *husnul khatimah* apabila terus menerima pencalonan Presiden Indonesia, kita bimbang ada pemimpin lain, yang telahpun memerintah negara berbelas tahun tetapi mungkin terlewati dua hari bagi menikmati *happy ending*. Kita tidak gunakan istilah *husnul khatimah* kerana ia istilah ulamak sedangkan orang ini tidak suka ulamak," ujar Dr Siddiq.

"Kita mahu ketelusan, tiada sembunyi-sembunyi lagi. Sekurang-kurangnya kita mahu tahu, *siapa, dapat apa dan berapa* daripada projek-projek kerajaan. Bukan hanya periksa siapa orangnya *tapi periksa juga apa binnya*," tambahnya.

"Bin Mahathir memang banyak," respons seorang teman bekas ahli ABIM apabila saya beritahu sindiran Siddiq Faizal kepada Mahathir itu, "kerana anak-anaknya sudah besar panjang dan pandai buat bisnes sendiri. Tapi kalau nak cari *bin Anwar* susahlah sikit kerana anak-anak Anwar masih remaja, perempuan pula tu. Yang baiknya ABIM kena periksa *bin Ibrahim* ataupun *Ibrahim itu sendiri*, baru cerita ini menjadi lebih menarik."

Pada hari yang sama juga, di PWTC, Zahid mendakwa unsur-unsur nepotisme dalam pembahagian projek-projek kerajaan kepada syarikat gergasi Bumiputera berada pada tahap serius. "Ini harus dielakkan. Kita perlu ambil tindakan segera supaya perkara-perkara yang berlaku kepada nega-

jiran tidak berlaku di sini," kata Zahid.

Akhbar *Utusan Malaysia*, 8 Jun 1998 cukup menarik untuk diperhatikan. Sama ada akhbar ini turut mempunyai agenda tersendiri dalam percaturan politik dalaman Umno bukan suatu isu lagi, yang penting, melalui halaman pertama, kedua dan ketiga, isu nepotisme dapat diperhatikan melalui tajuk-tajuk beritanya. Di muka satu tertera kenyataan Zahid, "Nepotisme kian serius"; di muka dua, kenyataan TPM, "Anwar: Kikis unsur nepotisme, kronisme"; dan di muka tiga, kenyataan bekas Presiden ABIM, "Bertindak lebih telus isu nepotisme - Dr Siddiq".

"Anwar sengaja cari nahas," kata seorang pengagum Mahathir. "Apakah Anwar merasakan dia sudah cukup kuat untuk mengheret Mahathir dalam pertembungan terhebat abad ini pada pemilihan Umno tahun depan? Membiarkan, atau mungkin mendorong, Zahid menyindir dan mempermudahkan PM secara terbuka menjadikan suasana lebih parah. Sekali PM percaya ia didorong oleh Anwar dan Anwar berkepentingan di sebaliknya, parah Anwar."

Sememangnya sejak awal lagi saya menjangkakan ketegangan dalam Umno akan merebak dan fenomena di Jakarta pastinya akan ditafsirkan menurut kepentingan kelompok tertentu dalam Umno. Bukan rahsia lagi bagi pihak yang merasakan bahawa kita juga patut mengadakan reformasi. Dan makna reformasi bagi mereka ialah "Mahathir turun, Anwar naik!" Selesai segala masalah, kononnya.

Justeru itu, langkah Tun Ghafar Baba merasmikan program Umno Kedah di bawah pimpinan Sanusi Junid dan juga pertemuan veteran Umno dengan PM dilihat dalam konteks bahang yang makin panas menjelang pemilihan Umno 1999. Meskipun ada usul dari Umno Kedah agar tiada pemilihan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, namun menurut sumber tertentu, usul seumpama itu, seperti

yang pernah diluluskan dalam perhimpunan Umno 1991 bercanggah dengan semangat demokrasi dan Aktif Pertubuhan.

"Inilah masa terbaik Anwar menguji popularitinya. Anwar tidak boleh terlewat. 1999 adalah gelanggang terbaik untuknya mendapat mandat perwakilan Umno bagi menerajui parti menjelang alaf baru. Jika Anwar alpa, musuh-musuh politiknya akan membuat pukulan balas kepadanya, demikian pandangan seorang penganalisis politik yang cukup yakin bahawa Anwar pasti melonjak naik selepas lima atau enam tahun memegang sesuatu jawatan."

Mahathir sudah tidak mempunyai banyak pilihan. Perkiraan di atas kertas mungkin menunjukkan kehebatan Anwar menjalin hubungan dengan segala lapisan ahli-ahli dan pemimpin Umno. Orang muda pasti memihak kepada dia. Ramai timbalan-timbalan menteri yang kepingin berafiliasi jawatan lebih tinggi. Namun, sejarah menunjukkan di saat-saat getir atau di persimpangan berliku, Mahathir akan menunjukkan kelicikannya. Juak-juak Anwar patut memberi perhatian dalam aspek ini.

"Tidak relevan Anwar mahu pelopori semangat reformasi," marah seorang rakan, juga penulis politik. "Anwar juga pertahankan suku-sakatnya. Kalau anak beranak Mahathir kaya raya, bagaimana pula dengan adik beradik Anwar Bezanya, anak-anak Anwar ramai perempuan dan masih budak-budak lagi. Lagipun Mahathir sudah 17 tahun jadi PM, Anwar baru 5 tahun jadi TPM, tentulah suku-sakatnya tak sehebat Mahathir."

"Saya setuju sangat dengan ceramah Dr Siddiq Fadillah yang mengkritik hebat suku-sakat Mahathir, tetapi lupakannya beliau dengan bekas pemimpin ABIM yang kini menjadi multi-millionaire, malah bersedia diperalatkan oleh taikus Cina, bukannya kerana kepintaran berdagang tetapi disebab-

kan koneksi — bukannya prestasi — dengan Anwar. Apakah, misalnya, jika Kamaruddin Jaafar bukaan kenalan Anwar, maka dia boleh menjadi jutawan atau laksawan segera, dua kali lima saja,” tambahnya, dengan nada yang masih marah. Saya hanya boleh mengangguk.

iii.

Isu peralihan kepemimpinan negara sekali lagi dibangkitkan, kali ini melalui *Reuters Television* dalam wawancaranya dengan Perdana Menteri di Tokyo, Rabu Julu. “Perkara yang penting ialah peralihan itu berjalan lancar, dan menjadi harapan saya agar saya dapat menyerahkan teraju kerajaan dan parti seluruhnya,” kata Dr Mahathir.

“Yang kami akan lakukan terlebih dahulu ialah menyelesaikan masalah krisis kewangan dan sekiranya kami dapat menyelesaikannya, tidak akan timbul sebarang masalah mengenai penyerahan kuasa,” tambah Perdana Menteri.

Setakat ini hanya Malaysia tidak menyaksikan peralihan kepemimpinan tertinggi di kalangan negara serantau yang menghadapi krisis ekonomi selepas Korea Selatan, Thailand, Filipina dan Indonesia melakukannya.

“Peralihan kuasa di sini lebih aman dan licin kerana pengganti Mahathir adalah anak didiknya sendiri, yang sentiasa dipertegaskan di mana-mana bahawa Anwar akan menggantinya. Mahathir tidak perlu risau dia akan dikhianati,” kata seorang pemimpin Pemuda Umno.

Beberapa persoalan utama dapat dikutip daripada penjelasan Perdana Menteri itu. Pertama, krisis ekonomi — yang disifatkan Anwar Ibrahim telahpun melalui tahap terburuk — akan mengambil masa yang agak panjang untuk pulih.

“Mungkin memakan masa lima atau enam tahun akan datang,” kata seorang kolumnis terkemuka apabila turut

mengulas respons Mahathir bahawa dia akan menyelesaikan terlebih dahulu krisis kewangan sebelum mengundurkan diri.

PM pernah memberikan masa enam bulan untuk negara pulih dari kegawatan, tetapi masa itu hampir berlalu, sedangkan kesan krisis baru saja mula dirasai oleh rakyat terbanyak selepas memberi pukulan teruk kepada tokoh korporat dan golongan kes menengah. Kes pemberhentian kerja meningkat dengan drastik sekali. Barangang keperluan naik hingga tiga empat kali dalam sebulan.

"Lagi lambat ekonomi negara pulih, lagi lamalah Mahathir menjadi Perdana Menteri. Jadi, logiknya, tentulah kita memerlukan tempoh yang agak panjang sebelum dapat pulih seperti sediakala. Tidak mustahil PM sengaja akan melambatkan proses pemulihan itu, sekurang-kurangnya sehingga beliau puas menikmati kemewahan di Putrajaya," komen seorang penganalisis politik tempatan.

Apa yang diungkapkan oleh Dr Mahathir itu sebenarnya fenomena biasa di kalangan pemimpin negara membangun. Soal peralihan kepemimpinan terlalu sukar dilakukan dan berbelit-belit penjelasan dibuat bagi mempertahankan kekuasaan, seolah-olah dengan pengunduran diri itu mengakibatkan masalah besar kepada negara.

Walhal peralihan kepemimpinan amat dituntut sebagai prasyarat untuk menyelesaikan masalah yang menimpa negara. Ini kerana kehadiran pemimpin itu sendiri adalah sebahagian daripada masalah yang meruncing itu. Justeru, Dr Mahathir misalnya, tidak boleh memberikan alasan bahawa tugasnya belum lagi selesai maka ia perlu terus merangkul kerusi tertinggi di Jabatan Perdana Menteri.

Itulah juga yang menjadi daleh Suharto ketika tuntutan reformasi memuncak. Suharto tidak akan berundur ketika mana Indonesia melalui detik-detik getir kerana dia sendiri

akan menerajui gerakan reformasi. Sedangkan rakyat menuntut Suharto wajib berundur sebelum reformasi dapat dilakukan kerana pemberhentian Suharto adalah permulaan kepada tuntutan perubahan yang lebih menyeluruh. Tegasnya, Suharto adalah beban yang terpaksa dipikul oleh Indonesia, bukannya asset yang boleh membantu kemajuan seterusnya.

Dan pastinya Mahathir berfikiran seperti itu juga. Bagi Mahathir, beliau adalah "penyelamat" kepada bahtera yang bakal tenggelam, sedangkan bagi banyak pihak Mahathir adalah sebahagian besar daripada masalah yang dipikul oleh negara sekarang ini.

Dalam kata lain, langkah awal untuk menyelesaikan krisis kewangan negara ialah perletakan jawatan Mahathir sendiri. Biarkan penggantinya pula mencari jalan dan formula penyelesaian, sekurang-kurangnya dengan itu boleh menimbulkan keyakinan baru kepada pelabur luar untuk kembali ke pasaran.

Maknanya, menurut pihak tertentu, langkah terbaik Mahathir untuk turut membantu menyelesaikan krisis kewangan negara ialah dengan berundur secara terhormat sebelum krisis menjadi lebih parah. Oleh itu tidak timbul lagi tempoh masa yang tidak menentu sebelum berlaku peralihan pucuk pimpinan.

Soal jaminan bahawa Mahathir akan berundur sekiranya ada signal yang jelas daripada rakyat untuk beliau berbuat demikian sukar untuk kita terima. Suharto juga pernah mengulangi jaminan seperti itu walaupun berdepan dengan amukan amarah rakyat, beliau masih berkeras untuk bertakhta. Pelbagai tafsiran baru boleh dibuat menurut kepentingan pemimpin berkenaan.

Kesimpulan kedua yang boleh ditafsirkan daripada kenyataan PM itu ialah, kemungkinan besar akan diusulkan

dalam perhimpunan Umno pertengahan Jun ini, "tiada pertandingan bagi jawatan penting parti, khususnya Presiden dan Timbalan Presiden ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi yang semakin serius."

Dari itu, ura-ura Anwar akan mencabar Mahathir pada pertandingan tahun depan semakin sukar. Mahathir akan terus memimpin Umno memasuki alaf baru, bagi tempo 1999-2002. Difahamkan kegelisahan dalam Umno juga semakin terasa. Tidak sedikit yang merasakan Mahathir adalah penyebab utama kepada krisis kewangan, dan sejarnya beliau bersiap sedia menyerahkan teraju kepimpinan kepada timbalannya dalam waktu terdekat.

Penyokong Anwar terpaksa memikirkan jalan lain untuk "memaksa" Mahathir berundur. Rasanya pendekatan itu telah berjalan secara sulit, sekurang-kurangnya untuk memanfaatkan proses peralihan di Jakarta. Dari segi ini, tidak siapa dapat menafikan kehebatan Anwar dalam mengatur rentak. Sama-sama kita tunggu.

# 9

---

## *MAHATHIR TUDUH HARUN DIN PENIPU: TAK ADA MANUSIA BOLEH JAMPI!*

**K**alaupun hendak sembahyang atas kapal terbang kita boleh sembahyang asalkan jika duduk menghadap kiblat. Kalau kita naik unta atau keldai (semasa berperang) takkan kita hendak lari daripada musuh untuk sembahyang dengan menghadap kiblat dan kita juga tak payah sujud atau rukuk.

Semua kelonggaran ini diberi oleh Islam tapi masalahnya orang nak keras juga. Kononnya hendak jalankan hukum

---

Ucapan Perdana Menteri, Mahathir Mohamad dalam mesyuarat tertutup dengan Menteri-menteri Besar. Turut hadir, Anwar Ibrahim, Dr Hamid Othman dan Ketua Pengarah Pusat Islam.

hudud di Malaysia. Di sini ada dua perkara iaitu kita akan menghadapi perbezaan hukum ke atas orang Islam dan bukan Islam. Kalau ada dua orang berpakaat, seorang Islam dan seorang bukan Islam pakat mencuri.

Tangan orang Islam dipotong, tangan orang bukan Islam tidak dipotong, tapi hanya dipenjarakan. Apakah ini bermakna keadilan di dalam Islam? Ada yang kata dikenakan potong tangan kedua-dua sekali yang Islam dan bukan Islam.

Apa akan berlaku dengan negara Malaysia jika kita lakukan demikian? Mungkin pemberontakan akan berlaku. Keadaan ini akan berlaku seperti di Algeria dan lain-lain tempat. Seperti Lubnan, Mesir, Palestin. Kita kena kira juga kemampuan kita untuk membenarkan satu-satu hukum dijalankan.

Sebab itu kerajaan sekarang tidak bercadang untuk melaksanakan apa yang dikatakan hukum hudud. Hukum itu pun bukannya jelas lagi tapi banyak yang dialih bahasa dengan pelbagai tafsiran. Kita tidak jalankan hukum itu sebab keadaan negara kita. Ramai orang Islam yang tinggal di negara minoriti tidak menjalankan hukum hudud. Apakah dengan kerana itu mereka kurang Islam? Ataupun mereka menjadi tidak Islam atau menjadi kafir?

Apa buktinya dengan menyuruh kita melaksanakan hukum hudud akan selesaikan segala masalah. Apa akar jadi pada negara kita pada hari ini yang dipandang oleh negara Islam sebagai sebuah negara contoh tetapi menghadapi masalah yang sama seperti Algeria.

Mereka setiap kali mencari jalan mudah dengan berperang. Kemudian pergi bom dengan orang yang tidak boleh lawan dengan kita. Kalau kita hendak berperang, berperanglah tapi berhadapanlah dengan musuh! Tapi ini tidak mereka bunuh wanita, kanak-kanak. Orang-orang macam ni tak ada fikiran langsung. Hanya fikir untuk mentadbiri

negara seperti Malaysia adalah mudah. Kita dapat kuasa ... majoriti yang dapat kuasa adalah orang Islam. Yang hendak guna kuasa itu seperti cara dia.

Bukan mudah hendak dapat kuasa. Bukan dia yang berjuang dahulu untuk dapat kemerdekaan tiba-tiba apabila kita capai kemerdekaan dan ada kuasa sikit, kita hendak buat perkara-perkara yang merosakkan. Ini kerana keangkuhan pendapat yang mengatakan dia adalah orang Islam yang hendak jalankan hukum Islam.

Dia hendak jalankan hukum Islam, kemudian bolehlah kempen dalam pilihan raya supaya dia boleh dapat kuasa. Pergi cakap dengan orang Cina dan India, kami hendak kuasa, kami boleh memerintah dan laksanakan hukum hudud.

Tetapi apabila orang Islam lain berkuasa mereka marah. Dituduhnya tidak laksanakan hudud dan macam lagi dituduh. Saya khuatir kita sedang menuju ke arah itu. Apabila kita bagi sikit tempat dimintanya lagi.

Ini buktinya ... hendak duduk dalam Exco. Kalau permintaan itu datang daripada sumbangan mereka yang baik... Tetapi ia sebenarnya satu ugutan terhadap kerajaan kononnya tidak memberi tempat kepada mereka dan ulamak.

Saya bukan lawan dengan semua mufti tetapi mufti yang sebegini bukan mufti. Ulamak macam-macam ulamak ada. Kita pun tahu!

Mohamad Sabu pun ulamak juga. Mustapha Ali ulamak juga. Takkan datang seorang menggelarkan dirinya ulamak dan kita pun pergi sembahyang. Inilah waris nabi.

Bukan main senang... masuk Persatuan Ulamak jadi pewaris nabi! Syed-syed pun tak pernah kata lagu tu yang mereka keturunan nabi dan sahabat-sahabat nabi. Mana-mana tempat mereka buat dakwaan bahawa ulamak pewaris nabi. Mudah niak jadi waris nabi.

Tak payah sapa pilih ulamak. Ulamak yang dimaksud-

kan ulamak yang berpelajaran yang sudah berumur sedikit yang diiktirafkan oleh masyarakat sebagai ulamak kerana kebijaksanaannya dan pengetahuannya bukan orang semacam ini yang mempunyai kepentingan politik. Masuk dalam persatuan jadi ulamak! Saya berasa malu.

Apa yang akan jadi dengan negara kita ini kalau dengan satu orang boleh jadi doktor dengan masuk persatuan doktor. Kita buat persatuan doktor siapa jadi ahli boleh jadi doktor. Tak payah masuk periksa, tak payah ada pengetahuan, tak payah ada apa-apa. Lepas tu kita cuma pergi tengok dia bila dia sakit.

Ada orang pergi tengok Harun Din. Saya nak kata terang-terang. Bohong! Tak ada manusia yang boleh jampi kemudian bagi minum air boleh baik. Tak ada manusia lagi. Kita nak baca doa hendak minta pada Tuhan boleh.

Tapi bukan orang begini boleh jadi orang tengah untuk kita dengan Tuhan. Boleh minta dengan Tuhan supaya air ini boleh jadi ubat kita makan jadi ubat. Ubat pula bukan main special... apabila tarik sawan kena letak anak itu di bendul pintu rumah kemudian jirus dengan air apabila dia kena sawan.

Hari-hari ada orang hantar air depan rumah boleh jampi. Letak air dalam botol dia akan jampi kemudian bawa balik selepas bayar duit kepada dia. Tapi bila dia sakit rawat di Australia. Tak berani di sini.

Saya sakit belah dada dekat sini. Orang nak tahu, tahu lah saya tak ada apa nak sembunyi. Ini pasal nak sembunyi yang pergi Australia. Lebih percaya kepada orang kafir daripada orang Islam. Doktor saya ... saya serah diri kepada dia. Berapa jam dia tengok, belah dada cungkil sana cungkil sini.

Ini tidak, lari pergi Australia dan menipu sungguh-sungguh. Dan kita pun percaya. Saya tak percaya dengan jampi-jampi. Tak ada orang boleh jampi hingga baik. Minta uba-

boleh, minta doa boleh, minta pada tuhan boleh. Tapi jampi kononnya apabila minum air itu pulih. Macam mandi Safar ambil daun letak dalam air kemudian minum. Islam apa tu.

Orang yang buat kerja begini menggelar diri mereka ulamak. Nak suruh saya terima orang macam ini. Saya terima ulamak tapi mestilah orang yang betul-betul ulamak. Tak ada kepentingan lain melainkan kepentingan agama. Dan pendapat dia orang berasaskan kepada ajaran Islam.

Ini tidak, pendapat berasaskan kepada politik, iri hati tengok orang lain mewah, senang. Inilah yang kita hadapi sekarang ini. Kita adakan majlis ini bertujuan untuk menyelaraskan amalan di dalam negara kita. Sebab itu kita berkumpul untuk berbincang dengan apa-apa perkara. Supaya di Malaysia ini tidak ada ketidakseragaman dalam perlaksanaan ajaran Islam.

Di zaman nabi dulu komunikasi susah bolehlah kalau hendak buat satu-satu keputusan. Sebab mereka tiada hubungan dengan orang lain. Kalau hendak buka puasa, nak tengok bulan ke, apa-apa tanda. Dialah tengok. Kalau dia nampak pun nak bagi tau pada sapa? Nak hantar unta pi kampung sebelah pun tak sempat. Tapi sekarang kita ada komunikasi yang baik. Cuba kita tengok bulan naik dekat negara Filipina ini bermakna takkan bulan tak naik di Malaysia. Hanya keadaan cuaca sahaja yang menyebabkan kita tak dapat.

Kalau kita pergi ke Arab Saudi, di situ Islam bermula, dia tak ada awan, langitnya biru, ada padang pasir, boleh nampak bulan, bintang dengan begitu jelas. Sebab itu orang Arab pandai dalam bidang tersebut. Macam mereka belayar dalam laut. Di negara kita ini dengan jerebu mana boleh tengok. Kita buat perkiraan, itu pun menjadi satu masalah, ada yang tak mahu buka puasa, ada yang tak mahu raya, yang buat keputusan sendiri.

Inilah masalah yang dihadapi. Kita hendak tahu sa ada kita bertanggungjawab atau tidak terhadap hal eh Islam. Kalau kita berasa bertanggungjawab kita m sanggup mengecam perbuatan bercanggah dengan Isl Kita duduk dalam negara yang berbilang kaum dan aga malah kekuatan kita bukannya besar sangat.

Kalau kita hendak lawan dengan dia orang tu kita kena beli senjata dengan orang kafir. Kalau dia tak bagi kita hendak buat? 30 peratus orang Cina di sini campur p dengan India dapat senjata, kita pula tak dapat, apa kita buat? Kita merenyeh minta pada orang! Nak buat sen tak tau. Jampi! Panggillah Harun Din tolong jampi. Sa berasa amat sedih.

Cuba tengok keluar satu buku *Mufti Lawan Mahathir* Tunjuk gambar saya. Saya bukan pakai kopiah putih kerana untuk tunjuk saya orang yang pandai dalam bida agama. Kita tak payah nak kata. Kalau kita orang Islam ora Islamlah. Tetapi ambil gambar saya dengan kopiah pu seolah-olah nak mempermainingkan saya.

Yalah, saya pakai kopiah putih, bagi saya tak ada apa. Kalau saya pergi umrah saya teringat nak pakai kop putih, sd...a pakai. Nak pakai kopiah biasa pun saya pak. Saya ingat agama saya tak bergantung kepada kopiah. A setengah orang bila pilihan raya bagi kopiah suruh orang undi, kasut pun ada kasut Islam suruh orang undi juga.

Kita harus berasa tanggungjawab sama ada kita hendekal negara kita ditadbir oleh negara Islam dengan bija aman, makmur dan mampu menjawab balik segala tekanan oleh orang lain.

Hari ini kita menghadapi tekanan daripada orang Yahud iaitu Soros terhadap kewangan kita. Dia boleh jadikan kewangan kita cukup miskin. Sehingga kita tunduk kepada mereka. Semalam Menteri Kewangan Indonesia menelefon

saya bahawa Indonesia menyerah kalah kepada Bank Dunia. Apa makna kemerdekaan apabila Bank Dunia ambil alih kewangan kita. Esok kita tak boleh bercakap! Kita tahu Indonesia nak bercakap apapun tak boleh. Nama saja merdeka dan negara Islam paling besar sekali adalah Indonesia.

Sebenarnya orang Yahudi sekarang menguasai dunia. Sebab apa menguasai dunia? Sebab orang Islam yang satu bilion tak boleh bersatu. Asyik berperang dengan soal titik bengik daripada menyelamatkan umat Islam. Satu billion umat Islam tidak boleh lawan dengan Yahudi yang cuma tidak sampai 30 milion. Di Israel hanya tiga milion, Amerika enam milion. Tapi boleh menguasai dunia.

Apabila saya buat ucapan menentang zionis di Bangsa-bangsa Bersatu semua orang Yahudi tulis surat kecam saya. Ada yang ugut untuk berhenti berniaga dengan Malaysia. Tapi kita masih lantang. Kalau tak boleh kita guna cara lain.

Tujuannya inilah ... sebuah negara yang diperintah oleh Islam yang diakui sebagai sebuah negara Islam masih boleh cakap keras dengan dia orang. Kalau dia orang dapat menguasai kewangan kita, habis! Toksah cakaplah!

Masa dulu British tekan sikit orang Islam di Malaysia tapi takut dah. Tak boleh buat apa dengan British. Dulu British bawa masuk Cina dan India melebihi daripada jumlah Melayu. Kita tidak boleh kata apa. Jika tidak kerana kemerosotan ekonomi dunia pada tahun 1927, masa itu Cina dan India balik ke negeri mereka. Dan orang Melayu lebih sikit ketika itu. Kalau tidak semasa kita merdeka bukan Islam lebih ramai daripada kita.

Pada ketika itu mufti tidak bercakap apa. Ia akan tunduk kepada Cina dan India. Saya bukan anti Cina atau India tapi saya menjaga kepentingan orang Islam. Hendak jaga kepentingan orang Islam ini bukan dengan cara maki orang. Tetapi menjaga umat Islam dengan mengukuh kepentingan

Islam supaya mereka lebih bijak, lebih kaya, lebih pandai. Tetapi orang pandai ini hendak Islam potong tangan orang. Kita nak tengok semua orang Islam kudung.

Di Sudan mereka potong tangan di sebelah kanan, kak sebelah kiri. Apa orang tu boleh buat selepas ini? Tak boleh buat apa. Kita sudah hilang satu tenaga. Islam bukan surut laksana begitu. Islam ada timbang rasa, tapi kita hendak buat hukum Islam secara buta-tuli.

Baru ini saya ada buat ucapan dalam perhimpunan Umno bukan main lagi mereka kecam saya. Bukan saya kata tidak boleh tudung kepala. Tetapi apa guna tudung kepala tetapi perkosa anak. Misalnya suami perkosa anak. Masuk dalam mahkamah pakai ketayap putih, isteri pula pakai tudung kepala. Tapi buat kerja apa?

Saya cakap terus terang dengan orang putih ke orang Melayu ke, kalau nak pakai kopiah putih pakailah tapi itu bukan sahaja menentukan kita Islam. Kalau kita hendak simpan janggut simparilah. Saya kata bukan tak boleh simpan. Saya tak simpanlah tapi jangan kata saya kurang Islam sebab tak simpan janggut. Siapa tahu janggut nabi macamana? Siapa pernah tengok? Ada gambar ke? Kita tidak tahu. Ada pula kata janggut mesti sampai ke pusat.

Apakah kita hendak jadikan ini ukuran agama Islam kerana kita berjanggut ikut Sunnah nabi. Kita tak tau! Kitau taulah dia ada janggut tapi tak tau janggut dia macam mana. Zaman itu nak cukur mudah? Bukan ada *gillete*. Zaman nabi ada *gillete*? Tak ada. Pisau cukur pun tak ada masa tu. Masalah hendak cukur. Kemudian dia pi jalan sana sini naik unta bukan dapat air banyak, kawasan padang pasir.

Kita utamakan yang itu sehingga akan perpaduan Islam kita tinggal ke belakang. Pertahanan, ilmu pengetahuan Islam kita belakangkan. Apa yang kita utamakan dengan rupa bentuk Islam sahaja. Macam ini Islam, macam itu bukan Islam.

Pakai kopiah belum tentu lagi Islam. Pergilah ke Sumatera tengok orang pakai kopiah lilit kain tebal-tebal tapi masuk gereja. Di Pulau Bali pakai kopiah bukan ada kena mengena dengan agama. Yalah kita kena tutup auratlah. Tapi definisinya pun yang mana satu. Ada setengah kata kena tutup semua muka baru betul. Jadi adakah yang tak tutup muka kurang Islam? Kalau tutup pun setakat mana yang kita tutup? Dan kalau kita tidak tutup adakah kita tidak Islam?

Banyak benda yang disuruh oleh Islam tapi kita tidak buat. Dalam bidang pertahanan, dalam al-Quran disuruh kita pertahankan umat Islam bagi menakutkan musuh. Tapi itu kita tidak buat.

Saya fikir kita lebih tidak Islam lagi. Walaupun kita pakai kopiah putih, simpan janggut yang mana lebih penting. Kopiah putih, simpan janggut atau pertahankan umat Islam? Sekarang ini orang Islam jadi hamba kepada orang bukan Islam. Beli senjata kepada orang bukan Islam. Arab Saudi duit banyak, beli senjata ... hendak bawa kapal terbang tak boleh. Suruh orang lain bawa kapal terbang. Kalau jahanam tak reti baiki. Buat apa? Inilah tanggungjawab umat Islam sepatutnya menguasai bidang ilmu. Supaya kita tidak bergantung dengan orang bukan Islam.

Di zaman nabi dulu, memang orang Islam cekap dalam bab pedang, memelihara unta, kuda. Sebab itu mereka menang perang. Boleh buat kapal kayu. Tapi di zaman itu teknologi setakat itu. Dan orang Islam ada teknologi, orang bukan Islam tiada ilmu.

Sekarang sudah terbalik. Orang Islam pergi minta sedekah, beli yang bukan-bukan. Tengok sahaja Arab Saudi beli kapal terbang cukup banyak. Setiap tahun 10 bilion. Tapi bawa pun tak boleh, nak buat apa!

Saya berasa amat sedih dengan perbuatan orang yang melakukan sedemikian. Mereka bawa kita ke belakang

supaya kita menjadi lemah dan dapat dikuasai oleh bukan Islam. Agama Islam akan dihina. Kegiatan orang begini betul merosakkan agama Islam dan orang Islam. Saya tidak boleh maaflah! Orang ini merugikan orang Islam, membela menderhaka kepada agama Islam.

Saya kata terus terang, kerana kita hendak buat baju orang Islam puas, secara tidak langsung kita menjadi agen Yahudi. Yahudi nak buat itu, dia pun tolong buat benda sama. Buat segala buku, syarahan nak mengeliru, melemahkan orang Islam. Apa dia? Yahudi pun begitu juga. Yalah kita tidak berhubung dengan Yahudi secara langsung. Apa yang dibuat, sedikit sebanyak ada Yahudi hendak buat.

Saya berasa amat sedih dengan kegiatan orang-orang macam ini. Kita lantik dia orang jadi mufti suruh buat tafsiran, buat fatwa tapi inilah akibatnya. Diharap mesyuarat hari ini ambil ingatan. Dan tolong fikir tanggungjawab kita terhadap agama Islam yang sebenar. Bukan orang ini yang bertanggungjawab tapi kita yang mesti bertanggungjawab.

# 10

---

## *MOHAMAD SABU: ANWAR LEBIH GANAS BERBANDING MAHATHIR?*

R amai orang masih bercakap tentang bahang reformasi di Indonesia. Bagaimana tanggapan awal saudara terhadap apa yang berlaku di Indonesia?

Sebenarnya rakyat Indonesia sedang mencari identiti. Kita yakin reformasi yang berlaku di Indonesia ini akan mengangkat Islam ke tempatnya. Bukanlah ia sampai ke tahap menegakkan negara Islam di Indonesia tetapi mereka

---

Wawancara Ahmad Lutfi Othman dengan Ahli Parlimen PAS, HAJI MOHAMAD SABU, pada 14 Jun 1998, jam 11.15, di pejabat urusan majalah *Tamadun*

yang bercakap tentang Islam mula mendapat tempat di rakyat. Komunisme memang telah ditolak, nasionalism Jawa mula terhakis. Saya yakin reformasi ini memberi peranan yang utama terhadap gerakan Islam.

Nampaknya istilah reformasi ini dianggap "keramat", i bukan saja diperkatakan rakyat biasa malah diulang Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Banyak golongan oportunistis mengambil peluang. Kitahu bahawa Suharto mengumpulkan harta-hartanya dan juga ahli-ahli kabinetnya, yang membezakan hanya jumlah. Maknanya nepotisme boleh dikatakan berlaku pada hampir semua anggota Kabinet. Begitu juga Habibie dan anak-anaknya yang turut berkongsi dengan keluarga Suharto dalam perniagaan. Tetapi untuk menyelamatkan sesuatu regim selalunya akan dipersalahkan pada seseorang.

Angin perubahan itu bertiup ke Malaysia. Khususnya golongan yang menyertai Umno selepas penyertaan Anwar Ibrahim ke dalam Umno, bagi mereka kini adalah peluang untuk mereka menyahkan yang berkuasa sekarang, iaitu Mahathir. Sebenarnya gejala nepotisme yang berlaku dalam pemerintah di Malaysia, di antara Mahathir dan Anwar, *saya meletakkan Anwar Ibrahim lebih ganas daripada Mahathir.*

**Anwar lebih ganas berbanding Mahathir? Ganas ya bagaimana?**

Ya, ini kerana Anwar masih lagi berjawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang belum berkuasa penuh tetapi suku sakatnya telah mencipta kekayaan lebih hebat. Bukannya dari segi amaun kerajaan amaun yang dikumpulkan oleh kumpulan pro Mahathir tentu lebih banyak. Kita boleh bertanya, misalnya, adakah Kamaruddin Jaafar atau Kamaruddin Mohd Nor menjalani

jutawaan segera kerana dia pandai bermiaga atau disebabkan sahabatnya menjadi Menteri Kewangan?

Begitulah juga dengan Rani Ibrahim, Marzuki Ibrahim dan Rosli Ibrahim yang naik mendadak dalam perniagaan, adakah kerana mereka pandai bermiaga atau kerana saudara mereka menjadi Menteri Kewangan? Begitu juga dengan bekas setiausaha sulit Anwar, Nasarudin Jalil dan beberapa orang lain yang dekat dengan Anwar naik begitu mendadak. Kita jangan lupa semasa hendak menjatuhkan Ghafar Baba wujud peranan seperti Quek Leng Chan dan beberapa orang jutawan yang lain dalam membayai golongan tertentu untuk menguasai saham NST dan TV3. Ini semua gara-gara Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan demi mengukuhkan posisinya.

Bagi saya, walaupun Anwar belum mempunyai kuasa penuh, dia sudahpun menunjukkan bakat "keganasannya" melebihi Perdana Menteri. PM ... kita sudah tahu lah yang anak beranak dan suku sakatnya terlibat dalam nepotisme.

Jadi, kalau kita hendak membuat reformasi di Malaysia mestilah reformasi secara menyeluruh iaitu sistem politik, undang-undang, dan akar umbinya politik wang perlu dicantas! Ini mesti dilihat kerana cara TPM naik lebih drastik. Kita ingin bertanya lebih kurang 300 juta saham Petronas Dagang dilabur ke mana sehingga perwakilan Sabah boleh berubah daripada menyokong Ghafar kepada Anwar dengan begitu mengejutkan? Ini bermakna Anwar saling "mengganas" dalam soal nepotisme!

**Maksudnya Anwar tidak layak untuk menerajui gerakan reformasi?**

Anwar langsung tidak layak bercakap soal memerangi gejala buruk nepotisme ini, begitu juga dengan penyokong-penyokongnya.

## Bagaimana dengan Zahid Hamidi, Ketua Pemuda Umno?

Zahid juga tidak layak kerana perbelanjaan wang semasa berkempen untuk menang menjadi Ketua Pemuda begitu dahsyat. Kritikannya baru-baru ini memang ditujukan kepada PM tetapi tidak disebut nama PM. Seolah-olah katanya: "Mengapa beri pada orang-orang tertentu sahaja? Kalau beri kepada kami pun kami boleh bayar cukai dan mungkin bayar zakat." Ertinya dia mengkritik kerana orang-orangnya tidak dapat habuan, bukan kerana keadilan.

Apabila kita mengkritik nepotisme, kita sewajibnya jangan amalkan perbuatan itu dan kalau diberi kesempatan duduk di tempat tertinggi itu pun kita tidak akan buat. Itu barulah kritikan yang ikhlas.

Semalam PM sudah memberi respons apabila disebut kroni, semuanya adalah kroni, terutama apabila wartawan turut mempersoalkan perlantikan Zahid sebagai Penggerusi BSN, apakah itu juga ada kaitan dengan nepotisme.

Betul tu. Nampaknya orang nombor dua lebih mengganas daripada orang nombor satu dan dalam keadaan lain yang nombor satu juga lebih mengganas daripada orang nombor dua dalam soal nepotisme. Sama saja.

Tetapi yang kita nampak daripada imej umum Anwar tetap bersih?

Imej umum dikuasai oleh media yang juga dikuasai oleh orang nombor dua (Anwar Ibrahim). Pernah satu ketika, kalau menonton TV3, kadang-kadang berita PM duduk di tempat keempat. Berita TPM diutamakan, barulah diikuti berita lain, yang keempat baru berita PM. Tetapi apabila kita menghentam dalam ceramah-ceramah barulah kita nampak berita PM sudah berada di tempat pertama. Ertinya media dikuasai oleh orang nombor dua. Jadi, gambaran nepotisme itu hanya dilonggokkan kepada PM.

Kalau media tempatan, memang ia di bawah kawalan Anwar tetapi bagaimana pula dengan laporan media antarabangsa yang juga nampaknya menyalahkan Mahathir dan cuba hendak menaikkan Anwar.

Satu, media antarabangsa mempunyai dua tugas. Apabila sesuatu negeri itu berlaku perubahan, mereka mahu kepemimpinan itu bertukar. Bagi Barat ia telah menerima Anwar sebagai pemimpin yang sesuai untuk menghadapi senario kebangkitan Islam di sebelah sini. Barat mahukan dua corak Islam. Pertama, *Islam Amerika* iaitu Islam yang berbentuk ilmiah tetapi tidak sampai ke pelaksanaan hukum. Ini yang dipelopori oleh IIIT, ICMI, ABIM. Dalam hal ini Barat tidak ada masalah. Kedua, Barat mahukan Islam bercorak ala Afghanistan dan bercorak Taleban. Kalau golongan ini muncul, Barat tidak ada masalah kerana ia adalah peluang bagi Barat untuk menggambarkan betapa buruknya Islam.

Cuma Barat tidak mahukan Islam bercorak ala Iran atau Sudan. Ini kerana mereka terlepas daripada cengkaman kekuasaan Barat. Untuk menghadapi 250 juta umat Islam di sebelah sini memang Anwar orang yang paling layak untuk mengekalkan pengaruh Barat dan sesuai dengan kehendak Barat.

**Ertinya saudara tidak meletakkan apa-apa harapan kepada Anwar?**

Saya tidak meletakkannya.

**Mungkin kerana saudara daripada parti pembangkang dan Anwar adalah seteru politik terbesar PAS?**

Oh, tidak! Saya tidak nampak begitu. Kita boleh lihat daripada rekod. Sejak dia menjadi Menteri Kewangan, bagaimana peruntukan saham diagihkan, bagaimana projek yang

di bawah kawalannya diberikan, tidak nampak ia berlainan dengan orang nombor satu.

**Mungkin realiti untuk merebut tumpuk kepimpinan dalam Umno memaksa Anwar berbuat demikian.**

Serupalah. Sekarang "terpaksa" kerana hendak merebut kuasa dan selepas ini "terpaksa" kerana mempertahankan kuasa. Dia hendak mempertahankan kuasa, jadi dia akan teruskan agenda yang dibuatnya sekarang.

**Anwar pernah diserang hebat atas dakwaan terbabit dengan skandal seks. Bagi pandangan Saudara, adakah tuduhan itu memberi kesan buruk kepadanya?**

Ya, skandal seks itu kita lihat macam boleh menjatuhkannya ... tetapi kita sendiri tidak tahu sejauh mana benarnya tuduhan itu. Tetapi dengar khabar baru-baru ini ada percubaan untuk membunuh orang yang menulis surat sumpah yang mengaku melakukan homoseks dengannya, tetapi katanya yang menjadi mangsa ialah isteri penulis berkenaan. Cerita seperti ini mudah tersebar. Saudara harus menyiasatnya. Media di negara ini, berbeza dengan suratkhabar di luar. Di luar negara mereka mendedahkan skandal, tetapi di sini, mereka menutupnya. Jadi ini seperti skandal dalam filem Hindustan. Jadi kalau kita menonton filem-filem Hindustan, ia banyak menceritakan Perdana Menteri, para hakim, pegawai polis dan gengster membuat pakatan jahat. Katanya, Anwar sendiri peminat filem Hindustan, mungkin beliau lebih maklum.

**Saya pernah berjumpa dengan beberapa orang ulamak yang di luar PAS, apabila ditimbulkan dakwaan skandal seks Anwar, mereka menyifatkannya tidak lebih daripada fitnah semata-mata.**

Apabila orang itu mempunyai watak seperti itu, yang selama ini nampak bersih, kita menganggapnya sebagai fitnah. Apa yang kita mahu di sini adalah Anwar mestilah membersihkan dirinya. Membersihkan diri bukannya dengan berdiam begitu sahaja atau menafikannya kepada pihak akhbar. Anwar harus mengambil tindakan undang-undang dan membawa mereka yang menuduhnya ke pengadilan. Jika tidak, saya rasa ia akan timbul lagi dalam perhimpunan Agung Umno. Kita dengar khabar ada buku akan keluar tentang skandal ini. Selagi ia tidak membersihkannya tuduhan skandal seks ini akan terus berputar. Kita pun tidak mahu TPM kita teraniaya.

Anwar sendiri selepas tercetusnya peristiwa ini, lebih kurang enam bulan dia tidak bercakap soal-soal agama, hanya kebelakangan ini dia kembali berkhutbah. Jadi kita nampak berlaku perubahan ketara lima enam bulan dia mengambil cuti untuk tidak bercakap soal-soal agama dan khutbah. Hanya sekarang dia baru hendak berkhutbah. Barangkali baginya masyarakat sudah lupa. Kita tidak menuduh Anwar tetapi yang kita pelik, mengapa dia tidak membersihkan dirinya setakat ini?

**Maknanya masih banyak lagi tanda soal di sekitar pertuduhan itu?**

Ya, orang yang menulis surat itu pun berada dalam ketakutan. Ertinya mereka masih diugut, diancam oleh pihak-pihak tertentu.

**Khabarnya Saudara pernah berjumpa dengan orang yang menulis surat terbuka itu? Adakah sebarang maklumat yang boleh dikongsi bersama dengan kami?**

Ya, penulis juga bukanlah pada peringkat menuduh Anwar melakukan apa-apa, tetapi mereka empat keluarga

mengakui sungguh-sungguh melihat Anwar masuk ke dalam apartment bersama dengan pasangan yang tertuduh itu. Jadi, pendirian penulis surat itu tidak berubah. Dan dia kelihatan takut untuk bertembung dengan orang. Kalau dia bertembung dengan seseorang dikhuatiri dia akan disiasat oleh polis Cawangan Khas.

**Sekiranya berlaku peralihan kuasa iaitu Anwar mengantikan Mahathir, agaknya bagaimana nasib PAS?**

Saya lebih bimbang dan berdoa secara peribadi biarlah Mahathir mengepalai pilihan raya akan datang kerana kalau Anwar naik menjadi PM, dia cukup pandai menggunakan agama. Minggu pertama dia menjadi PM, misalnya, Anwar berkhutbah di Masjid Negara akan disiarkan di seluruh negara. Lelaki pergi ke masjid sembahyang Jumaat dan wanitanya yang berada di rumah akan melihat bagaimana selepas merdeka, inilah Perdana Menteri yang pertama membaca khutbah tanpa teks pada minggu pertamanya menjadi PM. Sesungguhnya orang seperti Anwar begitu pandai dan licik menggunakan saluran agama dan pandai mengambil sentimen orang Melayu berbanding Mahathir. Kita bukanlah takut tetapi kita tahu tahap pemikiran Melayu setakat mana. Jadi secara peribadi saya berdoa agar Mahathir kekal mengepalai pilihan raya yang akan datang.

**Mungkin di zaman Anwar masalahkekangan demokrasi, kebebasan, ISA dan akta-akta tertentu akan berubah?**

Saya tidak nampak ia boleh berubah. Contoh paling nyata ialah tempat yang Anwar berkuasa penuh, iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Di situ lah Anwar menjadi Presiden, tempat berkumpulnya orang-orang Anwar sehingga menjadi universiti paling tercorot dalam Asia. Universiti yang hanya untuk meluluskan puak-puak

penyokong Anwar supaya ada ijazah. Di situ juga berlaku kongkongan malahan lebih dahsyat berbanding universiti-universiti lain.

Jadi saya tidak nampak ada lebih kebebasan di situ. Anwar lebih pandai dari sudut menguasai budaya Melayu, manakala Mahathir kurang pandai dalam soal itu.

**Saudara tentu lebih mengenali Anwar semenjak sebelum menyertai Umno? Agaknya, apa keistimewaan Anwar ...**  
Ya, pada diri Anwar, ada satu perkara yang tidak berubah iaitu perhubungan awamnya, PR, cukup baik. Walaupun berdepan dengan lawan atau kawan, PR-nya cukup bagus. Dia pandai membina pengikut-pengikut yang setia kepadanya dan kepada musuhnya, dia boleh bersikap *negotiate*. Semasa dia di dalam ABIM dahulu dia adalah *hard working man* tidak kira pagi atau malam. Balik ceramah pukul dua atau tiga malam, esoknya pukul tujuh pagi sudah berada di pejabat. Anwar cukup disiplin.

**Khabarnya Anwar sentiasa menjalin hubungan secara peribadi dengan ahli-ahli Umno di setiap peringkat.**

Ya. PR-nya sangat bagus.

**Dari segi lain ada pihak melihat kerjasama PAS-Umno akan berlaku apabila Anwar jadi PM.**

Cakap-cakap sekarang memang begitu terutama sekali hubungan peribadi Anwar dengan pemimpin PAS termasuk pimpinan PAS sekarang amat erat. Hampir semua pimpinan PAS mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan Anwar tetapi kita tidak tahu sejauh mana soal penegasan dasarnya. Kita nampak... kalau dengan Semangat 46, yang berlainan dasar pun boleh ada gabungan, yang ini juga membimbangkan kita.

**Kata orang, berbanding Mahathir, Anwar dilihat jarang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang memperlekehkan Islam?**

Anwar memang lebih bijak berbanding Mahathir. Mahathir tidak reti menerangkan Islam tetapi Anwar lebih pandai. Misalnya, apabila menerangkan hukum Hudud, Mahathir akan menolaknya secara total tetapi Anwar akan memberi alasan daripada Yusof al-Qardhawi, pandangan ulamak itu ini, soal awlawiyat atau prioriti. Jadi penolakan Anwar lebih lunak! Memang kedua-duanya nyata menolak hudud tetapi Mahathir tidak bijak menyusun hujah.

**Katanya, imej Anwar di peringkat antarabangsa diakui masih hebat?**

Masih hebat! Sehingga apabila saya pergi ke Pakistan, pemimpin-pemimpin Jamaat Islami di peringkat atasan begitu menghormati Anwar. Tetapi apabila saya menceritakan kepada mereka yang saya menjadi Ahli Parlimen sudah lapan tahun... pada mula saya masuk dahulu saya dapati daripada empat jenis judi dikeluarkan tetapi apabila Anwar menjadi Menteri Kewangan, judi yang telah dihalalkannya telah bertambah menjadi sembilan jenis termasuk judi lumba kuda. Dahulu ada tiga tempat judi lumba kuda iaitu Ipoh, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Apabila dia menjadi Menteri Kewangan, ia telah bertambah di Sabah sehingga menimbulkan kemarahan ahli-ahli Parlimen di sana dan juga menimbul bantahan di Sarawak apabila judi lumba kuda juga hendak diwujudkan di sana.

Begitu juga Genting Highlands menjadi pusat judi ketiga besar di dunia sekarang di bawah Menteri Kewangan yang berkuasa sekarang ini. Jadi, apabila saya ceritakan perkara ini kepada Jemaat Islami itu, mereka terkejut. Katanya: "*We have a different view!*" "Kami tidak pernah mendengar cerita-

cerita seperti ini!" Kata saya, sama ada orang beri fakta salah kepada kamu atau kamu naif dalam memahami keadaan itu. Sambung saya lagi Timbalan Perdana Menteri kami mempunyai hubungan yang baik dengan taukeh judi, Lim Goh Tong. Pada masa dia menjadi Ketua Pemuda, Anwar mudah mendapat bantuan Yayasan Gerak Bakti daripada taukeh judi.

Akhirnya kata ketua Jamaat Islami, "kita ada gambaran yang lain selama ini." Begitu juga mereka mendapat gambaran yang salah tentang Malaysia terkenal sebagai negara Islam dan ekonomi yang hebat. Saya akui ia memang betul di luar negara tetapi mereka tidak bertanya pun orang Islam memiliki ekonomi sebanyak mana? 18 peratus ekonomi itu adalah hasil gabungan MARA, agensi kerajaan dan pemilik Bumiputera Islam. Kalau ditolak itu semua ternyata pemilik ekonomi Islam tinggal di bawah paras 18 peratus. Jadi dari segi kek ekonomi orang Islam di Malaysia kurang 18 peratus!

Saya pernah membentangkan kertas kerja di Afrika Selatan menceritakan hal murtad dan dadah di Malaysia. Semasa saya bercakap itu ada di antara mereka yang mencebik mulut. Mereka tidak percaya jika murtad berlaku di negara yang dianggap negara Islam seperti Malaysia.

Selepas beberapa lama saya bercakap itu, mereka berjumpa saya dan ucap tahniah. Mereka mengakui apa yang saya katakan itu benar. Begitulah imej Mahathir dan Anwar di negara-negara luar. Begitu hebat sekali. Sehingga saya beritahu beribu-ribu orang Islam Malaysia sudah murtad, mereka tidak percaya kerana di tempat mereka (Afrika Selatan) orang kulit hitam berlumba-lumba masuk Islam. Di India sendiri, orang Hindu ramai masuk Islam dan adalah pelik jika ada orang Islam masuk agama Hindu. Begitulah anggapan awal mereka. Sehingga mereka bertanya apa sebenarnya yang Anwar telah buat untuk membantu Islam?

Jadi, gambaran media asing terhadap Islam di Malaysia

berjaya digembar-gemburkan. Jadi kalau Anwar menjadi PM, media berjaya menyakinkan negara Islam lain bahawa Anwar adalah pemimpin Islam yang unggul dan dia boleh muncul sebagai pemimpin terhebat di OIC selain Iran.

Dari segi ekonomi, ada pihak menyatakan cara pendekatan Anwar agak berbeza daripada Mahathir. Cara Anwar lebih merakyat sifatnya sedangkan Mahathir terlalu menumpu kepada membina jutawan segera Melayu dan melonggokkan projek untuk dua tiga kerat tokoh korporat tertentu.

Itu memang ada sedikit sebanyak. Tetapi habuan untuk rakan-rakan dan penyokong-penyokong Anwar, serupa saja! Contohnya kita terlupa Muhammad Taib itu adalah ahli Team Wawasan yang diterajui Anwar dan orang-orang ini terkenal dengan masalah skandal penggadaian tanah. Jadi, dari segi kawan-kawannya dalam penimbunan kekayaan tidak nampak penegahan daripada Anwar. Dan sekarang kes Menteri Belia dan Sukan masih lagi tidak selesai yang membabitkan RM200 juta hasil penjualan tanah di Johor. Itu semua adalah orang-orang team Anwar, yang tidak banyak beza dengan kroni Mahathir.

Begitu juga dengan gosip tentang Timbalan Menteri Besar Pahang yang dikatakan memiliki wang yang banyak. Jadi, dari situ tak banyak bezanya cuma. Cara Anwar bercakap ternyata tertumpu kepada rakyat, tindakannya belum tentu

Bercakap soal kroni dan nepotisme dan segala macam kebobrokan yang berlaku, malangnya bagi rakyat Malaysia kerana tidak diberi pilihan untuk mengangkat kerajaan alternatif. Daripada 22 juta rakyat, hanya 2,000 perwakilan Umno yang menentukannya.

Kita tidak nampak senario ini boleh diubah dalam masa yang singkat sebab reformasi politik di Malaysia masih tidak berlaku walaupun telah lama diperjuangkan pembangkang, sama ada PAS dan DAP kerana kita masih dalam *frame work* yang sama. Kita tidak nampak buat masa sekarang pembangkang boleh menang pilihanraya. Kalau berlaku reformasi pun, ia berlaku dalam sistem ortodok. Ia mungkin tidak berlaku seperti di Indonesia disebabkan perbezaan sejarah. Indonesia merdeka menerusi revolusi, kejatuhan Soekarno pun ala revolusi dan Suharto pun ala revolusi. Tetapi politik kita sejak berzaman dipupuk politik ala British.

Jadi berlainan skop dan budaya walaupun kita berada di sempadan tetapi apa yang berlaku di England, sebahagiannya lebih mempengaruhi Malaysia berbanding Indonesia. Begitu juga ulamak-ulamak kita di sini dari segi hendak mencuba sesuatu yang baru dalam politik rasanya amat sukar. Kalau hendak dikatakan takut tidaklah kerana mereka terlalu berwaspada.

Menurut pengalaman pemimpin Jamaat Islami Pakistan, untuk mengubah sistem feudal dan *land lord* di negara itu, ia harus menjurus ke arah revolusi rakyat. Ini yang sedang diteroka oleh Amir Jamaat dan mereka nampak ada perubahan dalam gerakan.



# 11

---

## *BAGAIMANA JIKA TOLAK SAJA MAHATHIR-ANWAR, PILIH TOKOH LAIN PULA!*

**D**i kalangan pemimpin tertinggi Umno siapa yang tidak kenal Wan Mohd Mahyiddin. Badannya agak ramping, tinggi dan memakai kaca mata yang agak tebal. Berasal dari Kelantan, mendapat pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Universiti Malaya. Menjadi penyelidik Umno sejak tahun 1967. Pada tahun 1970 beliau terus dinaikkan pangkat menjadi ketua penyelidik sehingga sekarang.

---

Artikel ini disumbangkan oleh bekas seorang wartawan politik.

Selain membuat kajian penyelidikan dan membantu mengemaskinikan jentera parti, Wan Mohd Mahyiddin sering juga menjadi penceramah dalam kursus atau seminar kepada ahli-ahli Umno secara terbuka mahupun tertutup.

Barangkali, dialah orangnya yang maha mengetahui sejarah salur galur organisasi parti, strategi pihak-pihak yang mahu bertanding di samping cukup berpengetahuan untuk mengetahui kelemahan dan kekuatan seseorang pemimpin. Mungkin segala asam garam daripada A hingga Z masalah dalaman Umno berada dalam genggamannya. Namun begitu, ada sesetengah ahli Umno tidak pernah tahu akan kehadiran dan kepentingannya dalam parti. Apatah lagi masyarakat luar. Mereka hanya mengetahui apabila dia dijemput memberikan ceramah.

Mungkin juga dia kurang dikenali kerana dirinya bukan seorang politikus atau ahli pemidato. Sebagai petugas dalam sesebuah organisasi, dirinya tidak boleh terjebak untuk memberi sokongan kepada sesiapa. Wan Mohd Mahyiddin bersikap neutral walaupun barangkali dia cukup arif gelombang Umno yang sentiasa berubah dari masa ke semasa.

Sebagai wartawan, saya pernah beberapa kali menghadiri ceramah beliau. Memang dia bukannya seorang ahli pemidato tetapi isinya padat dengan fakta. Sesekali ada juga isu-isu yang agak sensitif yang terlepas dari mulutnya. Beliau pernah menghasilkan buku, *Kaedah Berjuang*, yang asalnya kutipan ceramah panduan politik untuk ahli-ahli Umno.

Apa yang menarik dalam buku ini, beliau mendedahkan sikap sesetengah pemimpin atau ahli Umno yang rakus, mengamalkan nepotisme, gila kuasa, kaki projek dan sebagainya. Antara lain Mahyiddin menyebut: "Sebabnya adalah jelas kerana parti yang membentuk kerajaan punca tempat lahirnya peluang-peluang. Satu sikap yang tidak sihat terpacak di dalam hati ahli-ahlinya, mereka anggap parti

sebagai lembu yang susunya mesti diperah sehabis-habis. Kalau lembu itu mati tidaklah mengganggu fikiran mereka. Pertimbangan dibuat berdasarkan beberapa banyak faedah material yang akan diperolehi. ‘Siapa cepat dia dapat’ menjadi amalan ahli-ahli yang sedar bahawa kejujuran bukan sahaja merugikan, malah tidak dihormati orang.”

Selain itu, dia juga mencatatkan: “Bahaya akan tiba bila golongan-golongan ini bergerak sangat berasingan di antara satu sama lain hingga berlaku pergelutan kuasa secara sengit datang melibatkan lobi, perniagaan undi oleh *power brokers* dan lain-lain taktik seperti mengecap sesuatu golongan itu lapuk atau progresif dan lama atau baru. Pergeseran *faction* ini, kalau tidak diredakan kepada peringkat yang biasa boleh membawa kepada perpecahan di dalam parti.”

Sudah jelas apa yang dibimbangkan oleh Ketua Penyelidikan Umno itu pada tahun 1970-an menjadi kenyataan. Pada 1986-1987 Umno berantakan menjadi team A dan team B sehingga parti ini dibatalkan pendaftarannya. Perpecahan berlaku dalam pertandingan merebut jawatan. *Faction* ini mempunyai pengaruh dan pengikut masing-masing yang sehaluan dan sehati sejiwa di dalam banyak perkara. Pada 1993, Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi Juned kecundang bagi kerusi Naib Presiden sementara Ghafar Baba (kini Tun) pula mengundurkan diri dari kerusi Timbalan Presiden. Ketika itu Umno diungguli oleh Anwar Ibrahim yang menjadi ketua Team Wawasan. Anwar dipilih Timbalan Presiden, manakala Muhyiddin Yassin, Najib Razak dan Muhammad Muhd Taib menang kerusi Naib Presiden.

Sementara Rahim Thamby Chik menang Ketua Pemuda Umno. Lima sekawan ini adalah daripada Team Wawasan. Bagaimanapun, kumpulan lima sekawan ini tidak kekal lama. Pada pemilihan 1996, hanya Anwar, Najib dan Muhammad yang kekal sementara Muhyiddin dan Rahim tercincir.

Di dalam rangkaian lima sekawan ini ada yang kecundang kerana pelbagai sebab. Pepatah Tionghua ada menyebut, "tidur sebantal tetapi berlainan mimpi". Rahim terus kecundang hatta di peringkat ketua bahagian, Muhyiddin tidak dilantik Mahathir sebagai ahli MT sementara yang terbaru Muhammad pula diberi cuti isitimewa sehingga kesnya di mahkamah selesai.

Kini tinggal hanya dua orang ahli Team Wawasan, iaitu ketua gembalanya, Anwar dan Najib. Najib yang dilihat seorang ahli politik yang licik belum tentu mahu meneruskan impian Team Wawasan bersama Anwar. Sebagai ketua gembala yang tidak mempunyai gurkha, dia kini terpaksa mencari pengikut baru yang boleh mendengar kata-katanya. Sebaliknya muncul pula satu team baru yang dianggotai oleh kumpulan veteran Umno. Kumpulan ini diketuai Ghafar Baba yang dipaksa undur diri oleh Anwar pada 1993. Ia lebih bertindak sebagai badan penasihat Umno di pelbagai peringkat.

Ghafar sanggup terjun semula ke dalam arus perdana Umno apabila dia diterima sebulat suara oleh MT dalam mesyuaratnya pada Mei lalu. Antara tawaran Ghafar adalah untuk memberi penerangan kepada ahli-ahli Umno mengenai kegawatan ekonomi, satu tindakan yang terus memberi cabaran kepada Anwar selaku Menteri Kewangan selepas terukul dengan penubuhan MTEN. Anwar mungkin merasai bahangnya memandangkan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan, iaitu orang yang paling layak sekali bercakap tentang keadaan ekonomi negara, sama ada kepada tokoh-tokoh korporat maupun masyarakat kampung. Mbenarkan Daim yang berfungsi kepada tokoh bisnes dan melepaskan Ghafar ke desa untuk berkempen bagi pihak kerajaan tentang krisis ekonomi cukup memalukan Anwar.

Senario politik Umno masa kini semakin tegang dan mendebaran. Namun majoriti ahli Umno bersikap tunggg

dan lihat sehingga detik-detik akhir menjelang pemilihan MT 1999. Sudah ada beberapa orang pemimpin Umno yang mempunyai bilik gerakan kempen, sama ada dengan menyewa bilik hotel, apartment mahupun rumah kedai di sekitar Kuala Lumpur. Menurut beberapa orang AJK Umno di beberapa bahagian di Perak dan Selangor, mereka telah didatangi oleh orang-orang tertentu dari Kuala Lumpur untuk mengetahui kecenderungan ketua-ketua bahagian atau bahagian itu sendiri terhadap pemimpin tertentu.

Kumpulan ini menyelidik melalui sahabat, saudara mara atau jawatan kuasa bahagian, sama ada menyokong Mahathir ataupun Anwar. Kononnya kumpulan ini mengakui dirinya sebagai pegawai penyelidik dari Jabatan Perdana Menteri, Biro Tatangera, Kemas mahupun Jabatan Penerangan.

Bagaimanapun, seorang AJK Umno bahagian di Perak memberitahu, beberapa orang yang ada kaitan dengan JPM sudah membuat kajian bahagian-bahagian sejak selesainya pilihanraya umum 1995.

"Mereka mendakwa dari kumpulan PM," katanya.

"Bukan dari kumpulan Anwar?" soal saya.

"Tidak. Malah dia menunjukkan nama dan kedudukannya di JPM," tambahnya.

Mengenai penyelidikan dan kajian ini, ada beberapa pendekatan yang digunakan oleh jurukempen bagi memastikan kemenangan calon masing-masing. Dalam pemilihan Pergerakan Pemuda 1996 yang lalu, khabarnya Annuar Musa menggunakan jentera Kemas bagi mengenal pasti latar belakang Ketua Pemuda dan perwakilan bahagian-bahagian. Jentera ini mempunyai maklumat lengkap sehingga mengetahui tarikh lahir perwakilan dan keluarganya, jumlah anak dan saudara mara yang boleh mempengaruhi perwakilan tersebut. Seorang calon lain yang bertanding kerusi Ketua Pemuda pada tahun berkenaan pula bersedia untuk memberi

sedekah sebanyak RM10,000 pada setiap seorang perwakilan dengan syarat dia bersumpah menyokong calon tersebut.

Bagaimanapun khabarnya Ahmad Zahid Hamidi menggunakan beberapa pendekatan untuk meraih undi dari perwakilan. Antara beberapa pendekatan yang digunakan oleh jentera beliau adalah:

1. Kenal pasti berapa ramai jentera yang mengenali perwakilan.
2. Sejauh mana hubungan baik antara jentera dan perwakilan.
3. Sejauh mana jentera boleh mempengaruhi perwakilan.

Tiga kaedah yang digunakan oleh jentera Zahid ini menyebabkan dirinya mampu mendapat undi bagi mengatasi saingannya yang lain. Justeru kerana itu, tidak menghairankan ada jentera atau jurukempennya yang hanya mampu mengawal seorang sahaja perwakilan, sebahagian yang lain mengawal dua hingga sepuluh orang berdasarkan kemampuan masing-masing

Selain daripada menggunakan kaedah *personel touch* ada juga calon-calon bertanding dalam pemilihan lalu menggunakan kaedah *SMART*, *Bible Books*, *Ambasador* dan sebagainya. Khabarnya di dalam pemilihan 1996 lalu, Ketua Persatuan Akauntan Malaysia, Dato' Hanafiah mengambil gambar video setiap perwakilan yang ditemui sungguhpun dia tidak bertanding pada tahun tersebut. Mungkin beliau menggunakan video ini untuk mengenal perwakilan bagi memudahkan dirinya bertanding semula jawatan MT pada 1999? Dia pernah tewas dalam pemilihan MT pada 1993 lalu.

Khabarnya di dalam pemilihan 1996 ada perwakilan daripada Kelantan yang bergabung untuk mendapatkan sejumlah wang daripada calon yang mahu undi daripada mereka. Berpusat di Ming Court Hotel, calon-calon terpaksa memberikan wang berjumlah RM30,000 jika dia benar-benar

mahu mendapat undi secara pakej. Sama ada benar atau tidak, isu ini hangat dibincangkan oleh ahli-ahli Umno pada malam pertandingan itu. Jika dilihat kepada tingkah laku sesetengah perwakilan Umno ini yang mahukan keuntungan, kesamarataan peribadi, maruah sebagai orang terpilih, ia menyamai Teori Rawls di dalam bukunya *Rawl, Theory of Justice*.

Antara lain buku ini menyebutkan: "Setiap keputusan politik dianggap sebagai penilaian, tetapi ia terlalu meneckankan pada kesamaan hak dalam penglibatan politik yang sangat diperlukan dalam mencapai penghormatan peribadi. Jika beberapa orang kurang memperolehi kesamaan hak, maka akibat daripada penonjolan kekurangan mereka akan mempermalukan dan merosak harga diri."

Berikut adalah salah sebuah contoh strategi yang pernah digunakan di bilik gerakan salah seorang calon Umno yang bertanding jawatan Majlis Tertinggi Umno.

Rajah A1



**Catatan**

*Kenal pasti:*

Kumpulan yang sanggup bertugas untuk memberi pelbagai maklumat. Jumlahnya tidak terhad.

*Perwakilan:*

Kumpulan atau agen yang dilantik selepas menyusun strategi di dalam tindakan kenal pasti.

*Ambasador:*

Kumpulan atau agen yang sanggup jatuh bangun bersama calon bertanding. Kuasanya cukup meluas.

*Wakil:*

Calon yang bertanding.

Khabarnya, antara punca kekalahan Muhyiddin dalam pemilihan 1996 adalah disebabkan beliau menggunakan istilah dia adalah proksi kepada Anwar. Dengan Najib sebagai proksi Mahathir, manakala Muhammad Taib yang tidak berpihak kepada sesiapa, ini adalah kesempatan yang baik untuk Muhyiddin menggunakan isu proksi Anwar. Tindakan jentera Muhyiddin ini juga dikatakan tidak disenangi oleh Anwar. Mungkin Anwar tidak mahu terpalit sama dengan tuduhan korupsi Muhyiddin. Dalam pemilihan itu, Anwar hanya memberi tumpuan kepada Pemuda iaitu Zahid, calon ketua dan Fatah Iskandar, calon naib ketua. Bagaimanapun Fatah tewas di dalam pemilihan kerusi Naib Ketua Pemuda di tangan Hishamuddin Tun Hussien.

Seorang rakan pernah memberitahu bahawa Hishamuddin tidak menyenangi tindakan seseorang pemimpin atasannya yang dilihat menjaga kepentingan individu daripada kepentingan parti. Hishamuddin tidak senang pemilihan Umno dipengaruhi oleh kelibat orang tertentu. Huja Hisham, Umno bukannya parti kepunyaan seseorang tetapi sebuah organisasi yang semua pihak boleh bertanding menarik diri mahupun tidak bertanding langsung.

Ini berbeza dengan pendekatan Zahid Hamidi yang lebih terikat kepada seseorang tokoh. Zahid walaupun nampaknya lebih bercirikan Islam berbanding Hisham, namun khabarnya terpengaruh juga dengan ciri-ciri politik Barat. Politik Barat yang cenderung di lingkungan Yahudi mengambil pendekatan atau falsafah, bahawa sebelum usia 40 tahun seseorang itu mempunyai *God Father*. Apabila usianya meningkat 40 tahun, orang itu pula akan menjadi *God Father* kepada pengikut-pengikutnya pula.

"Satu masalah Zahid, orang suka menyandarkan apa sahaja tindakannya dengan kepentingan Anwar," kata seorang penyokong Zahid.

Walaupun wujudnya pelbagai teori, kaedah dan strategi yang digunakan untuk menghadapi apa jua pertandingan, bagaimana pula senario pemilihan pada musim depan? Apakah kaedah yang sama masih boleh digunakan? Apakah mungkin timbul label *kumpulan reformasi* atau *kumpulan veteran*?

"Mahathir seharusnya faham dengan tindakan Anwar seperti mana tindakan beliau sendiri yang pernah memaksa secara halus Tun Hussein Onn melepaskan jawatan," kata seorang petugas kepada salah seorang menteri yang sudahpun terhenti dan kini berkerja dengan sebuah syarikat keselamatan.

"*You* tahu betul-betul bagaimana sejarah Mahathir mendapat kuasa?" soalnya.

Beliau yang berasal dari Kedah menambah, Mahathir tidak harus menyalahkan Anwar dan orang-orangnya jika dia memikirkan bagaimana dirinya mendapat kuasa daripada Hussein dahulu. Sedangkan pada ketika itu Hussein dalam keadaan sihat, masih boleh bekerja dan belum cukup lama memegang jawatan Presiden Umno, tetapi akhirnya merelakan dirinya untuk meletak jawatan.

"Jika strategi Anwar ini sama dengan strategi Mahathir mengambil alih jawatan PM dulu, habislah Anwar ..." sambut seorang AJK Umno bahagian di negeri Kedah.

"*You* tahu apa strategi Mahathir ketika itu?" saya pula yang bertanya.

Masing-masing menggelengkan kepala. Yang pastinya orang yang benar-benar tahu persoalan di sebalik penyerahan kuasa Hussein Onn kepada Mahathir adalah Ghafar, Tengku Razaleigh, Ghazali Shafie. Hanya team veteran yang benar-benar tahu peralihan kuasa tersebut.

Seorang ahli veteran Umno pernah memberitahu, Ghafar semasa mudanya adalah antara beberapa pemimpin Umno

yang licik berpolitik. Dia pernah menjadi ketua menteri, menteri penuh dan akhirnya Timbalan Perdana Menteri. Ghafar juga adalah antara pakar strategi di dalam Umno untuk menyaingi PAS dalam setiap pilihan raya umum. Beliau mempunyai pelbagai maklumat lengkap di dalam setiap selok-belok politik Umno dari peringkat akar umbi sehingga pimpinan tertinggi. Barangkali Ghafar seperti mana juga kata pepatah Melayu "sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua."

Ghafar tersungkur di tangan pemimpin muda Umno yang masih berhingus ketika Ghafar giat berkempen mencari ahli Umno satu ketika dulu. Ghafar tidak sempat bertarung, seterusnya menyerah diri sebelum berjuang. Bagaimanapun, mulai Mei 1988, selepas mendapat kebenaran dari MT untuk memberi penerangan kegawatan ekonomi, Ghafar balik semula ke dalam arus perdana Umno.

Walaupun di dalam kenyataan akhbaranya Presiden Umno menafikan Ghafar akan melakukan *comeback* dalam arena politik, faktor Ghafar tiba-tiba saja muncul. Mungkin Ghafar ikhlas di dalam membantu kerajaan untuk menerangkan kegawatan ekonomi di kalangan ahli-ahli Umno tetapi di dalam politik serba satu kemungkinan boleh berlaku. Harus diingat, Mahathir cukup arif dan cekap mengatur rentak, apatah lagi dalam keadaan tertekan.

Ketua Penyelidik Umno, Mahyiddin turut menyebut: "Bagi faedah kestabilan kepemimpinan di sesuatu peringkat digalakkan supaya mengundur diri dan membuka jalan kepada pemimpin lain apabila sampai waktunya. Dengan cara ini dapat mengelak krisis dan membolehkan pemimpin-pemimpin yang kemudian meneruskan usaha-usaha untuk parti. Pemimpin yang dahulu boleh bersyukur kerana telah bersara secara sukarela dan mengekalkan nama baik mereka di kalangan ahli-ahli parti. Sebaliknya kalau seseorang

pemimpin itu bersungguh-sungguh mempertahankan kedudukan dan menyekatkan kemasukan pemimpin-pe-mimpin baru walaupun sudah jelas tidak boleh berkhidmat lagi hanya akan menimbulkan krisis dan menyukarkan diri sendiri."

Namun begitu, ada juga pemimpin Umno yang pernah tersingkir kembali semula aktif, misalnya Tengku Razaleigh. Shahrir Samad yang mengundur diri ditawar semula jawatan ketua bahagian. Dr Rais Yatim yang giat menulis dan membentangkan kertas kerja dalam pelbagai seminar kini dilantik penasihat Umno Jelebu. Roslan Latif, aktivis S46 dilantik Ketua Penerangan Umno Grik dan ramai lagi sebagai jawatan kuasa bahagian. Timbul persoalan, apakah bekas pemimpin S46 mahupun Team B dulu akan berpihak kepada Mahathir atau Anwar sekiranya kedua-dua tokoh ini berentap?

Seorang penyunting di salah sebuah akhbar yang mana Shahrir pernah menjadi kolumnisnya memberitahu, Shahrir cukup tidak senang dengan cara Anwar yang "menggunakan" Islam untuk meningkatkan kerjaya politiknya. Barangkali kini Shahrir lebih fleksibel dan tidak melulu untuk meremehkan kekuatan dan kewibawaan Anwar!

"Apabila Shahrir bersedia aktif semula dalam Umno bermakna dia mengambil kira situasi yang ada. Keadaan sekarang jauh berbeza," kata seorang peminat Musa Hitam.

Shahrir sebenarnya pemimpin Umno yang berpotensi dan kreatif, bagaimanapun atas sifatnya pengikut setia Musa, beliau tersingkir kerana menyertai Team B. Dia adalah antara pemimpin muda di kala itu yang bersaing sengit dengan pemimpin muda lain termasuk Anwar sendiri. Wibawanya semakin terserlah selepas memenangi pilihan raya kecil Johor Baharu yang bersejarah itu. Mahathir yang turut turun berkempen serik dengan kekalahan teruk BN dan seterusnya

tidak lagi muncul-muncul dalam sebarang pilihan raya kecil selepas itu.

Khabarnya melalui rahmat kunci yang menjadi simbolnya, Shahrir dikatakan bermula kunci pintu yang diimport khas di luar negara.

Stail Anwar berpolitik menarik minat penganalisis. Malahan kerap terbit buku di pasaran, sama ada yang menyokong maupun menentang Anwar. Bagaimanapun, seorang rakan karib Anwar yang kini menjadi ADUN pernah memberitahu, liku-liku politik Anwar ibarat meniti buih. Ia boleh menghadapi risiko pada setiap saat dan tidak takut walaupun akan tenggelam begitu sahaja.

"Anwar pernah memberitahu, dia tidak akan menjual prinsip walaupun dirinya ditahan ISA semula. Anwar sanggup bermula dengan ISA dan berakhir dalam tahanan ISA juga," dakwa rakan karibnya itu. Sama ada Anwar masih memegang prinsip atau tidak, terpulangkan kepada para penganalisis politik untuk membuat kesimpulan. Bukankah pengertian prinsip itu sendiri berubah-ubah menurut masa dan tafsiran?

Kembali kepada persoalan pokok, usaha merisik ke bahagian-bahagian untuk menentukan sokongan sebelum menjelang pemilihan Umno adalah sesuatu yang baru. Jika benar kumpulan terbabit membuat kajian dan kajian itu diserahkan kepada pihak tertentu sudah pasti calon yang mempertahankan atau mahu bertanding sudah mengetahui kedudukan masing-masing. Khabarnya Anwar sendiri mempunyai maklumat terperinci mengenai pemilihan cawangan-cawangan pada tahun 1997, bagi mencetuskan strategi baru dalam pemilihan bahagian-bahagian yang baru selesai.

Bagaimanapun pemilihan bahagian-bahagian Umno selama 18 hari pada 12-29 Mac 1997 lalu dilihat tidak

membayangkan pertandingan proksi Anwar-Mahathir. Pertandingan khabarnya lebih dipengaruhi oleh isu tempatan dalam bahagian-bahagian berkenaan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah pertukaran pucuk pimpinan bahagian di 24 daripada 165 bahagian dan hanya 12 daripada 24 itu yang sebenarnya dianggap merampas kedudukan pemegang jawatan. Selebihnya menang akibat penyandang jawatan mengundur diri atau memang wujud kekosongan sedangkan tidak ada pencabar lain yang lebih berwibawa.

Arahan MT yang sebelumnya adalah dianggap nasihat — ahli MT tidak boleh mencabar atau dicabar — telah ditafsir dari pelbagai sudut. Ada yang menghujahkan bahawa itu cara Mahathir menjaga kepentingannya bagi menghadapi cabaran tahun 1999. Arahan ini mengakibatkan 90 ketua bahagian menang tanpa bertanding dan 24 muka baru mengisi kekosongan sama ada menang tidak bertanding atau melalui pertandingan. Empat negeri, Perlis, Perak, Pahang dan Terengganu mengekalkan semua ketua bahagian lama.

Pemilihan MT 1999 masih penuh dengan teka teki. Ada dakwaan apa yang berlaku adalah percaturan politik antara Mahathir dan Anwar yang mana hubungan mereka berdua sememangnya kekal istimewa dan masing-masing mahu melihat siapakah calon yang akan menentang mereka berdua. Ada juga dakwaan bahawa kedua-dua mereka sedang melihat kekuatan masing-masing melalui jentera dan isu yang dicipta. Risikan ke bahagian-bahagian telah menentukan kekuatan masing-masing tetapi mereka bertindak “baling batu sembunyi tangan”. Yang selamat nanti adalah Presiden dan Timbalan Presiden.

“Kita kena berhati-hati dengan percaturan merka berdua. Nanti ada yang mati beragan,” kata seorang Ketua Pemuda Umno bahagian di Selangor. Dia sememangnya dikenali sebagai penyokong kuat Zahid dan Anwar.

"Silap-silap nama bekas pemimpin Semangat 46 yang mahu menjuarai Umno akan terus hilang ditelan zaman," katanya.

Seperti mana sesetengah pemimpin Umno lainnya, dia juga keliru dengan situasi politik masa kini. Dia juga bersikap tunggu dan lihat — barangkali untuk mencari tokoh yang boleh menyelamatkan periuk nasinya. Apa yang dia amat pasti, ketuanya, Zahid, menjadi jurucakap bagi pihak Anwar terutamanya dalam isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi, penyelewangan kuasa, korupsi dan nepotisme. Zahid adalah seorang tokoh Pemuda yang vokal walaupun adakalanya tidak kena tempat dan waktunya.

Ada pandangan lain yang lebih menarik: Adalah lebih baik memilih Anwar berbanding Mahathir kerana Anwar boleh dianggap tokoh baru yang masih belum mempunyai klik atau suku-sakat yang ramai untuk diagih-agihkan projek. Ini berbeza dengan Mahathir, bukan saja kroninya ramai tetapi anak-anaknya juga menunjukkan minat yang luar biasa dalam dunia dagang, sehingga menyukarkan pihak lain untuk "tumpang semangkuk".

"Mungkin kita boleh rasa kek ekonomi di zaman Anwar nanti," kata saya sewaktu menemui beliau di PWTC baru-baru ini.

"Sekurang-kurangnya Anwar masih boleh membuka untuk kenalan barunya," katanya dengan penuh harapan. Sudah hampir tiga tahun dia mendapat projek kecil yang sekarang tinggal nyawa-nyawa ikan akibat kegawatan ekonomi. Sesalnya semakin menebal apabila dia mendapat tahu tender *cleaning* di KLIA juga dikuasai anak-anak Mahathir. Dia bersama-sama dengan beberapa orang rakan lainnya sudah beriya-iya untuk bergabung bagi mendapatkan tender *cleaning* tetapi harapannya kini hancur berkecaci.

Umumnya ahli-ahli Umno yang baru menjadi AJIK

bahagian dan berpengalaman kurang 10 tahun bermula tentunya merasai bahang kegawatan ekonomi ini. Mereka tahu majoriti ahli Umno kini berada dalam keadaan kesemitan tetapi lebih kecewa jika mengetahui rupanya masih ada orang lain yang senang lenang mendapat projek kerana hubungan baik dengan Perdana Menteri ataupun anak-anaknya.

Perkembangan politik Umno menjelang pemilihan 1999 lebih banyak menyaksikan teori konspirasi antara Presiden dan Timbalan Presiden. Pemimpin Umno dari 165 bahagian sedang memikirkan empat faktor yang penting:

1. Kekalkan kepemimpinan yang ada.
2. Memaksa secara halus Mahathir berundur dan digantikan oleh timbalannya, Anwar.
3. Mencari calon baru bagi menggantikan kedua-duanya.
4. Menyokong parti lawan.

Sememangnya ada usaha-usaha supaya kepemimpinan sekarang dikekalkan sehingga 2002. Di Kedah, Sanusi Junid bersama pemimpin Umno negeri sudah mencadangkan kepada perhimpunan Umno agar dikekalkan penyandang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Justeru, usaha untuk menyingkirkan Presiden oleh gerakan reformasi bertambah sukar.

Dalam pada itu ramai ahli Umno yakin Anwar tidak akan berdiam diri jika kedudukannya tercabar. Mungkin Anwar akan melompat ke atas untuk mencabar Mahathir. Dan Mahathir pastinya tidak senang kerana beliau arif benar dengan kekuatan Anwar.

Faktor kedua untuk menyaksikan supaya Mahathir berundur dan digantikan oleh timbalannya kini masih dirangka oleh Anwar dan sekutunya. Dengan Zahid yang diletakkan sebagai *trouble shooter* yang cuba mengusik

pelbagai kepincangan caragaya pentadbiran Mahathir, ia dilihat sebagai *test market* untuk mengetahui sejauh mana kekuatan Mahathir bersama kumpulannya. Anwar yang masih memegang *remote control* sedang memperhatikan dari jauh dan membuat penilaian diri dalam usahanya menempatkan diri pada kerusi nombor satu.

"Apa yang diharapkan oleh Anwar adalah tenaga dan kekuatan golongan muda yang bakal mengerakkan usaha reformasi dalam Umno," kata salah seorang pegawai menteri.

"Jika Anwar mampu eksplot keseluruhan jentera Pemuda di samping mendapat sedikit sokongan dari golongan veteran, pasti Mahathir akan menemui kesusahan," katanya lagi. Dia menambah, orang hanya melihat Zahid di depan mewakili Anwar sedangkan ramai lagi yang bekerja untuk menaikkan Anwar tanpa diketahui umum.

Bagaimanapun, pegawai ini yakin, jika Zahid benar-benar ke hadapan, membuat masalah kepada Mahathir pastinya Naib Ketua Pemuda, Hishamuddin tidak akan duduk diam. Apatah lagi jika dia mendapat lampu hijau Mahathir supaya mencabar Zahid.

"Kalau *you* betul-betul baik dengan Zahid, cuba nasihatkan Zahid supaya jangan terlalu terikat dengan kata-kata penasihatnya itu," pernah seorang rakan yang mendakwa Hishamuddin berkata kepada dirinya ketika menemui Hisham di pejabatnya suatu ketika dahulu.

"Hisham bila-bila masa punya keupayaan untuk menge-tepikan Zahid, apatah lagi jika didorong PM," kata seorang aktivis Pemuda. Dan sememangnya konco-konco Zahid tetap bimbang kemungkinan Hisham berbuat demikian.

Dari segi lain, Anwar sendiri agak sukar untuk me-nyaingi Mahathir kerana keputusan mesyuarat bahagian-bahagian tidak menunjukkan arus perubahan yang besar.

24 pemimpin bahagian yang bertukar juga terdiri daripada ahli Umno yang sememangnya masak dalam kancang politik. Tiada langsung calon baru yang mengisi kerusi ketua bahagian.

Selain melobi peringkat bahagian, Anwar sendiri perlu meyakini MT bahawa dirinya layak menjadi Presiden parti. Dalam perkembangan politik masa kini, MT dilihat begitu berkuasa menentukan jatuh bangunnya seseorang pemimpin, termasuk Mahathir dan Anwar. Soalnya, berapa ramaikah orang-orang Anwar yang berada dalam MT berbanding orang-orang Mahathir?

MT pastinya menghargai Mahathir yang begitu banyak berjasa terutamanya menjelang pemilihan bahagian-bahagian yang lalu. Sekiranya nasihat tidak bertukar menjadi arahan, sudah pasti ada beberapa pemilihan di bahagian-bahagian tertentu yang bakal menyaksikan jawatan ketua bahagian akan bertukar ganti.

Sungguhpun Anwar cuba menjadi penyelamat kepada calon-calon yang gagal bertanding dan kecewa dengan telatah ketua bahagian yang menang kerusi percuma, namun ia masih belum mampu mengubati hati yang luka. Apakah lagi Anwar hanya menyelamatkan orang-orang yang rapat dengannya sahaja.

Umpamanya, dalam pemilihan Umno bahagian Gombak, lima minit sebelum menamatkan ucapannya pada hari pemilihan, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Zaleha Ismail secara terbuka mengumumkan bahawa Anual Tahir adalah regunya yang sesuai bagi jawatan timbalan ketua bukannya Fuad Hassan, rakan baik Anwar semasa dalam ABIM yang mempertahankan jawatan. Sebaliknya, Fuad yang mempertahankan jawatan timbalan ketua menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan Zaleha. Tidakkah terluka atau kecewanya Fuad yang

sebelum ini akur dengan nasihat Presiden tetapi akhirnya cuba diketepikan dan seolah-olah dilihat sebagai musuh dalam selimut yang perlu disingkir.

Jika benar Anwar mahu meneruskan tindakan untuk bertanding kerusi nombor satu, mampukah, misalnya Fuad, di bahagian Gombak mempengaruhi ahli-ahli Umno supaya memberi undi 10 kepada Anwar? Undi bonus 10 yang diberikan kepada setiap pencalonan Presiden dan Timbalan Presiden sememangnya suatu kerja yang sukar kerana ia dipengaruhi oleh kekuatan bahagian itu sendiri.

Ini bermakna persaingan sebenar bukan dalam pemilihan MT sebaliknya di peringkat bahagian-bahagian. Inilah kesukaran jentera di antara kedua-dua belah pihak untuk memperolehi sokongan undi. Bagaimanapun, dengan keadaan semasa yang menyaksikan kukuhnya MT dan kebalnya 165 ketua bahagian, Anwar terpaksa mencari strategi baru bagi merealisasikan cita-cita untuk bertanding.

Apa yang lebih menarik, belum ada kumpulan tertentu yang bergerak secara senyap-senyap supaya menyingkirkan kedua-kedua pemimpin ini bagi menggantikan calon yang baru sekali gus bersih secara total. Pemimpin Umno terutama di peringkat bahagian yang benar-benar muak dengan persaingan Anwar-Mahathir, boleh memilih calon baru. Umpamanya mereka meletakkan Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden dan Najib sebagai timbalannya. Jika jangkaan berlaku, walaupun nampak agak mustahil, Umno pastinya akan lebih gawat berbanding isu kegawatan ekonomi.

Segala percaturan ini terletak di tangan Mahathir. Tidak mustahil jika Anwar terlalu kuat dan beriya-iya untuk merebut kerusi Presiden, Mahathir akan berundur diri dan mahukan Pak Lah bersaing dengan Anwar. Pak Lah dibantu oleh Najib yang mewakili golongan muda. Mahathir sendiri boleh merasai siapakah orangnya yang benar-benar layak

untuk menggantikan beliau terutama menjaga nama baiknya dan melindungi kepentingan peribadi dan anak-anaknya sebaik sahaja melepaskan jawatan. Adakah Anwar boleh dipercayai untuk melindungi kepentingan Mahathir dan mempertahankan wibawanya, seperti mana Anwar dengan begitu senang meninggalkan rakan-rakan politiknya, terutama bagi mereka yang bermasalah? Mungkin Pak Lah lebih boleh diyakini berbanding Anwar.

Dalam sejarah Presiden Umno, belum ada mana-mana pemimpin yang digantikan melalui pertandingan. Mereka beralih secara beradab.

Ketika memberitahu Reuters Television dalam satu wawancara di Tokyo, Mahathir menjelaskan beliau tidak nampak "sebarang masalah" dengan perubahan pucuk pimpinan, kerana yang penting peralihan itu berjalan lancar. "Dan menjadi harapan saya agar saya dapat menyerahkan teraju kerajaan dan parti seluruhnya."

Selain Najib dan Pak Lah, Tengku Razaleigh juga tidak diperkecilkkan kewibawaannya. Ku Li sudah masak dan benar-benar arif dalam sepak terjang politik Umno. Penyeritaan semulanya dalam Umno tidak kelihatan terlalu gelojoh, beliau seperti tidak mensyaratkan faktor kedudukan sebelum membubarkan partinya tetapi akhirnya mendapat tempat sebagai ketua bahagian. Jika Pak Lah dan Najib dilihat kurang upaya untuk menerajui perubahan, Ku Li dijangka boleh melakukannya seperti mana dia mengepalai Semangat 46 dengan orang-orangnya yang komited.

Cerita mengenai "komited" agak menarik sebagai penutup bicara. Di dalam suatu mesyuarat cawangan yang diadakan sekitar bulan Mac lalu, seorang ketua cawangan telah berpeluang untuk memberikan ucapan. Teks ucapan ketua cawangan itu dibuat oleh anaknya yang baru pulang bercuti dari pusat pengajian tinggi. Di dalam teks, anaknya menulis

perkataan "komited" sebaliknya dibaca oleh bapanya sebagai "kemetot" (pendek). Berulang kali disebut sehingga ia ditebalkan oleh wakal bahagian yang mengawasi cawangan-cawangan terbabit. Khabarnya muka ketua cawangan itu merah padam sehingga beberapa hari kemudiannya.

Episod keputusan MT yang menukar "nasihat" menjadi "arahan" meninggalkan kesan yang mendalam kepada sesetengah ahli Umno. Ramai yang kecewa apatah lagi pihak yang tewas dalam pertandingan. Khabarnya problem yang agak sulit diatasi adalah di Kedah dan Kelantan. Jika masalah ahli-ahli Umno tidak diselesaikan atau diredakan dengan segera, hampir pasti fenomena undi protes akan berulang kepada calon BN dalam pilihanraya umum akan datang.

Seorang ahli Umno yang menjadi penyokong kuat kepada Abdul Rahman Ibrahim begitu kecewa apabila Ahmad Lebai Sudin menang di bahagian Pokok Sena, Kedah. Dia pernah memberitahu rakan-rakannya supaya dalam pilihan raya umum kelak memberi undi kepada parti pembangkang secara senyap-senyap.

"Kalau jatuh, biar jatuh sekali," katanya dengan nada yang geram.

Gosip dan cerita sebegini sedikit sebanyak menjelaskan keyakinan ahli-ahli Umno terutamanya di kawasan yang mana undi pembangkang- kerajaan 50-50.

"Saya rasa undi protes boleh bertambah dan keadaan ini boleh membahayakan Umno," kata salah seorang ADUN ketika ditemui baru-baru ini.

"Kalau orang semua asyik cerita siapa orang Anwar dan siapa orang Mahathir, tahu-tahu pembangkang telah menawan beberapa kerusi. Ini lagi memalukan!" kata wakil rakyat terbabit.

Bagaimanapun dirinya tidak perlu risau kerana kedudukan di Pantai Barat menyukarkan kumpulan pem-

bangkang untuk merampasnya. Kata seorang teman, "kalau BN letak botol kicap pun boleh menang." Apa yang dirisaukan, bolehkah terpilih sebagai calon BN dalam pilihan raya akan datang.

## LAYAKKAH ANWAR KETUAI REFORMASI?

11

# 12

---

## *MALAYSIA BUKAN INDONESIA, MAHATHIR BUKAN SUHARTO, TAPI MAHATHIR MUNGKIN SUKARNO*

**M**alaysia sudah merdeka pada 31 Ogos 1957. Akan tetapi kini Perdana Menteri, Mahathir Mohamad mengingatkan bahaya penjajahan bentuk baru ekoran kegawatan ekonomi negara.

Setiap kali beliau membuka mulut, harga saham menujam jatuh. Begitu juga dengan nilai ringgit. Kedudukan ekonomi Malaysia bertambah buruk.

Teringat kembali ketika Indonesia berada di bawah Sukarno. Beliau yang cenderung kepada negara-negara komunis mengingatkan bahaya penjajahan bentuk baru. Istilah zaman itu adalah neo-kolonialisme dan neo-imperialisme, atau singkatannya, nekolim.

Sukarno menolak Barat dan sistem ekonominya, kapitalisme. Beliau menghuraikan betapa zalimnya sistem kapitalisme dan bagaimana Barat menggunakan ekonomi untuk menjalankan penjajahan bentuk baru. Sebab itu Sukarno menentang pembentukan Malaysia yang disebut sebagai projek neo-kolonialisme British yang mempunyai kepentingan pelaburan besar di negara ini, baik dalam bentuk ladang getah mahupun lombong timah.

Apa yang dihujah oleh Sukarno ada benarnya. Sebab itu, ramai intelektual Melayu, di Malaysia menjadi pengikutnya, termasuk wartawan-wartawan akhbar *Utusan Melayu*. Parti Rakyat adalah parti utama Malaysia yang menyokong pandangan ini. Analisis ahli ekonomi kiri memang menunjukkan bahawa Malaya dan Malaysia yang walaupun merdeka pada tahun 1957 tetapi tidak benar-benar bebas dan berdaulat dalam erti kata ekonominya masih tunduk pada kehendak Britain. Bukan itu saja, dasar luarnya juga terpaksa akur kepada kehendak Britain.

Bagaimanapun, ternyata dasar-dasar Tunku yang pro-penjajah telah membawa negara ini pada kedudukan ekonomi yang baik. Walaupun hujah Sukarno dan golongan kiri, termasuk di Malaysia adalah betul, tetapi dari segi praktikal dan periuk nasi rakyat negara ini, dasar Tunku yang pro-pemodal dan pro-pelabur membawa kemakmuran pada negara. Biarlah negara dijajah dalam bentuk baru, tetapi negara ini makmur. Pada rasminya, negara ini sudah merdeka. Memilih dasar luar dan ekonomi tertentu adalah keputusan bebas kerajaan Kuala Lumpur mengikut rentak dinamika politik sejakat semasa.

Sementara Sukarno di Indonesia dengan mengecam Barat terus menjahamkan ekonomi negara. Pelabur-pelabur sudah tentu menjauhkan diri dan Sukarno bertambah pergantungannya terhadap negara-negara komunis. Bantuan

hanya datang daripada negara komunis. Itupun tentu tidak mencukupi.

Sekarang Mahathir pula menghujahkan tentang bahaya penjajahan bentuk baru. Tidaklah namanya neo-kolonialisme. Akan tetapi globalisasi boleh dilihat sebagai mengancam kedaulatan negara. Mahathir membidas pelabur dan spekulator asing yang tidak mahu melabur di Malaysia walaupun ternyata fundamental negara teguh. Bagaimanapun bidasan dan kritikannya menakutkan para pelabur. Seperti mana ramai orang tahu, melabur bukan sekadar melihat atas yang kukuh. Banyak faktor lain yang menentukan hala mana pelaburan hendak dibuat. Terutamanya tentang sentimen dan politik. Kalau pelabur tidak suka Mahathir, atas sebab apapun, maka tidaklah mereka melabur.

Bagaimanapun, pada zaman Sukarno, komunis antarabangsa masih kuat. Barat dengan segera dan serta merta menggolongkan Sukarno sebagai alat komunis yang perlu dimusnahkan. Barat berjaya apabila Sukarno dapat ditumbangkan dan digantikan dengan Suharto. Bagaimanapun, sekarang keadaan sudah berbeza. Komunis antarabangsa sudah tidak seperti dahulu. Mereka juga tunduk kepada kuasa pasaran. Yang hanya idealisme mereka. Maka Barat juga tidak menggolongkan Mahathir sebagai pro-blok Timur kerana blok Timur sudah tidak ada. Mereka hanya menyifatkan Mahathir sebagai "orang yang marah" seperti yang dipaparkan dalam majalah *Time*.

Seperti Sukarno, hujah-hujah Mahathir tentang penjajahan bentuk baru dan Barat ada benarnya. Di kalangan pemimpin dunia sekarang ini, bukan saja Mahathir yang menghujahkan tentang hegemoni Barat dan perlunya menentang mereka. Pemimpin-pemimpin Iran juga menghujahkan perkara yang sama. Begitu juga pemimpin Libya. Akan tetapi pihak Barat tidaklah samakan Mahathir dengan

pemimpin Iran dan pemimpin Libya. Iran dan Libya adalah pemimpin negara yang dianggap penganas oleh Amerika Syarikat. Malaysia hanyalah negara yang marah terhadap Barat yang memusnahkan segala usaha rakyat dan pemimpin negara ini untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Akan tetapi soal sekarang seperti yang dihadapi Tunku dulu, bukan soal kebenaran atau tidak. Soalnya ekonomi dan periuk nasi rakyat negara ini. Kebenaran yang dihujah oleh Mahathir boleh dijunjung tetapi kesannya adalah menyusahkan rakyat. Hujah Mahathir walaupun ada benarnya tetapi lebih berbentuk konsepsual. Suatu abstrak yang menjadi mainan para intelektual dan idealis. Suatu yang pelik bagi pemimpin Umno kerana dalam sejarahnya parti itu lebih bersifat pragmatis.

Dalam sejarahnya, walaupun Umno, sebuah parti nasionalis tetapi idealisme menentang penjajahan bukan agenda utama atau mengatasi segalanya. Umno lebih merupakan parti pragmatis yang mementingkan kesenangan orang-orang Melayu.

Dalam zaman British, walaupun tiada maruah, orang Melayu hidup senang. Walaupun ramai orang Melayu miskin tetapi mereka tidak membenci Inggeris. Mereka senang dengan penjajahan. Idea kemerdekaan dan nasionalisme sebenarnya asing bagi orang-orang Melayu. Ia hanya datang melalui para cendekiawan yang berlatarkan agama, baik yang menuntut di Mesir mahupun di Indonesia. Pemikiran kiri yang mengajar semangat kebangsaan. Bagi orang-orang Melayu yang lain, mereka hanya mahu hidup senang, makmur dan dapat mengamalkan kehidupan beragam dan adat istiadat mereka.

Parti pertama yang memperjuangkan kemerdekaan di Malaya ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan

bukannya Umno. PKMM tidak mendapat sokongan rakyat Melayu. Kerana lebih-lebih lagi selepas pemerintahan zalim Jepun, mereka cenderung untuk terus berada dalam pemerintahan Inggeris. Maka tidak hairanlah ketika orang-orang Melayu sibuk menuntut kemerdekaan, pihak istana Johor mahu mengeluarkan negeri itu daripada Malaya dan mahu terus berada sebagai tanah jajahan Inggeris.

Tradisi Umno adalah pragmatis, bukannya nasionalis. Slogan pertama Umno bukannya merdeka tetapi *Hidup Melayu*. Orang Melayu bersatu dan Umno ditubuhkan bukan untuk menuntut kemerdekaan. Yang menuntut kemerdekaan di kalangan orang-orang Melayu adalah golongan kiri melalui PKMM. Umno ditubuhkan kerana membantah Malayan Union. Mereka membantah Malayan Union bukan kerana gagasan itu akan terus menjadikan Malaya tanah jajahan Inggeris, tetapi adalah kerana orang-orang Melayu kehilangan milik ke atas bumi ini ekoran daripada peman-suhan institusi raja-raja Melayu. Sebab itu slogannya, *Hidup Melayu*. Ia berpindah kepada *Merdeka* apabila bimbang Malaya akan jatuh ke tangan komunis. Ketika itu golongan kiri termasuk komunis adalah mereka yang memperjuangkan kemerdekaan.

Keadaan itu juga berlaku apabila orang-orang Melayu tersentak bahawa Inggeris mengkhianati mereka melalui gagasan Malayan Union. Dalam keadaan ini, barulah mereka menuntut kemerdekaan.

Bagaimanapun, pemimpin Umno seperti Datuk Onn bukanlah nasionalis membuta tuli. Mereka adalah lebih pada pragmatis yang mahu orang-orang Melayu bukan saja merdeka dan berdaulat tetapi lebih utama lagi, makmur. Datuk Onn, selaku orang yang berpendidikan Inggeris dan faham tentang sistem ekonomi dunia ketika itu yang didominasikan oleh Inggeris dan negara Barat lain melihat bahawa Malaya

hanya boleh makmur jika terus berada dalam sistem dan menjadi kesayangan Inggeris.

Beliau menyedari walau macam mana buruk pun Inggeris selaku penjajah, tetapi negara penjajah itu telah memberikan kedudukan ekonomi yang mantap kepada negara melalui perladangan getah dan perlombongan bijih timah. Semuanya adalah untuk kepentingan Inggeris, tetapi ia tidak begitu zalim kepada rakyat Melayu. Apa yang dibimbangkan adalah kalau-kalau komunis menguasai negara dan mengalahkan Inggeris. Keadaan akan lebih parah lagi dengan China komunis menjajah negara ini.

Maka hubungan nasionalis Umno dengan Inggeris adalah baik. Cuma orang-orang Melayu belum sanggup bekerjasama dengan orang-orang Cina yang dibawa masuk oleh Inggeris. Maka gagasan Datuk Onn untuk mewujudkan Umno yang berbilang kaum ditolak oleh rakyat Melayu. Dalam hal ini Tunku Abdul Rahman lebih berjaya. Tunku juga pragmatis. Kepentingan Inggeris tidak terjejas dalam pentadbirannya. Maka Inggeris memberikan kemerdekaan pada Tanah Melayu secara berperingkat dan berbaik sangka antara penjajah dan negeri yang dijajah. Tanah Melayu terus makmur dan kemakmuran negara diperluaskan oleh Tunku dengan rancangan pembangunan luar bandar. Tunku berasib baik mempunyai timbalan seperti Tun Razak yang mengambil berat terhadap kepentingan orang-orang Melayu luar bandar.

Pergantungan Tanah Melayu terhadap bekas penjajah masih kuat. Walaupun berdaulat tetapi Tanah Melayu tidak bebas menentukan sikapnya sendiri dalam banyak perkara, termasuk soal luar negara dan ekonomi. Ia mesti merujuk pada bekas penjajah, Inggeris yang melindunginya melalui perjanjian ketenteraan. Lagipun Inggeris mempunyai kepentingan ekonomi di Tanah Melayu sementara negara

ini bergantung pada modal Inggeris. Sesuatu yang penting tetapi tidak dapat diterima oleh golongan kiri yang menyokong Sukarno.

Sementara itu Sukarno mempunyai ramai penyokong di negara ini. Sukarno menyerukan kemerdekaan sebenar di mana kerajaan yang merdeka bebas melakukan sesuatu. Tidak terikat dengan pemodal atau pelabur asing, lebih-lebih lagi dari negara bekas penjajah. Sukarno bersama Presiden Mesir, Gamal Nasser, Presiden Yugoslavia, Broz Tito dan Perdana Menteri India, Jawaharlal Nehru muncul sebagai pejuang-pejuang nasionalisme negara-negara bukan Barat yang mahu berdiri sama tinggi dengan dunia Barat.

Sungguhpun Sukarno dan rakan-rakannya dari negara-negara yang disebut sebagai negara berkecuali itu melihat diri mereka sebagai pemimpin negara bebas daripada Barat atau Timur (iaitu komunis) akan tetapi dari segi natijahnya, beliau dan rakan-rakannya telah menjadi sebahagian daripada dunia komunis. Mereka diperalatkan, walaupun tidak dijajah oleh komunis. Khususnya Indonesia, mereka menjadi alat kepada China komunis. Memang China mahu menguasai politik Indonesia melalui Partai Komunis Indonesia (PKI). Di rantau Asia Tenggara, mereka melihat penjajah Inggeris sebagai penghalang utama bagi perluasan pengaruh komunis. Semua negara di Asia Tenggara ketika itu mempunyai pemberontak komunis, termasuk di Tanah Melayu. Akan tetapi hanya di Indonesia yang mempunyai parti komunis terbesar dan mampu mempengaruhi kerajaan.

Bagi pihak Barat, Malaysia menjadi benteng kepada kemaraan komunis di Asia Tenggara. Pertarungan antara komunis dan bukan komunis amat sengit di Asia Tenggara. Sementara desakan untuk kemerdekaan dijadikan alat oleh komunis bagi menguasai negara. Inggeris masih menjajah Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara (Sabah).

Desakan terlalu kuat untuk memerdekaan wilayah-wilayah ini. Bagi pihak komunis, mereka lah yang patut berkuasa di wilayah-wilayah ini apabila Inggeris berundur. Wilayah-wilayah ini kaya dengan sumber asli. Malaya, Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara akan bersama dengan Indonesia mahu dijadikan sebagai negara komunis yang kuat dan menambah kekuatan kepada negara komunis China.

Britain berusaha keras menghalang daripada wilayah-wilayah ini jatuh ke tangan komunis dan pengaruh China. Kemerdekaan mesti diberi. Jika tidak, pihak komunis akan menggunakan alasan untuk memperjuangkan kemerdekaan bagi mendapat sokongan rakyat.

Maka Tunku memenuhi keperluan Inggeris apabila beliau mencadangkan supaya Tanah Melayu disatukan dengan Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara untuk dijadikan sebuah negara yang anti-komunis, Malaysia. Penubuhan Malaysia akan menghalang Indonesia daripada menelan Sarawak, Sabah dan Brunei. Pihak komunis dengan sokongan Indonesia dan China mahu mewujudkan sebuah negara pro-komunis di Sarawak, Brunei dan Borneo Utara dengan nama Kalimantan Utara.

Sekali gus Tunku dapat menyelamatkan kepentingan Inggeris dan kepentingan Melayu. Dengan menubuhkan Malaysia, Tunku dapat membesarlukan kedudukan Melayu daripada hampir menjadi minoriti di Tanah Melayu kepada majoriti melalui konsep Bumiputera bagi penduduk-penduduk di Sarawak dan Borneo Utara. Tunku adalah pragmatis. Penubuhan Malaysia juga memantapkan kedudukan negara ini sebagai sebahagian daripada negara pro-Barat. Pelabur-pelabur pun dengan mudah datang dan mengukuhkan ekonomi negara. Malaysia semakin makmur sementara Indonesia semakin mundur.

Dalam konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia,

MALAYSIA BUKAN INDONESIA, MAHATHIR BUKAN SUHARTO,  
TAPI MAHATHIR MUNGKIN SUKARNO

akhirnya Indonesia kalah dan Sukarno tumbang. Indonesia menjadi pro-Barat dan pelabur-pelabur asing memasuki negara itu. Bantuan politik dari Barat juga diberikan dan Indonesia menjadi negara pro-Barat yang penting di Asia Tenggara. Pelabur-pelabur Barat, dengan digalakkan oleh kuasa-kuasa Barat seperti Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara Eropah lainnya telah menyumbangkan kepada kemakmuran di Malaysia dan Indonesia.

Walaupun Tunku berjaya di peringkat antarabangsa, dia gagal di dalam negeri. Walaupun Malaysia bertambah makmur tetapi orang-orang Melayu terus ketinggalan. Mahathir muncul dengan mengkritik Tunku. Mahathir melihat Tunku telah gagal meningkatkan kedudukan orang-orang Melayu, dan inilah antara punca mudahnya berlaku rusuhan sebagai manifestasi rasa tidak senang hati orang-orang Melayu terhadap pembahagian harta negara. Tunku didesak berundur. Tunku sudah ketinggalan zaman dan kehilangan sentuhan rakyat. Tunku, seperti Suharto melepaskan jawatan selepas rusuhan yang berbau kaum.

Penggantinya, Tun Razak ternyata memiliki pandangan jauh dan hampir kepada denyutan nadi rakyat. Malaysia terus pro-Barat dan pelabur terus tertarik pada negara ini. Bagaimanapun Barat sedang berubah. Persaingan antara Barat dengan Timur (komunis) berubah menjadi Perang Dingin dengan masing-masing akur terhadap kewujudan masing-masing. Amerika dengan Soviet Union melakukan ditente (berbaik-baik walaupun berbeza ideologi). Amerika juga mengadakan hubungan diplomatik dengan China komunis. Zaman sedang berubah. Tun Razak juga mengikut rentak Barat. Negara kian makmur.

Tunku dan Tun Razak menerima sistem Barat, walaupun dilihat mempunyai banyak ketidakadilan dan kongkongan. Akan tetapi negara seperti Malaysia tidak dapat berbuat apa-

apa. Mereka terpaksa akur terhadap kehendak kapitalis Barat. Demi periuk nasi rakyat. Sistem sudah begitu. Yang penting adalah kemakmuran negara. Tidak timbul soal penjajahan baru. Memanglah kongkongan Barat itu adalah seperti penjajahan bentuk baru. Akan tetapi sistem sudah begitu. Yang penting adalah usaha menguatkan negara dan bangsa Melayu. Caranya ialah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tun Razak membawa Mahathir ke dalam Kabinet. Kabinet Tun Razak menjadi progresif dan memberi harapan besar bagi masa depan negara. Sifat pro-Barat dan pragmatik ini diteruskan oleh Hussein Onn dan timbalannya, Dr Mahathir. Pada masa Hussein Onn, pihak Barat sering juga mengkritik dasar ekonomi baru yang dianggap diskriminasi. Kritikan itu dijawab tetapi ia tidak menjas pelaburan Barat (termasuk Jepun, walaupun negara Timur tetapi adalah sebahagian daripada Barat) yang datang mencurah.

Apabila Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau membawa elemen Islam dengan kesedaran terhadap kebangkitan Islam yang muncul di merata dunia Islam. Elemen Islam itu diwakili oleh Anwar Ibrahim. Ketika itu Barat mencurigai Anwar Ibrahim kerana dianggap fundamentalis. Akan tetapi hubungan rapat Anwar dengan Arab Saudi (dan tidak dengan Iran) meredakan perasaan Barat. Fundamentalis Anwar boleh diterima Barat seperti mana terimanya mereka akan Arab Saudi. *No problem.*

Ternyata Mahathir tidak begitu pro-Barat, walaupun beliau pro-kapitalis dan mendokong pasaran bebas. Mahathir membezakan kapitalis Timur dengan kapitalis Barat. Kapitalis Barat terdiri daripada Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Australia. Kapitalis Timur termasuklah Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong.

Bukanlah kapitalis Barat itu bersikap seperti penjajah

baru terhadap Malaysia, akan tetapi Mahathir melihat Jepun dan nilai-nilainya lebih sesuai dengan Malaysia dan juga progresif. Beliau seolah-olah memandang bahawa Barat sedang menuju ke arah kemunduran sementara kuasa ekonomi baru berpusat di timur.

Negara yang dikaguminya ialah Jepun. Maka jadilah Dasar Pandang ke Timur yang mengutamakan Jepun dan Korea Selatan. (Taiwan dan Hong Kong termasuk sebagai timur tetapi tidak begitu disebut kerana mungkin faktor kecinaan). Dasar membeli "Barangan Britih Terakhir" juga menunjukkan kecenderungan Mahathir kepada kapitalis Timur, lebih daripada Barat. Pihak Jepun dan Korea Selatan sudah tentu suka dengan dasar Mahathir ini. Pelaburan mereka bertambah. Sementara pihak Barat tidak senang dengan sikap terus terang Mahathir yang tidak begitu cenderung pada Barat.

Sekarang dasar-dasar itu sudah tidak relevan. Korea Selatan sudah tumbang dan Jepun sedang meleset. Sementara Eropah bertambah kuat dan Amerika Syarikat menjadi makmur. Globalisasi menjadikan "Dasar Pandang ke Timur" sebagai tidak relevan.

Akan tetapi tahun-tahun 80-an, dasar itu masih relevan. Bagaimanapun perubahan besar berlaku selepas tahun 1990. Nyaris-nyaris kalah pada Tengku Razaleigh, Mahathir bangkit dengan solah-olah mempunyai kekuatan baru. Wawasan 2020 menjadikannya lebih ambisius. Cita-citanya ini menjadi bertambah kuat kerana masa itu Asia Timur sedang bangkit. Hampir keseluruhan Asia Timur mengalami kebangkitan ekonomi ini hinggakan pihak Barat, yang mungkin cemburu menamakannya suatu keajaiban. China yang walaupun masih negara komunis telah turut menikmati kemakmuran melalui wilayah-wilayah di bahagian selatan.

Kebangkitan Asia Timur ini seolah-olah mengabsahkan

kecenderungan Mahathir selama ini terhadap kapitalis Timur khususnya Jepun dan Korea Selatan. Dalam keadaan ini dirasakan bahawa Malaysia mampu menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Dikira terhadap pertumbuhan dan kekuatan rakyat negara ini, maka tahun 2020 adalah tahun sasaran bagi menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju. Masa itu masih tidak timbul soal penjajahan baru. Bagaimanapun Mahathir mengkritik Barat kerana dasar-dasar yang seolah-olah mahu mengekang kemajuan ekonomi negara-negara Asia. Gagasan Kumpulan Ekonomi Asia Timur, EAEG (kini EAEC) yang menggemarkan pertumbuhan serantau seperti Komuniti Ekonomi Eropah (EEC). Ternyata Amerika Syarikat masih berkuasa di Asia melalui gagasannya, Majlis Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Asia Tenggara terus maju dan makmur sepanjang awal dan pertengahan dekad 90-an. Dari mana datangnya kekayaan yang tiba-tiba di Asia Timur? Sudah tentu dari pelabur-pelabur Barat yang terus berpusu-pusu di Asia Timur. Publisiti kebangkitan Asia Timur menambahkan lagi keyakinan pelabur dunia (Barat) terhadap rantau ini. Mereka masuk ke semua negara yang memberikan peluang kepada keuntungan, baik yang mempunyai fundamental baik atau tidak.

Masa ini juga berlaku kejatuhan negara-negara komunis di Eropah Timur dan bekas Soviet Union. Negara-negara kapitalis baru itu juga memerlukan modal dan pelaburan. Kini para pelabur dan spekulator mempunyai banyak peluang dan wilayah untuk bergerak. Jadi apa yang boleh dicurahkan ke Asia Timur terpaksa beralih ke tempat-tempat lain. Bagaimanapun, rantau Asia Timur masih menarik, malah lebih menarik daripada rantau-rantau lain.

Akan tetapi, bagaimanapun, konsep Pasaran Baru Muncul atau *the emerging markets* yang mengandaikan betapa

pasaran-pasaran baru muncul di wilayah-wilayah baru yang boleh mendatangkan keuntungan bagi pelabur. Pasaran-pasaran baru itu ialah seperti Amerika Selatan, Afrika, Eropah Timur dan Asia Timur sendiri.

Inilah globalisasi dan hakikat pelaburan sejagat. Dalam zaman teknologi maklumat, wang boleh dipindahkan dengan sekelip mata. Wang atau modal boleh berpindah ke mana-mana mengikut kuasa pasaran. Maka inilah kuasa yang dianggap baru dan bersifat menjajah oleh Mahathir.

Ketika memperolehi manfaatnya, kuasa pasaran dianggap terbaik dan dapat memberikan kemakmuran hingga boleh menjadikan sebuah negara itu maju. Itulah cita-cita Wawasan 2020.

Ramai ahli ekonomi sejagat agak cuak melihat kepesatan pertumbuhan ekonomi Asia Timur. Ada sesuatu yang tidak kena tentang ekonomi Asia Timur. Atau mungkinkah sememangnya ia merupakan suatu keajaiban ekonomi. Ada antara mereka yang meramalkan bahawa sesuatu yang buruk akan berlaku di Asia Timur kerana kepesatan pertumbuhan terlalu pesat.

Bagi Malaysia, antaranya meramalkan bahawa kemelesetan akan berlaku selepas Sukan Komanwel 1998. Akan tetapi ternyata bisul meletus pada Julai 1997. Setahun kemudian, Asia Tenggara bertambah parah dan Suharto tersungkur.

Malaysia bukan Indonesia. Indonesia sudah melutut meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Begitu juga dengan Korea Selatan dan Thailand. Kini Jepun berada di ambang bahaya. Akan tetapi Malaysia tetap terkena penangan kegawatan ekonomi.

Ini salah sistem, kata pemimpin Umno. Ia berlaku tanpa dijangka. Tidak ada sesiapa yang menjangka. IMF dianggap peragut kedaulatan negara. Kuasa pasaran dianggap bukan

saja kuasa baru tetapi juga penjajah. Ia boleh menjatuhkan pemimpin dan menentukan dasar ekonomi sesebuah negara. Begitu juga dengan IMF. Inilah yang dikatakan oleh Mahathir. Pelabur terus menjauhkan diri daripada Asia Tenggara. Kegawatan tidak memperlihatkan pemberian ekonomi.

Apabila tekanan semakin meningkat dengan kritikan bahawa kegawatan ini dapat diatasi sekiranya KKN (korupsi, kolusi dan nepotisme) dihapuskan, pemimpin Umno mengingatkan bahawa Malaysia adalah berbeza daripada Indonesia, yang mana muncul istilah KKN itu.

Bukan saja dinafikan bahawa gejala itu berlaku di Malaysia tetapi juga dikatakan bahawa istilah-istilah itu ciptaan Barat yang digunakan untuk menjajah negara ini. Ini menjadi hujah pemimpin Umno. Menurut mereka lagi, rakyat mesti bersatu di belakang perdana menteri bagi mengelak penjajah.

Hujah nasionalisme dan bangkit menentang penjajah pernah digunakan dalam pilihan raya umum tahun 1990 melawan Tengku Razaleigh. Diperlihatkan bahawa andai kata Tengku Razaleigh dan Gagasan Rakyatnya yang diturut serta oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Pairin Kitingan, seorang Kristian, maka negara ini akan dijajah semula seperti ketika mana Portugis menumbangkan Melaka pada tahun 1511. Portugis juga beragama Kristian Katholik seperti pemimpin PBS itu.

Begitu juga sekarang ini. Momok penjajah digunakan semula. Negara-negara yang teruk menghadapi kegawatan ekonomi seperti Korea Selatan, Thailand dan Indonesia telah menerima suntikan IMF. Walaupun masih belum pulih tetapi IMF hanya doktor yang mungkin silap. Akan tetapi Korea Selatan, Thailand dan Indonesia tidaklah jadi negara yang dijajah. Pemimpin Umno hanya memainkan istilah. Penjajahan berbeza. Sekarang ini, tiga negara itu dikongkong

dari segi kewangan, tidak lebih daripada itu. Mereka masih bebas, berdaulat malah demokratik.

Pemimpin Umno juga menyelar sikap pelabur yang bertindak menjauhkan diri dari melabur setiap kali pemimpin itu membuka mulut. Beliau menganggap tindakan pelabur itu sebagai menyekat kebebasan bersuara atau akhbar. Siapa kata Mahathir tidak bebas untuk bersuara. Bercakaplah sebanyak mana tetapi cakapnya sudah tentu mendatangkan kesan. Beliau seharusnya lebih bertanggungjawab kalau mendapati bahawa cakapnya boleh mendatangkan kesan negatif. *Shut up*, demi kepentingan dan periuk nasi rakyat.

Beliau telah mengelirukan konsep kebebasan akhbar dan tanggungjawab selaku pemimpin yang menakutkan pelabur daripada datang dan memulihkan ekonomi. Memang sistem kewangan antarabangsa tidak adil. Sistem kewangan antarabangsa perlu reformasi supaya penindasan seperti yang berlaku sekarang akibat kegawatan ekonomi tidak berulang lagi.

Bagaimanapun, apa yang adil di dunia ini. Masing-masing berjuang memelihara kepentingan masing-masing. Dalam negeri, ada orang mendapat ganjaran lebih, sementara yang lain mendapat kurang. Sistem sudah begitu. Kalau anda seorang ahli perniagaan Bumiputera yang mempunyai hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin politik, sudah tentu peluang untuk mendapat ganjaran yang lebih adalah besar.

Katakan walaupun anda tidak setuju dengan Perdana Menteri atau kerajaan, tetapi kalau anda tutup mulut dan berbaik dengan mereka, anda akhirnya akan menerima habuan. Begitu juga dengan negara. Banyak perkara tentang pihak Barat yang kita tidak suka. Amerika Syarikat angkuh dan banyak menindas negara-negara kecil. Akan tetapi

mereka yang berkuasa, ikut saja, seperti yang selama ini dilakukan oleh Malaysia, maka keadaan menjadi lebih baik.

Ada profesi lain yang lebih sukar kehidupannya di negara ini. Andai kata anda seorang wartawan dan sering memuji dan mempertahankan pemimpin tertentu Umno, tentulah anda akan menerima ganjaran. Kalau anda melawan, siapa yang suka pada anda. Itu adalah amalan biasa. Anda melawan Barat, Barat tidak akan suka pada anda. Kalau PAS mengkritik dan mengecam Barat, itu tidak mengapa. PAS lebih bebas mengkritik Barat. Parti itu sendiri tidak mengharapkan apa-apa ganjaran dari Barat. Barat pun tidak suka pada PAS tetapi ia tidak dapat dan tidak perlu berbuat apa-apa terhadap PAS.

Lain dengan kerajaan. Kerajaan mengkritik Barat sedangkan di Barat, pelabur-pelabur yang mempunyai banyak wang. Apabila Barat tidak suka pada kerajaan, jangan harap mereka mahu berbaik-baik. Sama saja.

Mahathir perlu meletak jawatan bagi memberikan semangat dan harapan baru kepada rakyat dan negara yang sedang menghadapi kegawatan ekonomi. Katakanlah Mahathir berundur bukanlah bererti negara ini kembali dijajah. Zaman penjajahan dalam erti kata asal sudah berakhir. Tidak ada kuasa imperial atau kolonial lagi. Malah Hong Kong pun sudah kembali ke pangkuan China. Penjajahan bentuk baru perlu banyak dibahaskan. Apakah benar-benar wujud penjajahan bentuk baru? Jangan memperalatkan istilah penjajahan bentuk baru. Hakikat yang ada sekarang ialah globalisasi. Bukan saja globalisasi ekonomi dan politik, budaya juga sudah diglobalisasi. Seluruh dunia menonton filem Hollywood dan mengikut berita CNN. Gejala ini boleh juga ditafsirkan sebagai penjajahan bentuk baru. Tetapi ia bukanlah penjajahan. Ia hanya pengaruh. Kalau kita kuat kita boleh lawan. Kalau lemah, maka kalah. Mudah saja hukum alam.

Kalau Mahathir berundur sekarang, Anwar Ibrahim akan menjadi Perdana Menteri. Anwar bukanlah elok sangat kalau berbanding dengan Mahathir. Malah mungkin Mahathir adalah lebih baik. Akan tetapi dalam keadaan sekarang, semua perkara yang boleh menarik pelabur datang kembali perlu dicari jalan, dan dilakukan.

Mahathir perlu terima realiti. Kalaulah pada Julai 1997, Perdana Menteri menerima realiti bahawa ekonomi negara bermasalah, maka banyak perkara boleh dilakukan dengan segera bagi mengelak keadaan daripada lebih parah. Akan tetapi langkah pertamanya ialah menafikan adanya masalah ekonomi. Beliau kemudian menyalahkan pihak luar. Hendak salahkan apa. Mereka orang kaya dan kuat. Mereka hanya mencari keuntungan. Itulah sistem. Sememangnya geram. Akan tetapi apa yang boleh dilakukan.

Pada awalnya kita menuduh bahawa yang menjatuhkan nilai baht di Thailand adalah George Soros kerana dikatakan dia membala dendam pada Asean atas membenarkan kemasukan Myanmar. Soros menyokong pembangkang Myanmar, negara yang tidak mengamalkan demokrasi dengan menghalang pemenang pilihan raya umum, Ang San Suu Kyi daripada mengambil haknya.

Akan tetapi katakan Asean menyokong demokrasi, iaitu Suu Kyi. Maka Soros akan berbaik dengan Asean. Maka tidaklah berlaku serangan ke atas baht. Itupun kalaulah benar Soros menyerang baht kerana Myanmar.

Bagaimanapun, besar kemungkinan Soros lakukan hanyalah untuk mengaut keuntungan. Biasalah orang mengaut keuntungan. Kerajaan Thailand, sepatutnya dari awal mempunyai mekanisme bagi mencegah perbuatan itu.

Itu kalau kerana Soros. Akan tetapi kemelesetan ini berpanjangan. Setahun sudah berlalu. Jepun pula dilanda kemelesetan dan keadaan bertambah buruk. Buat masa ini, dalam keadaan begini, adalah lebih baik, semua rakyat yang

mampu berfikir diajak berbincang. Tiada lagi perlu sembuni. Media harus dibebaskan untuk membicarakan tentang kegawatan ekonomi dan apa yang harus dilakukan. Tanpa kebebasan, tidak akan ada pemikiran yang bernalas. Fikiran Mahathir sememangnya bernalas. Akan tetapi orang lain pun begitu juga. Malaysia milik bersama, bukan saja milik Mahathir dan kroni-kroni.

Memang wujud kroni-kroni Mahathir. Beliau cuba memesongkan perhatian orang terhadap apa yang disebut kroni. Disebutlah betapa pelabur-pelabur ASB dan ASN itu adalah kroni-kroni. Hujah itu hanya mengelirukan. Pelabur ASN dan ASB bukanlah kroni. Mereka hanyalah pelabur kepada skim yang berorientasikan rakyat. Skim ASB dan ASSN adalah terbaik bagi meluaskan pegangan ekuiti kepada rakyat umum, walaupun tidak mempedulikan soal syariah. Ia adalah suatu ciptaan dan sumbangan besar kerajaan Malaysia kepada rakyatnya.

Akan tetapi mereka bukan kroni. Yang jelas kroni adalah seperti pemaju Bakun, pemaju Menara Berkembar Petronas, pemaju Bandar Atas Sungai dan seumpama. Kroni-kroni Mahathir boleh dikira dan diperlihatkan. Mereka mungkin ahli perniagaan yang baik tetapi mungkin itulah kelebihan kroni di Malaysia. Akan tetapi kroni tetap kroni. Suku sakat dan anak-anak pemimpin parti akan mudah memperolehi ganjaran daripada orang lain. Itu hukum alam. Akan tetapi ia tidak betul kerana negara dan kekayaannya adalah milik semua orang dan bukan saja milik pemimpin Umno dan keluarga mereka.

# 13

---

## *MENGAPA MALAYSIA PERLU REFORMASI?*

**K**etika kebangkitan menuntut reformasi bermula dan sedang berlangsung di Indonesia, elit politik di Malaysia mungkin tidak memberi perhatian berat terhadap apa yang berlaku di situ. Mereka hanya memikirkan bahawa pergolakan di negara itu hanya kesan daripada kegawatan ekonomi dan langkah-langkah yang mengikut saranan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Sudah tentu rakyat Indonesia mengamuk apabila tekanan terhadap kehidupan mereka amat tinggi, membebankan dan tidak terpikul. Bagaimanapun, pandangan daripada Malaysia bahawa apa yang berlaku di Indonesia akan reda

sendiri. Lebih-lebih lagi daripada kaca mata pemerhati di Malaysia, Presiden Suharto dipandang sebagai gergasi yang sukar untuk ditumbangkan. Bukan itu, saja Suharto dianggap bijak dan mampu menangani masalah di Indonesia secara berkesan, seperti mana dia melakukannya pada peristiwa-peristiwa sebelum ini.

Bagaimanapun, pihak berkuasa di Malaysia mempunyai tugas lain yang lebih penting, iaitu memelihara negara ini daripada pencerobohan pendatang haram daripada Indonesia. Perkara ini serius dan pihak berkuasa berusaha bersungguh-sungguh.

Apabila berlaku rusuhan besar-besaran di Jakarta, pemerhati di Malaysia memandang jelek atas peristiwa itu. Mereka berpendapat betapa kasarnya rakyat Indonesia, dan apabila dibandingkan dengan perlakuan setengah-setengah pendatang daripada Indonesia, khususnya yang terbabit dengan peristiwa rusuhan di kem penempatan di Semenyih, maka bertambah bimbang kalau-kalau kekasaran itu tersebar ke negara ini.

Maka tidak hairanlah khutbah Jumaat di Masjid Negara semasa minggu pada mana berlakunya rusuhan itu, khatib mengecam perusuh-perusuh dan demonstran yang disifatkan sebagai alat kuasa-kuasa asing yang hendak memporak-perandakan negara umat Islam. Sambil menyifatkan bahawa kesusahan yang berlaku akibat kegawatan ekonomi sekarang ini berpunca daripada konspirasi jahat pihak Barat yang mahu menghalang kebangkitan negara Islam, khatib mengingatkan rakyat negara ini jangan terikut-ikut dengan apa yang berlaku di Indonesia.

Pada mulanya reaksi elit politik Malaysia adalah tetap mendokong Presiden Suharto atas sebab beliau masih menjadi pemimpin utama negara itu. Kestabilan Indonesia adalah perkara utama bagi negara-negara Asean khususnya bagi

Malaysia dan Singapura. Andai kata Indonesia tergelongsor ke dalam kancah huru-hara, sudah tentu negara-negara jiran juga menerima padahnya. Lebih ramai pendatang haram akan menyeberang untuk lari dari kekacauan. Itu adalah lumrah alam. Sempadan dan sekatan pihak berkuasa tidak akan menghalang kedatangan beramai-ramai pendatang itu.

Tambahan pula, kekacauan di Indonesia akan menyekat perdagangan dan semua menyumbangkan kepada kelemahan dan kegawatan ekonomi yang sedang ditanggung sekarang ini.

Dalam keadaan ini, elit Malaysia tidak menyokong penentang-penentang Suharto—baik mereka itu pelajar atau apapun. Tambahan pula, memegang prinsip Asean yang menghalang campur tangan asing ke dalam politik dalam negeri masing-masing, maka Wisma Putra mengingatkan pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia jangan sekali-kali mencampuri urusan politik Indonesia.

Kemudian apabila Suharto benar-benar melepaskan jawatan, rakyat Malaysia mungkin terkejut betapa rapuh kekuatan Suharto yang selama ini dipandang kebal. Mereka mula melihat kepada pihak penentangnya dan akui tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Indonesia. Itupun mereka menghormati sumbangan Suharto terhadap kestabilan dan pembangunan Indonesia. Dalam proses penggantian pucuk pimpinan, khalayak Malaysia mudah menerima B.J. Habibie bagi meneruskan kerja-kerja penstabilan dan pembangunan negara itu. Mereka mungkin hairan mengapa ada kalangan rakyat Indonesia menuntut Habibie berundur. Khalayak Malaysia sukar untuk merasakan kesusahan hidup dan penderitaan rakyat Indonesia. Kadang-kala pertimbangan dan pandangan mereka terhadap Suharto dibuat seperti mana mereka menimbang dan memandang pemimpin mereka sendiri di Malaysia.

Akan tetapi Malaysia dan Indonesia adalah berbeza. Jauh berbeza. Jadi apabila diketahui bahawa mahasiswa Indonesia menuntut reformasi dengan mendesak dihapuskan KKN (korupsi, kolusi dan nepotisme), reaksi pertama khalayak Malaysia adalah bahawa perkara-perkara itu tidak ada di negara ini. Itu adalah isu-isu Indonesia dan bukannya masalah Malaysia.

Jadi apabila disebut reformasi di Malaysia, dengan tegas umumnya berkata bahawa negara ini tidak memerlukan reformasi. Pilihan raya negara ini bebas, tidak seperti di Indonesia. Sesiapapun bebas menubuhkan parti politik di negara ini, tidak terhad kepada tiga seperti di Indonesia. Pemerintahan di Malaysia pula tidak dipengaruhi oleh tentera. Tentera benar-benar berada di bawah kerajaan.

Akan tetapi adakah Malaysia benar-benar tidak mempunyai korupsi (rasuah), kolusi (penyalahgunaan kuasa) dan nepotisme (pembahagian peluang untuk berharta daripada kuasa negara kepada kalangan keluarga)? Orang ramai mungkin tidak merasakan adanya kesalahan-kesalahan itu. Membaca akhbar yang hanya mengikut rentak arus perdana tidak akan dapat mengesan adanya gejala itu. Akan tetapi mereka yang terlibat dengan politik akan tahu perkara itu ada. Mungkin pihak pembangkang sering menimbulkan soal-soal ini. Akan tetapi mereka yang berada dalam parti pemerintah dengan sedar tahu perkara-perkara ini berlaku. Kalau tidak, sebab apa isu politik wang heboh diperkatakan. Politik wang dalam parti pemerintah sudah cukup membayangkan berlakunya korupsi, kolusi dan nepotisme.

Mungkin perkara-perkara itu di negara ini tidak seteruk seperti apa yang berlaku di Indonesia. Akan tetapi ia berlaku di sini dalam keadaan yang mungkin jauh lebih kecil.

Akan tetapi pendakwaan terhadap bekas Menteri Besar Selangor, Muhammad Muhamad Taib bukan suatu kes yang

terpencil. Ia menggambarkan suatu masalah yang lebih besar. Kini ia sudah membabitkan pembantu-pembantunya dan kalau disiasat, banyak lagi rangkaian yang ditemui berhubung dengan kegiatan politik wang beliau.

Bagaimanapun, Muhamad Muhd Taib aktif dalam suama perkembangan ekonomi yang pesat. Beliau juga adalah sebahagian daripada Team Wawasan pimpinan Anwar Ibrahim. Dalam pemilihan parti pada tahun 1993, para perwakilan Umno tahu Team Wawasan mempunyai banyak sumber. Wang bertaburan di mana-mana. Bersama dalam team itu adalah Rahim Thamby Chik yang bertanding untuk jawatan Ketua Pemuda Umno, Najib Razak dan Muhyiddin Yassin. Ketika itu, Zahid Hamidi adalah pembantu Najib.

Tiga Menteri Besar dan Ketua Menteri itu, dari Selangor, Johor dan Melaka dikenali sebagai calon yang mempunyai sumber kewangan besar. Kempen mereka besar-besaran juga. Seminar di adakan di sana sini. Pelbagai bahan penerbitan yang melibatkan penbelanjaan jutaan ringgit juga diterbitkan. Ramai, termasuk wartawan berhimpun di belakang pemimpin-pemimpin Umno itu. Masa itu adalah zaman politik wang. Ekonomi negara baik. Orang-orang Melayu berebut-rebut mencari peluang, terutama melalui jalan mudah iaitu politik. Sementara rakan-rakan Cina mereka juga cuba mencari peluang untuk turut meraih manfaat daripada kekayaan yang tiba-tiba wujud di negara ini.

Ketika itu, meraih wang melalui politik tidak dipandang suatu yang buruk. Walaupun banyak perkara yang dapat dilihat melanggar undang-undang. Di kalangan ahli-ahli Umno, adanya rasa tidak betul terhadap perbuatan seperti itu. Akan tetapi oleh kerana semua orang dalam parti melakukannya, maka mereka seolah-olah tidak merasa perkara itu suatu kesalahan. Ia adalah peluang dan mereka perlu merebutnya sebelum ia berlalu begitu saja.

Maka dalam pertandingan itu, Sanusi Junid dan Abdul-  
lah Ahmad Badawi kalah untuk merebut jawatan Naib Presiden parti. Mereka tidak menggunakan wang. Mungkin ada setengah kalangan memandang perkara itu sebagai suatu yang bersih, tetapi ahli-ahli Umno sudah faham tentang politik pragmatisme. Politik cara ini tidak mengenal bersih atau kotor: semuanya menuju ke arah pemilikan kuasa.

Bagaimanapun ekonomi bertambah baik di negara ini. Maka ahli-ahli politik tidak perlu memikirkan bagaimana hendak mengagihkan sumber yang sedikit. Mereka hanya perlu berbelanja wang yang banyak. Pelbagai projek diwujudkan. Daripada Perdana Menteri yang mengungkapkan Wawasan 2020 hingga kepada ia diterjemahkan kepada projek besar-besaran seperti Menara Berkembar Petronas, Putrajaya, Empangan Bakun, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Korido Raya Multimedia (MSC). Itu yang besar-besar. Perkembangan ekonomi yang pesat di negara ini ditambah pula dengan kemajuan teknologi yang mendadak. Pelbagai kemudahan baru dan moden diperkenalkan di negara ini. Semuanya boleh diimpot dan dibawa masuk ke dalam negara. Maka pelbagai kontrak juga boleh diwujudkan.

Di Kuala Lumpur saja, pelbagai projek boleh diperkenalkan seperti LRT, monorel dan bandar atas sungai. Dari segi komunikasi, perkhidmatan telefon selular, perkhidmatan televisyen satelit dan pelbagai projek-projek canggih diperkenalkan. Maka dunia dapat menyaksikan siapa yang memperolehi projek-projek itu. Siapa yang dapat Bakun dan siapa yang memperolehi Menara Berkembar Petronas. Semuanya diperhatikan. Di kalangan Bumiputera pula, dapat diperhatikan bagaimana muncul usahawan Bumiputera yang kaya mendadak. Mereka sememangnya usahawan yang benar tetapi dengan bantuan kerajaan, mereka dapat

menguasai kumpulan syarikat yang besar-besaran dalam sekelip mata. Dari segi undang-undang tidak ada salahnya. Dasar Mahathir ini dipertahankan kerana hanya dengan cara ini, dapat dimunculkan ahli-ahli perniagaan bumiputera yang besar-besar.

Ahli-ahli perniagaan digalakkan melabur keluar negara. Tambahan pula dengan kegemaran Perdana Menteri mela-wat hampir kesemua negara di dunia, maka ahli-ahli perniagaan Malaysia didedahkan dan digalakkan mengadakan usahasama di luar negara. Semua kalangan di negara ini bersemangat tinggi dan keyakinan terhadap diri sendiri juga meningkat mendadak. Ahli-ahli perniagaan atau orang-orang korporat mula menunjukkankekayaan mereka. Apa salahnya mereka menikmati kekayaan. Mereka ada duit. Akan tetapi apabila mereka susah, rakyat dipanggil untuk membantu mereka.

Inilah yang berlaku sekarang. Dalam keadaan yang baik dan ekonomi yang berkembang, seruan untuk reformasi tidak akan terdengar langsung. Apa yang hendak direformasikan kalau semua berjalan baik? Kinilah masa yang sesuai untuk melihat kembali apa yang tidak betul dalam negara ini. Baik dari segi politik, ekonomi, maupun sosial. Bukan saja soal ekonomi yang perlu direformasikan, tetapi semua sektor negara ini.

Dalam keadaan gawat, masing-masing bertambah risau. Kerajaan yang selama ini mendabik dada sebagai parti yang membawa kemakmuran kini tiba-tiba merayu rakyat supaya bersatu di belakang mereka dan kenangkan betapa mereka selama ini menikmati kemakmuran yang diberikan oleh mereka. Berdiri di belakang kerajaan supaya parti pem-rintah dapat bertindak dengan tegas bagi mengharungi keadaan gawat yang melanda negara ini.

Bagaimanapun, kadang kala parti pemerintah lupa.

Kalau kemakmur dan pembangunan yang datang dulu dikatakan hasil daripada dasar-dasar kerajaan, maka rakyat juga boleh berujah bahawa kegawatan sekarang adalah berpunca daripada dasar-dasar parti pemerintah.

Tidak, kata pemimpin Umno. Masalah kegawatan hari ini berpunca daripada anasir luar iaitu Barat yang mahu melemahkan ekonomi negara ini, dan rantau ini. Mereka tidak mahu melihat Asia senang dan makmur. Mereka takut Asia, termasuk China dan negara Islam mencabar ketuanan Barat. Maka siapa yang menyatakan perlunya reformasi adalah alat Barat.

Kalau benarlah kata mereka, maka dapat diunjurkan bahawa kemakmur dan pembangunan yang dinikmati adalah kerana Barat juga. Mereka membawa wang ke sini dan mereka mahu melihat rantau ini makmur. Seperti semasa Perang Dingin dahulu, mereka membantu dengan banyaknya Thailand, Malaysia dan Indonesia bagi mengelakkan negara ini jatuh ke tangan komunis. Hanya dengan kemakmur dan pembangunan mengelakkan negara ini menjadi sasaran rasa tidak puas hati dan membolehkan komunis yang meraih keuntungan.

Memang benar, dasar-dasar Umno selama ini memberi sumbangan kepada pembangunan negara itu. Seperti perkara-perkara lain juga, ia bukan satu-satunya faktor. Kedua-duanya saling hubung menghubungi. Iaitu antara dasar kerajaan dan dasar kuasa-kuasa luar. Semuanya merupakan dinamika yang menyumbangkan kepada kemakmur rantau ini selama ini. Begitu juga dengan keadaan kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini hari ini. Faktor luar dan dalam menjadikan kegawatan ekonomi.

Media menggunakan istilah serangan mata wang, seolah-olah George Soros dan spekulator itu melakukan serangan hingga negara ini miskin. Hakikatnya, mereka

hanya memindahkan wang untuk mendapat keuntungan. Oleh kerana simpanan negara ini (tidak seperti Singapura dan Brunei) tidak kuat, maka kesan daripada pemindahan modal itu tidak dapat ditampung yang akhirnya meruntuhkan segala kekuatan kekyaan. Andai kata tidak ada projek-projek mewah, maka simpanan negara mungkin lebih tinggi. Walaupun ia masih tidak terdaya untuk melawan pihak spekulator, tetapi keadaan negara tidak seteruk. Secara fizikal, ibu negara tidak akan mempunyai cerucuk-cerucuk monorel yang terbengkalai.

Mahathir mempunyai ideologi tersendiri dalam mentadbir ekonomi. Baginya, membantu orang-orang senang adalah perkara utama. Apabila orang kaya ramai, maka orang miskin akan memperolehi manfaat. Ini adalah ideologi kapitalis yang klasik. Apabila pelbagai perniagaan berkembang, kerajaan akan boleh mengutip cukai dengan banyak. Apabila kerajaan mempunyai wang yang banyak, kerajaan akan dapat mengadakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Akan tetapi dengan kepercayaan ini, kerajaan akan mengutamakan bantuan kepada ahli-ahli perniagaan yang besar. Pelbagai dasar dan tumpuan fikiran adalah kepada memajukan korporat. Apabila korporat berkembang, kerajaan juga untung. Wang itu dapat digunakan untuk membantu korporat yang lebih banyak. Dalam proses itu, orang ramai akan menikmati kesenangan. Pekerjaan akan mudah diperolehi dan barang serta perkhidmatan juga akan menjadi pelbagai. Teorinya indah. Pada hakikatnya, amalan ini mewujudkan golongan terpinggir. Korporat akan mengaut sebanyak untung yang boleh. Pegawai-pegawai tingginya memperolehi gaji yang berganda daripada sewajarnya. Sementara pekerja bawahan tidak memperolehi dari kesenangan yang sewajarnya. Kos sara hidup bertambah

meningkat apabila golongan yang banyak wang bermewah belanja. Harga rumah meningkat. Ketamakan adalah suatu ciri manusia.

Sememangnya diadakan program membantu orang-orang termiskin. Oleh kerana kerajaan mempunyai wang yang banyak, maka program ini dapat diadakan. Yang susah adalah golongan menengah. Terutama menengah rendah. Mereka tidak layak untuk dibantu. Tidak layak untuk membeli rumah kos rendah. Rumah kos mewah adalah di laur jangkauan mereka. Sedangkan pemaju lebih gemar membina rumah-rumah mewah kerana keuntungan yang banyak. Begitu juga dengan pengeluar dan pengimpor. Mereka lebih senang mengeluar dan mengimpor barang-barang mewah bagi golongan berpendapatan tinggi kerana itu lebih menguntungkan. Sementara barang keperluan harian semakin meningkat. Inilah apa yang berlaku sebelum kegawatan ekonomi.

Di Indonesia jurang perbezaan antara miskin dan kaya lebih meluas dan dahsyat. Sememangnya orang miskin zaman Suharto adalah jauh lebih senang daripada orang miskin zaman Sukarno. Akan tetapi golongan terpinggir banyak sekali. Mereka melihatkekayaan di sekitar tetapi ia hanya untuk dinikmati oleh golongan kecil; yang sompong dan memamerkan kekayaan mereka. Golongan terpinggir ini kemudian keluar ke jalan raya untuk merusuh hingga membawa kepada kejatuhan Suharto. Golongan pelajar pula yang menuntut reformasi.

Sistem politik di Indonesia adalah pelik dari sudut amalan demokrasi. Akan tetapi di Malaysia juga pelik. Mereka yang mahu benar-benar maju dalam politik, iaitu dengan memikirkan untuk memegang jawatan, sudah tentu mesti menyertai parti pemerintah. Di negara ini, parti yang sama telah memerintah sejak merdeka. Umno merupakan

parti tonggak. Yang menyertai pembangkang adalah terlalu kecil untuk memberi kesan utama pada negara. Bagaimanapun, di Kelantan adalah berbeza.

Bagi orang-orang Melayu, umumnya, Umno adalah wadah. Walaupun terdapat pelbagai kursus politik yang diadakan untuk ahli-ahli serta ucapan-ucapan pemimpinnya yang menekankan soal kepentingan negara, bangsa dan agama, akan tetapi di sebalik itu, tujuan utama orang menyertai Umno adalah untuk mendapat habuan kewangan. Kuasa boleh mendatangkan wang. Wang boleh mengekalkan kuasa. Inilah pragmatism Umno.

Paling bawah di cawangan, menyertai Umno sekurangnya-kurangnya dapatlah habuan seperti tikar dan kerusi untuk surau. Pemberian itu boleh datang daripada wakil rakyat atau ketua bahagian yang disokongnya.

Ketika kemuncak amalan politik wang semasa Team Wawasan merebut jawatan pucuk pimpinan, rakyat melihat betapa ahli Umno bermewah-mewah dengan pelbagai pemberian yang mereka perolehi selepas mesyuarat dan perhimpunan parti. Ini merupakan korupsi dan kolusi. Parti pemerintah menggunakan kuasa untuk mendapatkan keuntungan bagi ahli-ahlinya. Apa pula bezanya dengan amalan politik di Thailand dan Indonesia. Dunia luar iaitu Barat hanya melihat bahawa perkara ini merupakan gejala negara-negara membangun.

Dalam parti, siapa yang boleh menentang keadaan ini. Kalau semua boleh rasa, siapa yang berani menentang. Siapa yang menentang, beri saja habuan, maka senyaplah mereka. Maka kritikan perlu datang dari pembangkang.

Akan tetapi pembangkang tidak boleh berbuat apa-apa. Pelbagai akta menakutkan perbincangan terbuka. Akta paling zalim ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Aktivis juga boleh ditakut-takutkan oleh tindakan polis. Ini

bukan demokrasi. Inilah yang memerlukan reformasi. Tanpa keterbukaan politik, masyarakat tidak akan demokratik dan maju.

Lihat saja bila soal krisis air timbul. Untuk mengadakan forum saja dilarang. Masyarakat dilarang berbincang dengan panjang lebar tentang kepentingan mereka sendiri. Akhbar-akhbar hanya menimbulkan isu-isu yang selaras dengan agenda pemiliknya. Kalau tiba-tiba *Utusan Malaysia*, umpannya menimbulkan satu-satu isu yang seolah-olah mengkritik kerajaan, maka lihatlah di sebalik agenda itu. Tentu ada sesuatu di sebalik berita itu.

Di kampus, Akta Universiti menyekat perbincangan terbuka. Universiti sudah menjadi badan korporat. Lebih mengutamakan soal membekal tenaga manusia. Ini semua menyekat kehendak rakyat, dan ahirnya menumpulkan rasa sensitiviti. Semua ini memerlukan reformasi.

Sebelum negara dapat mengadakan reformasi, sistem politik itu sendiri perlu terbuka. Kerajaan harus bertanggungjawab memberi laluan kepasda suara rakyat. Perang Dingin sudah berakhir. Ancaman komunisme juga sudah berlalu. Masalah perkauman juga sudah minimal. Fundamentalisme juga sudah ditundukkan. Tidak ada sebab negara ini tidak boleh dibuka. Akta Keselamatan Dalam Negeri yang direkabentuk untuk menghalang komunisme mesti dihapuskan. Itulah langkah pertama reformasi di Malaysia. Perbincangan terbuka politik harus dibenarkan.

Kemudian, Umno sebagai parti utama negara juga perlu dilakukan reformasi. Harus disedari Umno yang ada hari ini bukan Umno asal. Ia Umno "baru" yang digubah, baik dari segi peraturannya mahupun dari segi budaya sebagai suatu wadah untuk Mahathir berkuasa bagi melaksanakan wawasannya. Sememangnya pembangkangnya kini, atau pengimbangnya adalah timbalannya sendiri, Anwar Ibrahim.

Akan tetapi Anwar adalah sebahagian daripada team Mahathir. Seperti mana Habibie pada Suharto, begitu jugalah Anwar. Memang pada masa ini, Tengku Razaleigh mem-punyai pengaruh pengimbang dalam Umno.

Bagaimanapun, Umno perlu merakyat. Aspirasi rakyat perlu dibawa kepada pucuk pimpinan. Bukan sebaliknya. Fikiran ahli Umno sendiri yang perlu dibimbing kepada menjadi warganegara demokrat sebenar. Nilai-nilai seperti membela orang-orang sudah dan terpinggir perlu berada dalam fikiran Umno. Bukananya soal mendapat kontrak dan tender.

Umno adalah parti untuk rakyat, bukan untuk ahli-ahli perniagaan semata-mata. Menggunakan wang perniagaan untuk meraih sokongan, yang kemudian menjadikannya sebagai mendapatkan keuntungan adalah suatu yang boleh memusnahkan bukan saja parti, tetapi negara itu sendiri. Amalan seperti ini boleh dikatakan memberi sumbangan kepada kegawatan ekonomi.

Memang apa yang menjadikan kegawatan ekonomi adalah suatu yang simpel. Spekulator menjual ringgit untuk mengaut keuntungan dan akhirnya pelabur asing hilang keyakinan. Dari sejak kemerdekaan, dasar negara ini adalah untuk menarik pelabur datang ke negara ini.

Negara ini tidak mempunyai apa-apa. Barang-barang pengeluarannya terhad kalau tidak dimajukan. Untuk memajukan industri, modal diperlukan. Modal hanya ada bila pelabur datang. Dasar pro-modal ini telah mendatangkan kemakmuran kepada negara ini sejak zaman Tunku. Kedudukan ekonomi negara sentiasa berubah. Kadang kala naik dan kadang kala turun.

Sememangnya negara ini sudah merdeka. Akan tetapi hakikatnya tidak ada negara yang boleh menentukan nasib mereka sendiri tanpa mengambil perhatian kepada pan-

dangan negara asing — khususnya Amerika Syarikat sebagai kuasa besar. Bukanlah bermakna Amerika Syarikat itu menjajah negara ini. Akan tetapi pengaruh mereka besar. Sejak dari merdeka, Malaya/Malaysia sentiasa mengikut rentak Barat. Apabila rentak mereka diikut, balasan diterima. Sehingga apabila Amerika menghendaki Malaysia turut mengecam Iraq, Malaysia ikut. Ini bukan soal kedaulatan dan kebebasan negara. Akan tetapi begitulah kehidupan bernegara di dunia. Yang kuat dan besar ada pengaruhnya.

Kini Barat menghendaki supaya demokrasi diamalkan di rantau ini. Mereka memancing dengan pelaburan. Memang perkara ini seperti tidak adil. Akan tetapi modal adalah wang mereka. Kekuatan pada mereka. Seperti pekerja dengan majikan atau pelanggan dengan peniaga. Kalau peniaga itu kuat dan pengguna tidak cukup kuat, maka pengguna terpaksa mengikut rentak peniaga.

Itulah hubungan antara Amerika dengan negara-negara rantau ini. Amerika menghendaki demokrasi yang jelas diamalkan. Tidakkah itu suatu kebaikan. Kalau ia boleh dituruti apa salahnya. Keadaan Iraq lebih buruk. Istana Presiden hendak dilihat oleh Amerika. Akan tetapi negara degil itu terpaksa tunduk juga. Itulah hakikat permainan kuasa sejagat.

Amerika menghendaki Suharto berundur. Apa salahnya Suharto berundur kerana lagipun tempoh pemerintahannya sudah begitu lama. Sememangnya pengundurannya tidak terus memulihkan keadaan. Bagaimanapun, sekurang-kurangnya ia memberi harapan.

**Di Malaysia, pengunduran Mahathir juga tidak menjamin pemulihan ekonomi.** Akan tetapi ia merupakan salah satu tindakan yang boleh mendatangkan harapan bahawa pelabur akan datang dan keadaan akan pulih. Dalam kegawatan ekonomi, semua terpaksa berkorban.

Dan pengorbanan terbesar bagi Mahathir adalah mengundurkan diri. Ia juga pengorbanan bagi rakyat Malaysia. Rakyat negara ini menyayangi Mahathir tetapi apakan daya, keadaan ekonomi terus memburuk.



# 14

---

## *APABILA MAHATHIR MARAH: “HOW DARE YOU SAY THESE THINGS!”*

**T**IME: Apabila krisis kewangan melanda Asia Julai 1997, Malaysia dijangkakan pulih lebih cepat berbanding negara-negara jirannya. Kini Malaysia menghadapi zaman yang lebih sukar. Apakah sebenarnya yang silap?

**MAHATHIR:** Tidak ada apa-apa. Saya tidak pernah berpegang pada teori yang menyatakan krisis ini hanya sementara. Dulu saya sering berfikir bahawa mereka yang menyatakan asas-asas ekonomi Malaysia masih kuat tidak menyedari kekuatan mereka yang boleh melemahkan ekonomi. Awak lihat, jelaslah asas ekonomi yang kuat tidak

melindungi anda langsung. Sangkaan-sangkaan yang menyatakan kami masih kuat dan seterusnya masih boleh bertahan adalah silap. Mereka yang berkata keadaan ini hanyalah sementara — bahawa kami akan mengatasi keadaan ini dengan pantas — mereka lah yang salah, bukannya saya. Saya ke Hong Kong dan berucap mengenai hal ini, kerana saya tahu bahawa selagi mana keupayaan melemahkan ekonomi terletak pada tangan beberapa kerat manusia yang ingin meraih keuntungan (dengan keupayaan itu), mereka tidak akan mengizinkan keadaan ini berakhir dalam masa yang singkat sebab mereka tidak dapat lagi berbuat keuntungan yang lebih besar. Kebolehan mereka menjatuhkan matawang sungguh kuat sehingga ia tidak menolong kami pulih. Apa sahaja yang kami buat untuk memulihkan ekonomi dilihat sebagai salah dan menyebabkan hilangnya keyakinan pelabur. Dan apabila mereka kata mereka hilang keyakinan kepada kami, kemudian mereka menurunkan nilai matawang dan menjatuhkan nilai saham. Apa yang terjadi sebenarnya apa yang kami jangkakan akan terjadi.

### **Jadi, tidak adakah apa-apa yang berlainan anda lakukan?**

Tidak ada. Satu-satunya perkara yang boleh menghentikan keadaan ini ialah jika kami mempunyai sedikit kuasa dalam mempengaruhi sistem kewangan antarabangsa. Sekarang kuasa itu tidak wujud. Yang ada hanyalah anarki sepenuhnya. Dulu Bretton Woods dicipta untuk menghasilkan kestabilan. Kini kita bercakap bahawa ketidakstabilan adalah perkara lumrah dan kita harus menerimanya. Kenapa begini? Sungguh sukar mewujudkan pemulihran ekonomi. Pada 1985 tidak ada orang yang melemahkan ekonomi kami dan ekonomi kami pulih (daripada kemelesetan).

Terdapat pandangan lain yang menyatakan pada dasarnya keadaan-keadaan ini tidaklah seindah yang anda sebutkan. Anda berada dalam situasi di mana pinjaman sama dengan 170 peratus daripada jumlah GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar). Itu menunjukkan pertumbuhan yang berasaskan terlalu banyak pinjaman.

Ambil satu contoh rekaan. Jika ekonomi Amerika mengalami penurunan nilai matawang sebanyak 50 peratus dan harga saham menjunam 70 peratus, syarikat-syarikat di Amerika akan berada dalam kesulitan. Syarikat-syarikat boleh muflis. Ia tidak mampu melunaskan hutang-hutangnya. Dalam kes Malaysia, apabila mereka menurunkan nilai matawang kami, mereka merendahkan nilaikekayaan kami dan juga GDP kami. Jadi, nisbah antara pinjaman dan GDP berubah. Mudah sahaja. Ketika ringgit kami bernilai 2.5 berbanding satu dolar AS dan saya meminjam \$10, yakni empat kali ganda duit yang saya ada. Tetapi jika mereka merendahkan ringgit saya kepada 3.8, jadi tentunya pinjaman saya akan menjadi makin bertambah besar.

**Wujudkah isyarat-isyarat amaran di Malaysia sebelum Julai lalu?**

Tidak terdapat apa-apa isyarat. Kami berhutang mengikut kemampuan kami. Jika anda minat, anda boleh menyemak semula tempoh masa tersebut dan buat kajian. Apabila pendapatan per kapita kami AS\$5,000 dan nilai ringgit 2.5, bagaimana kedudukan pinjaman kami? Pinjaman itu tidak menyusut tetapi ekonomi telah menyusut. Oleh itu, berbanding ekonomi kami, pinjaman kami menjadi semakin besar.

Pada 1996, IMF datang ke Malaysia dan Thailand serta memberi amaran bahawa ekonomi buih sedang meng-

gelembung. Tetapi anda teruskan juga keadaan seperti sebelumnya.

Mereka merujuk kepada negara-negara lain. Malah sebenarnya, IMF memberi pandangan bahawa ekonomi kami dalam keadaan sihat dua bulan sebelum krisis, malah mereka juga memuji kami. Saya boleh terbitkan dokumen (mengenai pandangan IMF itu) bagi membuktikannya. Mereka memuji gabenor bank pusat kami. Kami membuat pra-pembayaran terhadap hutang-hutang kami. Adakah negara-negara lain di Asia Tenggara yang membuat pra-pembayaran? Mengapa kami membuat pra-pembayaran? Kerana kami membuat wang untuk berbuat demikian. Anda mungkin masih ingat saya telah membuat kenyataan bahawa kami tidak akan meminjam yen lagi. Kenapa? Kerana pada waktu itu, nilai yen sedang meningkat. Kami meminjam yen apabila nilai satu yen sama dengan nilai satu sen Malaysia. Tetapi apabila yen bernilai 2.5 kali ganda berbanding satu sen Malaysia, kami kena membayar faedah dalam jumlah yang lebih banyak. Jadi, kerana itulah, kami memutuskan tidak perlulah meminjam yen. Jadi, kami meneruskan pinjaman di dalam negeri, dan kami mempunyai wang yang cukup. Saya tidak berbohong.

**Pelabur lebih berminat tentang apa yang terjadi selepas Julai tahun lalu. Ada orang berkata, "kekuatan Malaysia menjadi punca kelemahannya."** Ketika negara-negara lain terpaksa membuat keputusan yang sukar, kedudukan Malaysia yang lebih kukuh bermakna ia tidak bergerak sepantas yang sewajarnya.

Saya tidak tahu, ada orang menuduh kami terlalu mengikut telunjuk IMF. Kenapa kami menaikkan kadar faedah — dan sememangnya kami menaikkan kadar faedah — kenapa kami menguncupkan kredit? Sebab kami

ketakutan. Andai kata kami mengikut telunjuk IMF lagi, semua syarikat kami akan muflis. Jika anda tinjau syarikat-syarikat di negara-negara di bawah IMF, mereka dari segi teknikalnya sudah muflis. Apa yang IMF mahu kami lakukan ialah menaikkan kadar faedah, mengurangkan kredit, meningkatkan cukai. Ketiga-tiga tindakan ini akan menyebabkan syarikat-syarikat kami muflis. Apabila mereka merendahkan 50 peratus matawang dan menjatuhkan lebih 50 peratus harga saham, syarikat-syarikat kami tidak lagi mampu membayar hutang-hutang mereka, kerana mereka meminjam berdasarkan saham mereka sebagai cagaran, pada asas 80 peratus daripada nilai saham. Kini kejatuhan saham menjadikan pinjaman itu bertambah besar dan mereka perlu mencukupkannya. Tetapi bagaimana anda hendak mencukupkan (perbezaan antara nilai cagaran dengan nilai semasa saham) dalam keadaan ekonomi yang meleset? Tidak mudah berbuat demikian. Jika anda tidak mampu berbuat demikian, peraturan di sini menyatakan ia harus dianggap pinjaman tidak berbayar (NPL) selepas enam bulan — IMF kata tidak, sepatutnya dalam tempoh hanya tiga bulan. Tetapi dalam masa tiga bulan, syarikat-syarikat ini tidak mampu. Tetapi jika kami tidak mengikut telunjuk IMF, akibatnya kami akan hilang keyakinan pelabur asing dan nilai matawang akan jatuh lagi. Mahu atau tidak, kami terpaksa ikut nasihat IMF. Akibatnya, banyak pinjaman yang asalnya tidak dianggap NPL sudah dikelaskan sebagai NPL. Dan apabila timbul keadaan itu, syarikat-syarikat tersebut tidak boleh meminjam. Dan apabila mereka tidak dapat meminjam, kami tidak boleh bermula dan ekonomi kami makin tenat.

### Apa Malaysia lakukan, atau tidak lakukan, selepas krisis?

Anda berilah kami peluang yang saksama agar apa yang saya perkatakan diterbitkan sepenuhnya. Kerana saya tahu

anda ada satu lagi tulisan yang akan menghentam kami, tetapi itu tidak kisahlah.

**Adakah anda rasa wujudnya pakatan sulit menentang anda?**

Tidak ada apa-apa konspirasi. Tetapi apabila saya meneliti soalan-soalan anda, dan jelaslah bahawa anda sudah memutuskan dalam minda anda bahawa kamilah yang silap, bahawa kami mengambil tindakan yang salah. Tetapi mahukah anda menerima hujah saya?

Kami merujuk kepada profesional yang mengkaji ekonomi Malaysia. Soalan-soalan yang sukar ini merupakan ijmak pandangan mereka. Sama ada profesional ini jahat atau tidak, kenyataannya ialah anda berdepan dengan satu krisis. Bagaimana anda ingin memulihkan keyakinan?

Kami telah lakukan apa yang kami fikir akan memulihkan keyakinan. Contohnya, kami membantu syarikat-syarikat yang bermasalah. Bantuan ini dilakukan di mana-mana, termasuklah di Amerika. Mereka menaikkan tabungan dan mereka membantu syarikat bermasalah. Simpanan dan pinjaman, Chrysler dan Bank Continental juga dibantu. Ini adalah tindakan normal bagi sesebuah kerajaan kerana mereka mahu mengelak daripada akibat-akibat yang lebih buruk. Kenapa pula kami tidak boleh berbuat perkara yang sama?

Ramai ahli ekonomi bersetuju dengan idea menyelamatkan aset yang strategik. Kami terima contoh di Amerika itu. Tetapi cuba lihat pakej bantuan kepada sistem penerbangan MAS. Anda hanya membantu (ketua eksekutif MAS) tetapi merosakkan syarikat penerbangan itu. Benarkah kami buat begitu?

**Jika ia diteruskan.**

"Jika" ia diteruskan. Tentulah sesiapa jua yang mahu lalukan sesuatu untuk syarikatnya akan berfikir yang terbaik untuk dirinya. Itu tidak bermakna kerajaan akan mengizinkannya. Kami tidak terlintas untuk menyelamatkan orang itu. Kami mahu menyelamatkan syarikat. Sebab itulah hingga sekarang tidak ada apa-apa berlaku (kepada MAS), dan jika sesuatu terjadi ia mestilah mengambil kira sudut komersial dan baik untuk negara ini. Saya tidak akan membantu sesiapa yang merompak negara ini atau merompak syarikat-syarikat mereka. Andaian itu ialah, "Ah, dia adalah teman rapat Perdana Menteri," jadi sebarang silaplaku akan ditolong oleh Perdana Menteri. Kenapa mereka menyangka kami akan berbuat begitu? Kami tidak pernah berbuat demikian. Dan pada saat mereka menyangka begitu, pasaran saham jatuh. Anda sendiri dapat lihat bagaimana tekanan yang dikenakan ke atas kami. Kami tidak dapat lakukan apa-apa. Hinggakan kami tidak mampu berehat untuk berfikir.

**Kenapa ada orang berminat melakukan sesuatu yang bertentangan dengan anda atau negara anda?**

Saya tidak tahu. Mungkin mereka mendapat wang dengan cara itu.

**Andaikan spekulator mendapat untung yang besar pada bulan Julai lalu. Kenapa hingga kini mereka masih berminat menjatuhkan Malaysia?**

Menjual dan membeli (saham), *short-selling*, beli dengan harga rendah dan seumpamanya. Itu adalah prosedur yang sudah lama terjadi. Dalam satu kes di sebuah negeri, mereka boleh menurunkan nilai matawang sehingga 600 peratus. Negara kami hanya 50 peratus dan masanya masih panjang (untuk ke tahap itu). Jika itulah cara mendapat wang, nescaya mereka akan lakukan. Kami berada dalam ketakutan.

Orang asing tidak sepenuhnya jelas siapakah yang sebenarnya menggerakkan ekonomi — Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri (juga Menteri Kewangan), atau Daim sebagai Penasihat Ekonomi. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan.

Lagi sekali, mereka sudah pun putuskan perkara ini dalam fikiran mereka. Ketiga-tiga ahli eksekutif dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (dan beberapa ahli lagi) berjumpa setiap hari, dan sebarang keputusan yang diambil melibatkan ketiga-ketiga orang kami. Bagaimana pula anda mengatakan terdapatnya perbezaan antara pandangan-pandangan kami?

Adakah ini satu strategi, satu hari ada orang berkata tidak ada *bail-outs*, hari berikutnya orang berkata ada pula *bail-outs* — bahawa bank-bank akan bercantum pada tarikh sekian, sekian dan kemudiannya tidak ada percantuman?

Kami semua bercakap hal yang sama. Tidak ada *bail-outs*. Tetapi yang pastinya kami mempunyai syarikat-syarikat, syarikat-syarikat gergasi, yang mengalami pinjaman tidak berbayar (NPL) semata-mata kerana nilai matawang direndahkan dan harga sahamnya dijatuhkan. Kami tidak menolong mereka, dengan maksud, mereka adalah syarikat-syarikat seperti di negara-negara lain yang tidak diurus dengan baik dan kerajaan pula semata-mata mengepam masuk wang (ke dalam syarikat) — kami tidak lakukan sedemikian. Tetapi apabila nilai matawang dijatuhkan 50 peratus semua syarikat turut jatuh, dan kami memilih syarikat-syarikat tertentu yang difikirkan dapat diselamatkan. Kami benarkan lebih 400 syarikat menjadikan muflis. Tentunya kami benarkan sebahagiannya begitu. Tetapi andaikan kami mengizinkan semua syarikat berkeadaan begitu. Dari mana pula kerajaan mendapat hasil?

Kenapa orang menafsirkan apa yang anda cakapkan dan apa yang Menteri Kewangan tuturkan sebagai berbeza? Contohnya, dalam satu ucapan di depan Majlis Perhubungan Luar Amerika Syarikat, Anwar berucap mengenai "kemusnahan kreatif" (*creative destruction*) maksudnya inilah masanya untuk memperbaiki ekonomi. Anda pula berkata "kami tinggal dalam ketakutan". Ia kelihatan pendekatan yang berbeza.

Dia (Anwar) juga berada dalam ketakutan. Tetapi dia fikir lebih baik menyembunyikan ketakutannya itu, untuk bercakap perkara yang benar. Anda pun mengenali diri saya, saya sentiasa berterus terang. Itulah perbezaan antara dia dan saya. Tetapi pada asasnya idea kami sama sahaja.

**Adakah anda mengatakan sesuatu sengaja untuk menguji bagi mendapatkan kesan yang anda kehendaki?**

Tidak. Saya merupakan seorang yang bersikap tegas terhadap perkara tertentu. Saya rasa satu ketidakadilan telah dikenakan ke atas rantau ini. Anda sedar bahawa negara-negara Asia Tenggara mengambil masa 40 tahun membangunkan ekonomi mereka. Dan dalam tempoh hanya dua bulan, hanya dengan cara menjatuhkan nilai matawang mereka, mereka kini semuanya miskin. Dua puluh juta rakyat Indonesia kini tidak mempunyai pekerjaan. Dunia sepertinya bersimpati dengan nasib mereka tetapi dunia hanya berkata, "ah, mereka itu teruk." Memang betul, saya tidak berkata kami bebas dari rasuah, kronisme, nepotisme yang dituduhkan ke atas kami. Tetapi anda tidak dapat menafikan negara-negara Asia Tenggara berupaya membangun dengan cara mereka sendiri, menggunakan dasar-dasar yang membolehkan mereka maju. Berapa banyak negara yang mampu mencapai pertumbuhan seperti ini? Kini anda dapat negara-negara yang tidak maju sama sekali tidak pula

mengalami serangan matawang seumpama ini. Kenapa pula kami diserang?

**Setakat mana anda fikir ia berpunca daripada konspirasi Yahudi?**

Tidak ada konspirasi Yahudi. Ia berpunca dari sifat tamak, semata-mata sifat tamak. Kerana mereka mendapat wang dengan cara memperdagangkan matawang lebih mudah daripada membuat kereta dan menjual barang dan terpaksa pula mengalami ketidakpastian. Di sini hanya beberapa saat anda boleh membuat untung berbilion-bilion dolar. Anda hanya menaikkan angka di skrin (komputer), tanpa membabitkan wang.

**Tetapi anda pernah berkata konspirasi Yahudi dalam komen yang terdahulu.**

Apa yang saya katakan dahulu ialah jika mereka yang menjalankan perdagangan matawang kebetulan Yahudi dan negara-negara yang kebetulan menderita pula negara-negara Islam, maka orang akan merumuskan itu adalah pakatan Yahudi. Saya tidak berkata bahawa ia merupakan pakatan Yahudi melawan negara-negara Islam. Saya maksudkan ini merupakan pandangan ramai orang.

**Kembali pada soal ekonomi. Adakah anda rasa seolah-olah impian anda sudah hancur berkecaci?**

Saya harus mengaku bahawa rasa saya sedih, kecewa, dan ada waktu-waktunya sangat marah apabila dunia memandang kemusnahan ekonomi seluruh rantau ini dan hanya berkata keadaan ini berpunca dari satu sebab yang lain, seolah-olah melupakan kenyataan bahawa jika nilai matawang tidak dijatuhkan, keadaan ini tidak mungkin terjadi.

**Tetapi mungkin nilai matawang pernah direndahkan sebelum ini?**

Kalaulah ia pernah dijatuhkan sebelum ini, turunkan ia perlahan-lahan. Anda mlarikan 50 peratus kekayaan anda dan anda berharap orang terus tidak berasa apa-apa. Kini mereka tidak mampu membeli makanan. Pekerja-pekerja kami di sini tidak mempunyai jaringan keselamatan. Kami tidak dapat faedah pengangguran. Kalaulah anda dicampak dari pekerjaan, anda tidak memiliki wang untuk membeli makanan, untuk membeli ubat. Dan apa kata dunia tentang hal ini. Mereka berkata, "ah, mereka itu sudah macam itu, sukar berubah (menjadi baik), mereka ambil wang dan memberinya kepada keluarga mereka." Tetapi mereka pernah mengambil wang dan memberinya kepada keluarga mereka sebelum ini, dan mereka masih bekerja. Kini mereka tidak bekerja lagi.

**Ramai orang menerima pendapat bahawa rekabentuk sistem kewangan antarabangsa perlu disemak semula ...**

Betul! Tetapi sementara ia sedang disemak semula, sudah ramai orang kehilangan kerja, sudah ramai yang menderita. Di mana nilai kasihan belas yang kami harapkan dari mereka yang sering bercakap tentang hak-hak asasi manusia, mengenai sifat berkasih sayang? Tidak ada sepatah perkataan pun.

**Keputusan akhirnya, seperti mana yang anda usahakan, satu struktur kewangan yang lebih waras, yang lebih berperikemanusiaan, tetapi ia tidak akan terjadi dalam masa yang singkat.**

Kenapa tidak? Ia hanya perlu kerajaan berkata, "Kita mesti hentikan semua ini," dan ia akan berhenti secara tiba-tiba. Kini, saya sendiri tidak menjangkakan ia akan berlaku,

kerana tidak terdapat kesungguhan. Keadaan ini tidak menyusahkan anda, ia menyusahkan kami.

**Apakah yang anda lakukan untuk rakyat Malaysia sekarang? Anda tidak boleh mengabaikan sentimen para pelabur.**

Para pelabur yang serius sedang datang, dan mereka sedang melabur dalam projek-projek besar. Anda boleh pergi ke Pahang dan melihat projek-projek petrokimia dan lain-lain bernilai AS\$400 juta. Mereka yang terlibat dalam sektor elektronik masih lagi mengeksport produk mereka, dan mereka masih lagi melabur. Tetapi mereka yang bercakap mengenai hilang keyakinan adalah para pemodal jangka pendek. Mereka mahu ke sini, menolak harga saham naik dan menjual saham-saham itu. Apakah manfaat yang kami dapat daripada kegiatan itu? Wang jenis itulah yang belum sampai ke sini.

**Kami ada satu soalan yang tidak menggembirakan anda....**

Saya tahu, mengenai anak saya. Jelasnya, tidak ada apa-apa yang boleh saya katakan yang membuatkan ia pergi. Kerana mereka sudah bersungguh menyatakan bahawa saya menolong anak saya. Jadi, apalah bagusnya berkata lain daripada hal itu. Ia akan terus diperkatakan, seperti itu juga soal pakatan Yahudi. Tidak kiralah betapa bersungguhnya saya cuba menjelaskannya, mereka akan terus bercakap perkara yang sama. Kenyataannya, saya cukup bertegas dalam hal ini. Saya telah menghalang anak-anak saya daripada terbabit dalam politik. Saya juga telah menghalang mereka terlibat dalam kerajaan. Saya juga telah menghalang mereka daripada menjalankan perniagaan dengan kerajaan. Tetapi secara kebetulan firma perkapalan (syarikat Mirzan Mahathir yang telah diselamatkan kerajaan) itu kepunyaan

sebuah syarikat kerajaan. Itu bukan salah saya. Saya tidak membuat sebarang keputusan. Itu semua terpulang kepada mereka apa yang mereka ingin lakukan. Adakah saya berkata kerana dia merupakan anak saya, jadi anda patut (menolongnya)? Dia juga seorang peniaga. Saya tidak ada apa-apa suara dalam hal ini, saya tidak campur tangan dalam hal ini.

**Tetapi tidak mungkin dia mampu meminjam AS\$250 juta untuk membeli syarikat itu pada mulanya kalau dia bukan anak anda. Pemilik bank tempatan tidak mungkin meminjamkannya wang sebanyak itu.**

Beraninya anda berkata begitu! Dia membeli syarikat-syarikat di Hong Kong. Apakah anda fikir saya mempunyai pengaruh di Hong Kong? Dia juga membeli syarikat-syarikat di Jerman. Apakah anda fikir saya mempunyai pengaruh di Jerman?

#### **Anda boleh mempengaruhi pemilik bank tempatan.**

Anda membuat andaian bahawa kerana saya seorang Perdana Menteri, jadi saya mestilah telah menggunakan kuasa saya. Ini sebabnya saya kata tidak ada gunanya menjawab soalan-soalan anda. Kerana anda telah pasakkan dalam fikiran anda bahawa orang ini mestilah korup, dia mestilah telah menolong anaknya sendiri.

#### **Jurang perbezaan antara anda dan Menteri Kewangan anda semakin melebar beberapa tahun kebelakangan ....**

Perlukah saya mencium dia di jalanan sebelum orang berhenti menuduh kami mempunyai keretakan? Kami sentiasa bersama, kami duduk bersama, kami mengurus negara ini bersama-sama. Saya fikir Anwar adalah seorang timbalan yang paling sering merujuk saya — saya tidak mahu berkata dia rapat dengan saya, sebab orang tidak akan

mempercayai saya. Setiap pagi, malah sebelum wujud sebarang krisis, kami duduk dan berbincang apakah masalah-masalah. Sekarang kami mempunyai MTEN, kami duduk berbincang bersama Daim, kerana Daim berpengalaman sebagai Menteri Kewangan ketika krisis 1985-86. Saya tidak faham mengapa orang masih menyatakan kononnya terdapat pergeseran. Pandangan orang adalah salah. Dia tinggal sebelah rumah saya. Isteri saya dan isterinya merupakan kawan rapat. Dari segi politik, kami melihat dari sudut yang sama. Sayalah yang membawa dia masuk parti. Saya mengaku kami juga mempunyai beberapa perbezaan, tetapi akhirnya satu pandangan bersama terhasil.

**Tetapi apakah meresahkan anda bahawa ada sebilangan orang bercakap Menteri Kewangan memahami ekonomi sejagat sementara anda kelihatan dalam keadaan terus menafikan?**

Saya tidak berkata saya seorang pakar dalam ekonomi pasaran. Saya rasa tidak semua perkara dalam ekonomi pasaran adalah betul. Dan saya fikir orang menggunakan ekonomi pasaran untuk mendapat peluang terbaik untuk manfaat diri mereka sendiri. Saya telah menerajui negara ini selama 17 tahun dan tidak mungkin tidak memahami apa-apa tentang ekonomi. Jika anda mengimbas pada perubahan-perubahan yang wujud dalam negara ini selepas saya mengambil alih teraju negara, semuanya itu bersifat ekonomi. Itulah puncanya kami berkembang pesat. Kami rasa idea persyarikatan Jepun, yang mungkin tidak digemari pihak lain, adalah baik, kerana kita patut bekerjasama dengan sektor swasta bagi membangunkan negara ini.

**Adakah anda akan terus menerus meniru Jepun, sehingga empat atau lima tahun dalam pertumbuhan yang lembab?**

Saya tidak berkata kami sudah tidak memandang ke Barat. Tetapi semua akhbar beranggapan begitu. Kami mempunyai 50,000 pelajar di Barat, dua ribu di Jepun, dan dua ribu di Korea. Mesti terdapat sesuatu keistimewaan di Jepun pada waktu itu, kerana mereka kalah dalam perang dunia tetapi membangunkan ekonomi mereka dalam tempoh dua kali lebih singkat. Jadi kami harus mempelajari daripadanya. Kami belajar tentang etika kerja dari Jepun. Negara-negara Barat juga memandang ke Timur pada waktu itu. Apakah yang tidak kena?

### **Bagaimana pula keadaan hidup anda sendiri berubah semenjak krisis?**

Saya mesti bekerja lebih keras. Saya terpaksa menghabiskan lebih masa membaca, cuba memahami kuasa-kuasa pasaran itu yang sangat rumit yang kononnya cuba mendisiplinkan saya. Saya kira saya belum lagi mampu didisiplinkan, kerana saya terus menerus berkata hal-hal yang salah. Tetapi itu tidak bermakna saya tidak akan mengikut nasihat orang lain. Saya akan melakukan sesuatu yang akan membawa kebaikan kepada negara saya. Itulah sahaja.

---

Terjemahan bebas temubual lengkap pihak majalah *Time* (edisi Asia) dengan Perdana Menteri Mahathir Mohamad seperti mana yang tersimpan dalam arkib internet majalah berkenaan <http://www.time.com/asia>. Sedutan ringkas temubual ini yang bertajuk "*How Dare You Say These Things!*" disiarkan pada 15 Jun, 1998 (isu muka depan) dengan tajuk "*One Angry Man*". Sedutan ringkas yang tersiar dalam majalah berkenaan dilaporkan akhbar tempatan (juga 15 Jun lalu) mempunyai mesej bertentangan.



# 15

---

## ***NEPOTISME, KRONISME, TRANSPARENSI: MENGAPA PM MENCARI HELAH LAGI?***

"Perang Saudara" barangkali sudah bermula apabila PM memberi *response* terhadap isu-isu ketelusan, nepotisme, kronisme, dan serangkaian dengannya. Ucapan PM di Kuala Terengganu pada 12 Jun lalu seolah-olah mengesahkan kritikan terbuka dalam media massa arus perdana, khususnya sejak Ketua Pemuda Umno dan TPM sendiri membangkitkannya.

---

Penulis, Fathi Aris Omar ialah penulis bebas sejak 1988 yang banyak menyumbang ideanya dalam *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *Massa*, selain *Tamadun*.

Pada hemat PM, istilah-istilah ini menggambarkan idea-idea Barat, seperti juga istilah-istilah deregulasi, globalisasi, liberalisasi dan pasaran bebas. Oleh itu, menuturkan istilah kronisme dan nepotisme membayangkan seolah-olah kita terpengaruh dengan idea-idea Barat — satu perkataan yang membawa konotasi negatif. Lagi pun, sikap Barat yang suka sekali diganyang PM, khususnya sikap *double-standardnya*, berupaya menarik simpati rakyat. Lebih-lebih lagi setelah PM sendiri cukup terkesan akibat kegawatan ekonomi — yang sekali gus mencetuskan ungkapan-ungkapan baru tersebut — di rantau ini adalah angkara permainan dunia Barat. Kita membangunkan ekonomi dalam masa 40 tahun tetapi tiba-tiba dalam masa dua bulan segala-galanya seolah-olah sirna, demikian hujah PM.

Dalam ulasannya terhadap kemunculan istilah-istilah ketelusan, kronisme dan kapitalisme itu, pada hemat PM, kita cipta istilah telus bagi menterjemahkan istilah *transparent*; sebelum itu kita tidak pernah mendengarnya. Silap kata (seperti juga silap mata) ini amat ajaib. Konsep ketelusan pernah dijadikan kempen pilihan raya BN (istilah telus ada dalam manifesto BN) dan mustahil Penggerusi BN sendiri tidak membacanya! Atau barangkali PM sudah nyanyuk, maklumlah sekarang bukan musim pilihan raya umum tetapi lebih hampir dengan pemilihan Umno 1999.

Walaupun istilah-istilah dalam bahasa Melayu, seperti nepotisme dan kronisme, tidak wujud atau dipinjam dari idea Barat, ini tidak bermakna amalannya tidak ada di sini. Tidak ada hukum graviti seperti yang dirumuskan oleh Newton tidak semestinya tiada gejala tarikan ke bumi. Sudah beribu-ribu epal jatuh membusuk ke tanah sebelum sebutir epal jatuh ke atas kepala Newton (akibatnya terilham dalam fikiran Newton akan kewujudan graviti). Rakyat sudah merasai penyelewengan tetapi tiada ungkapan yang

sewajarnya, atau tidak berani berterus-terang.

Macam juga dua insan yang baru jatuh hati (tetapi sangat pemalu); hati sudah mengarang madah dan geloranya seakan-akan mahu memecahkan dada tetapi apakan daya, bila bertemu, lidah kelu seribu bahasa! Geloranya ada dan dirasai tetapi tidak terluahkan.

Menurut Prof Syed Hussein Alatas, tiada istilah tidak semestinya tiada amalan. Dalam kritikannya terhadap buku *Revolusi Mental* (juga produk Umno), Syed Hussein menyatakan tiada kata penciptaan atau *invention* tidak bermakna bangsa kita tidak mencipta apa-apa produk, ciptaan atau teknologi yang sepadan dengan zamannya. Bacalah buku *Intelektual Masyarakat Membangun* untuk mengetahui lebih lanjut.

Memanglah dari perspektif bidang sosio-linguistik, bahasa merupakan produk pemikiran sesuatu kelompok atau bangsa bagi menggambarkan gejala-gejala, idea-idea dan benda-benda di sekelilingnya. Thomas Kuhn pula mempopularkan idea "bahasa mencerminkan paradigma" atau aliran berfikir tertentu. Contohnya bangsa Eskimo, kerana terlalu mesra dengan alam yang dilitupi salji, mempunyai lebih 10 istilah khusus untuk menggambarkan berbagai-bagai fenomena salji yang berbeza-beza. Bangsa Melayu, contohnya penanam padi, mempunyai istilah-istilah khas bagi menggambarkan peringkat aktiviti-aktiviti, perubahan-perubahan pada padi (sejak di tapak semaihan hingga dilantik) dan juga produk-produk dari padi.

Apabila nepotisme, kronisme, ketelusan dan liberalisasi asalnya dipinjam dari idea penganalisis Barat, memanglah sedikit sebanyak membawa tafsiran Barat. Tetapi tiada istilah tidak bermakna tiada gejala itu. Contohnya, andartu menjelaskan konsep dan gejala anak dara yang lambat berkahwin atau belum bertemu jodoh walau usia sudah lewat. Adakah

satu istilah khas untuk menjelaskan gejala atau konsep "gadis yang sudah tidak suci" atau pernah melakukan hubungan jenis? Tidak ada! Tetapi siapakah yang boleh menafikan kewujudan gejala ini? Jika hendak diikutkan logik Mahathir, gejala rasuah pun sebenarnya tidak ada di negara kita. Bukankah awal-awalnya istilah rasuah dipinjam dari kata Arab, sementara korupsi atau korup diambil dari kata Inggeris? Kalau begitu, kenapa Umno sibuk-sibuk mengadakan perhimpunan khas bagi menghapuskan gejala politik wang dalam parti itu?

Argumen PM tentang kekinian istilah-istilah ini — dan kononnya berasal dari Barat, bukan amalan bangsa kita — sebenarnya hanya hujah politik rakyat bawahan, bukannya hujah intelektual. Mahathir masih bercadang menafikan realiti sebenar (*denial syndrome* yang sering dituduh tabiat PM) dengan strategi "serampang dua mata". Mata pertama, tiada istilah (atau baru diserap ke bahasa Melayu) bermakna gejala itu tiada di negara kita. Kedua, istilah itu datangnya dari Barat dan membawa idea Barat. Oleh kerana perkataan "Barat" mempunyai maksud tersirat yang negatif di sini, Mahathir berharap masyarakat akan menolaknya. Sejak bila pula Umno dan negara ini tidak berkiblat ke Barat? Ah, tidak perlulah mengulang-ulangkan hujah "tidak semua yang datang dari Barat itu buruk!" Orang kampung semua sudah tahu.

Ada baiknya Mahathir tidak mengulang-ulangkan logik ini. Lagipun, musuh politiknya terdiri daripada golongan cerdik pandai — dan arif pula tentang simpang siur politik atasan — mereka akan hanya tersenyum sinis mendengar atau membaca latah PM ini. Tetapi dalam Umno, siapakah yang tidak tersenyum sinis apabila pemimpin-pemimpinnya menyebut tentang rasuah, politik wang, nepotisme, kolusi dan kronisme? Apabila Ketua Pemuda Umno atau TPM ber-

cakap tentang nepotisme atau kronisme, barangkaligiliran Mahathir pula tersenyum sinis.

Dalam proses penyelesaian masalah, merumuskan masalah atau mengakui hakikat kewujudannya — bukan menafikannya atau berpura-pura — merupakan asas pertama. Tetapi kalau kita asyik menafikannya dan kemudian menuding jari ke Barat pula, bilakah masanya kita akan berani menghadapinya? Sejak ekonomi gawat, Mahathir tidak pernah mahu mengaku secara terbuka kelemahan pengurusan ekonomi negara. Peringkat awal dahulu beliau menyalahkan George Soros, kemudiannya ditafsirkan sebagai konspirasi Yahudi, dan terakhir pandangannya dalam majalah *Time* (15 Jun, 1998) yang juga menuduh kerakusan spekulator asing. Berlainan dengan TPM Anwar yang mengakui di Johor bahawa ada kelemahan dalam pengurusan ekonomi dan kita memerlukan reformasi. Awas! "Reformasi" — istilah yang menjadi kegilaan baru dalam parti teras kerajaan itu.

ii.

Apabila Zahid menimbulkan gejala nepotisme sudah serius, nyatalah telah muncul **keberanian baru dalam Umno**. Namun nyalaan api keberanian ini mungkin mudah dipadamkan. Walaupun isu nepotisme sudah lama dibangkitkan oleh rakyat, Umno buat-buat tidak kisah sahaja. Entah mengapa, ia ditimbulkan secara mendadak sebaik sahaja gerakan reformasi di Indonesia berjaya menggulingkan Suharto yang dituduh terbabit dengan korupsi, kolusi dan nepotisme.

Kejatuhan Suharto memang menarik minat banyak pihak. Di kalangan rakyat bawahan, peristiwa itu membuktikan kediktatoran boleh ditumbangkan melalui desakan di jalan raya. Ia juga menunjukkan "Kuasa Rakyat" masih lagi

keramat — rakyat yang melantik pemimpin, maka rakyat juga boleh menumbangkannya. Tetapi siapakah rakyat sebenarnya? Pertanyaan inilah yang memberi nafas baru kepada golongan tertentu dalam Umno dan mereka yang hampir dengan serambi kuasa.

Gerakan reformasi di Indonesia — jika dikatakan “suara rakyat” — bukanlah bermakna kelompok rakyat bawahan semata-mata tanpa campur tangan, isyarat dan dorongan pihak Golkar dan elit penguasa. Gerakan reformasi yang menggulingkan Suharto adalah gerakan dari atas dan membabitkan percaturan peribadi-peribadi di atas. Gerakan rakyat di jalan-jalan raya hanya tempias keretakan pihak atasan, termasuklah ABRI yang sering mengekang suara rakyat. Jelasnya, Suharto sudah tidak dikehendaki oleh rakan-rakannya sendiri, apatah lagi rakyat. Sukar untuk membayangkan suara rakyat — atau mahasiswa sahaja — boleh menggulingkan seorang Presiden di dunia ketiga yang kuasanya mencengkam seluruh sendi kehidupan.

Inilah pengajaran yang membimbangkan Mahathir, jika ditinjau ulasan-ulasannya terhadap kejatuhan Suharto, dan sekali gus arus reformasi ini memberi nafas baru kepada gerakan tertentu dalam Umno. Dalam konteks “reformasi” di Malaysia, hanya Umno yang mampu mencetuskan senario seperti di Indonesia. Tidak ada kuasa lain yang lebih perkasa, sistematis, besar biayanya dan tangkas kecuali Umno. Oleh itu, sekiranya senario di Indonesia mahu dilihat terjadi di Malaysia, maka “gerakan rakyat” — sebenarnya didalangi tokoh-tokoh Umno juga — mesti memainkan peranannya. Dan ... kita rakyat bawahan harus pintar menyelami sepak terjang Umno supaya tidak mudah terjun ke lubuk yang sama. Babak-babak 1987 — termasuklah demonstrasi di Stadium TPCA di Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Operasi Lalang selepasnya — dilihat dalam drama politik

yang sama. Ertinya, unsur-unsur seperti di Indonesia boleh tercetus dan boleh dipatahkan hanya apabila membabitkan rangkaian sayap kuasa Umno.

Begitulah cara kita membaca isu nepotisme yang dibangkitkan oleh Pemuda Umno. Setelah sekian lama, ia tidak disuarakan — sedangkan nepotisme sentiasa wujud sejak lama dulu — isu ini membayangkan ada gerakan tertentu dalam Umno. Dengar khabarnya, Presiden Umno sudah memantau gerakan ini dengan dekat. Mahathir tentulah tidak mahu senario yang boleh mengugat kedudukannya dan juga Umno, khususnya menjelang pilihan raya tahun 2000. Ertinya, Mahathir tidak gentar gerakan dari luar sebab semua faktor kekuatan di luar Umno sudah nazak.

Keadaan seperti ini terjadi kerana Umno berjaya membolot tiga kuasa utama dalam negara. Umno sebagai parti kerajaan sudah tentu memiliki kuasa politik, tetapi Umno juga menguasai dua lagi kuasa kuasa wang (ekonomi) dan kuasa maklumat (media). Kekuatan yang luar biasa melalui monopoli ini pada awalnya ditujukan untuk mengukuhkan Umno — khasnya Perdana Menteri — dan juga melemahkan sebarang gugutan dari luar Umno. Pada suatu ketika, strategi ini berjaya menyelamatkan Umno. Tetapi rakyat bukanlah bodoh, mereka dengan pantas menari mengikut rentak paluan gendang Umno. Lalu berbondong-bondonglah orang menyertai Umno atau “kelihatan” menyertai Umno untuk berkongsi sedikit kuasa itu.

Logik ini tidak sukar difahami. Apabila anda rasa lemah dan susah di luar Umno, apakah cara paling dekat untuk mendapatkan sedikit kekuatan dan kesenangan? Jawapannya, sertailah Umno atau jika anda tidak berminat bermain politik, berkawanlah dengan orang-orang Umno. Lagi tinggi jawatan orang Umno itu dan lagi berpengaruh seseorang itu manfaatnya akan tempias pada anda, walaupun mungkin

anda tidak tahu apa pun tentang Umno dan tidak pula menjadi ahli Umno. Lagipun parti itu ghairah mencari ahli.

Orang bermiaga rapat dengan Umno. Orang akademik rapat dengan Umno. Orang dakwah rapat dengan Umno. Orang media — wartawan dan penulis — berbicara menurut rentak Umno atau setidak-tidaknya jangan menyenggung Umno. Hanya sebilangan kecil sahaja yang degil dan sanggup terpencil daripada arus perdana. Oleh kerana Umno sudah menjadi kek dan lauk yang menggiurkan, maka pelahap-pelahap dengan cepat mengerumuni parti itu. Umno sudah sinonim dengan kuasa, kelebihan dan kekuatan; bukan lagi idealisme, perjuangan bangsa dan rakyat bawahan. Apabila idealisme sudah luntur, maka yang kaya hanyalah *perutisme, akuisme dan puakisme*. Apabila "perut" kenyang, barulah ada identiti sebagai "aku" dan kemudiannya berangan-angan pula memimpin — wujudlah "puak" aku.

Ini semua terjadi kerana orang sudah tidak percaya boleh berbuat sesuatu — "sekadar menyalak bukit" — jika berada di luar Umno. Sesiapa yang memanfaatkan saluran Umno akan dapat bahagiannya. Contohnya yang paling menonjol ialah Anwar Ibrahim. Kenapa kelompok dakwah fundamentalisme semakin condong ke arah Umno? Kontraktor kecil mendapat bahagiannya, usahawan besar mendapat habuaninya, malah pembahagian subsidi PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) mesti melalui Ketua Pemuda Umno Cawangan. Baru-baru ini Menteri Pembangunan Usahawan melarang pilih kasih ini. Lalu, siapa yang tidak percaya atau tidak tertarik dengan Umno? Di peringkat yang paling bawah sekali — seperti pengusahaan balairaya dan gelanggang sepak takraw — sudah wujud nepotisme.

Apabila nepotisme wujud antara rakyat pro-Umno dengan rakyat biasa, tiada siapa pun peduli. Hanya parti pembangkang terkial-kial menyedarkan rakyat. Apabila

suasana ekonomi makmur, isu nepotisme tidak timbul. Tetapi apabila ekonomi gawat (kek kekayaan kian mengecil) tidak semena-mena ia timbul. Jika diteliti ucapan Zahid, nepotisme sudah begitu serius merebak.

Dulu, nepotisme wujud tetapi ia diagihkan "sama rata" sesama mereka maka tiadalah isu. Kini, sudah ada pihak yang mendapat manfaat; dan ada pula pihak yang terpinggir. Maklumlah, kek kekayaan yang kian kecil, apabila terlalu ramai ingin memakannya, sudah tentu berlaku perebutan. Dalam perebutan itu, sudah tentu ada pihak yang mengambil lebih dan tentunya ada pihak yang tidak mendapat apa-apa. Inilah sebenarnya yang tersirat di sebalik isu nepotisme dan kapitalisme suku-sakat.

Dan ini semua tidak akan tercetus jika ada *check-and-balance* (bukannya, *cheque-and-balance!!*) dalam sistem politik di Malaysia, jika kuasa-kuasa politik, wang, dan maklumat tidak dimonopoli. Dan ... Pemuda Umno perlu membahaskan isu sebenarnya monopolii kuasa yang melulu — bukannya berselindung di sebalik isu nepotisme apabila agihan kekayaan tidak lagi memihak kepada puak sendiri.

### iii.

Mengapa tiba-tiba saja ada kumpulan dalam Umno begitu ghairah membicarakan isu nepotisme? Mengapa istilah nepotisme tiba-tiba menarik di kalangan beberapa pemuka Umno. Sebelum itu PM — dengan wajah sedikit "serius" — memberikan tafsirannya tentang *crony capitalism*, TPM terlebih dahulu membuat kenyataan. Berita kecil tentang kenyataan TPM yang mengulas gejala kapitalisme suku sakat di negara-negara Asia ekoran kegawatan ekonomi di rantau ini, pernah disiarkan di halaman depan *Utusan Malaysia*.

Dalam realiti berpolitik di negara kita, seringkali desas-desus di kalangan masyarakat dinafikan oleh pihak pemerintah. Pada dekad lalu, penafian awal itu tidak lama kemudiannya menjadi kenyataan dan terpaksa diakui oleh pihak berkenaan. Kini penafian yang sangat popular — di peringkat nasional dan antarabangsa — ialah wujudnya “pergeseran” antara PM dengan timbalannya. Dulu, bila timbul gejala politik wang dalam pilihan raya umum, pemimpin Umno hanya berdiam sahaja. Akhirnya, Umno terpaksa juga mengadakan perhimpunan khas bagi menangani gejala politik wang dalam parti. Tidak perlulah diungkit-ungkitkan senarai penafian itu dalam sejarah politik di negara ini. Namun, kerajaan seringkali mengambil sikap “lembu kenyang” dan reaktif — seolah-olah mahu menyembunyikan realiti sebenar dan berpura-pura tiada apa-apa yang berlaku. Padahal desas-desus dan penafian itu sebenarnya sudah menjadi “rahsia umum”.

Begitulah halnya dengan isu nepotisme. Bukankah selama ini masyarakat khususnya di kalangan cerdik pandai, pernah menuduh kerajaan mengamalkan sikap ini? Kenapa pihak berkuasa tidak mengambil apa-apa daya usaha untuk membendung atau mendedahkannya? Kenapa kini — setelah ada pihak-pihak tertentu tidak mendapat habuannya lagi — istilah “nepotisme” dan “kapitalisme suku-sakat” tiba-tiba di tuturkan oleh TPM dan Ketua Pemuda Umno? Apakah sentimen ini bertujuan menyindir PM dan anak-anaknya? Atau, sekadar untuk meraikan kegelisahan masyarakat bawahan yang kian celik mata selepas meneliti reformasi di Indonesia? Atau juga, kerana cuba menekan PM agar melepaskan jawatan kerana dianggap sama seperti Suharto?

Gelagat-gelagat politik di negara kita tidak perlu digosip-gosipkan sangat. Lebih penting, kita bertanya 1001 misteri yang dicetuskan di sebalik sandiwara seperti ini. Ada kalanya

gegak-gempita alam ini seolah-olah banjir akan melanda, kita rakyat bawahan sudahpun mencerah air di tempayan, tetapi rupa-rupanya ribut di dalam cawan sahaja. Pernah dulu, 1996, Daim Zainuddin menulis dalam *Mingguan Malaysia* tentang keberanian Melayu dengan lagak pengkritik kerajaan — barangkali seperti Subky Latif — atau penyindir kerajaan — barangkali seperti Rustam A Sani — dengan mempersoalkan itu dan ini. Akhirnya, realiti tetap juga realiti. TPM contohnya masih lagi membawa dengan idealismenya tentang peradaban, moral, kebebasan akademik dan budaya ilmu — seperti ditegaskan dalam *Asian Renaissance*, karya yang “perlu mendapat restu” PM — tetapi tidak mendorong sebarang tindakan proaktif. Realiti tetap juga realiti, malah kian membobrok!

Apabila mereka yang memiliki kuasa dan mereka yang hampir dengan serambi kuasa sudah pandai berlagak tidak mempunyai apa-apa kuasa, rakyat tertanya-tanya, siapakah yang sebenarnya berkuasa? Ironisnya pandangan-pandangan dalam bentuk rencana — seperti tulisan Nakhaei Ahmad (tentang isu ratu cantik) atau Zin Mahmud (tentang pasukan kriket Israel) — mendapat perhatian serius dari pihak berkuasa. Rupa-rupanya apabila ahli politik pemerintah dan rakan-rakan mereka yang dekat dengan serambi kuasa berlagak tidak berkuasa, insan-insan kerdil ini pula dilihat boleh berkuasa “menggugat keselamatan negara”.

Nepotisme berasal dari bahasa Inggeris, yang diambil dari akar kata Latin, nepos atau anak saudara (lelaki). Istilah ini merujuk kepada pembahagian kepentingan, kontrak dankekayaan negara kepada sanak saudara, rakan-rakan dan penyokong-penyokong yang dekat dengan seseorang yang berkuasa. Di negara-negara Asia, nepotisme (seperti juga rasuah dan kolusi) menjadi amalan meluas dan dilihat

sabagai satu aspek pencapaian ekonomi Asia Timur. Korea Selatan sudah terbukti mengamalkan sikap ini. Begitu juga di Indonesia — zaman Suharto — selain beberapa negara Asia Tenggara yang lain. Ketika mendapat berita perletakan jawatan Suharto, Presiden Fidel Ramos memberikan komentar yang agak sinis, "pengajaran bagi pemimpin-pemimpin ASEAN." Ertinya, semua orang sedar wujudnya amalan-amalan gaya Suharto di negara-negara rantau ini. Begitu juga di Jepun, hubungan antara kerajaan dengan swasta (*zaibatsu*) memang erat. Malah, kajian-kajian Barat terhadap "keajaiban" ekonomi Asia Timur merumuskan hubungan yang erat antara swasta (*korporat*) dengan kerajaan sebagai salah satu faktor kebangkitan ekonomi. Padahal — menurut teori kapitalisme tulen atau pasaran bebas — Barat menganggap hubungan ini sesuatu yang tidak boleh terjadi.

Di negara kita sebaik sahaja Mahathir menjawat PM, idea persyarikatan Malaysia atau Malaysia Inc. dilaksanakan bersekali dengan Dasar Pandang ke Timur. Sekarang jelas, salah satu Timur yang diteladani itu — Korea Selatan — mengalami rasuah, nepotisme dan kolusi; sementara gergasi-gergasi negara itu — seperti Dawoo Dan Hyundai — tidaklah segah namanya. Selepas itu, kerajaan kita bercadang membentuk BCIC atau masyarakat perdagangan dan industri Bumiputera. Kesimpulan ini dicapai bagi menyahut cabaran baru selepas berakhir DEB pada 1990. Salah satu terjemahan kepada model persyarikatan dan BCIC itu ialah pemberian kontrak kerajaan, projek penswastaan, kawalan industri utama dan agihan-agihan kek ekonomi kepada mereka yang ada kaitan dengan Umno. Renong, Paremba, UEM, MRCB, NSTP, TV3, MAS, Proton (khususnya selepas dikuasai DRB) sudah diketahui umum mempunyai kepentingan Umno atau tokoh-tokoh yang hampir dengan pemimpin tertinggi Umno. Pada akhir 1980-an, seorang ahli akademik Universiti Malaya

pernah menghasilkan tesis ilmiah tentang hubungan erat antara Umno, MCA, dan MIC dengan korporat masing-masing. Jika tesis ilmiah ini bersifat fitnah atau menyeleweng, sudah tentu pihak kerajaan — melalui syarikat-syarikat itu — mengambil tindakan ke atas buku dan penyelidik tersebut. Oleh itu sudah jelas hubungan erat antara kerajaan dengan suku-sakatnya bukanlah desas-desus rakyat, malah sebenarnya realiti wujud seharian. Bagaimanapun, penguasaan Umno ke atas syarikat-syarikat tertentu dan pembabitan ahli-ahli politik tertentu (melalui proksi atau wakil) dalam syarikat bukanlah baru, malah sama tua dengan DEB itu sendiri.

Sebab itulah, ketika berucap pada perhimpunan khas Umno bagi membanteras politik wang dalam parti itu PM menyatakan: "Sementara kita mengakui orang Melayu dan Bumiputera telah berjaya, kejayaan ini juga membawa masalah. Jika dahulu Umno bersidang untuk membincangkan dengan sedihnya tentang kegagalan penyertaan Melayu dan Bumiputera dalam ekonomi negara, hari ini kita bersidang kerana kejayaan Melayu dan Bumiputera dalam bidang ekonomi telah membawa masalah-masalah yang boleh menghancurkan kuasa politik Bumiputera, yang boleh menghancurkan ekonomi dan kemakmuran negara dan segala-gala yang telah kita bina. Masalah ini menjadi-jadi kerana Umno berkuasa, kerana orang Melayu dan Bumiputera lain berkuasa. Kuasa boleh membawa rasuah. "*Power corrupts, and absolute power corrupts absolutely.*" Kuasa yang mutlak membawa rasuah yang tidak terbatas. Kombinasi kemewahan wang ringgit orang Melayu dan Bumiputera dengan kuasa yang mereka miliki sekarang telah membentuk peribadi yang semakin merosot daripada segi moral. Hanya dengan memiliki kuasa memberi satu undi sahaja pun sudah menjadikan kita begitu tidak bertanggungjawab sehingga

sanggup menggadaikan maruah, parti dan bangsa kita. Apatah lagi jika kita mempunyai lebih daripada hanya kuasa mengundi."

Seperti dimaklumi, cengkaman pengaruh politik bukan hanya ke atas syarikat-syarikat tetapi hampir seluruh sendi kehidupan dibelit kuasa politik yang keterlaluan dan melulu. Lihat pada JKKK dan Kemas; lihat pada persatuan sukan, kelab kebajikan, yayasan, kelab golf, persatuan agama, pertubuhan pelajar, persatuan-persatuan belia. Itulah punca kehidupan kita tidak dapat lari daripada percaturan politik — asalnya pergeseran sang tokoh "*top-ten*" negara — yang merebak dengan pantas ke peringkat akar umbi. Lihat pada pertembungan Team A dan Team B sebelum 1987.

Jika dilihat pada ucapan PM di perhimpunan khas Umno itu, nyatalah beliau sangat arif tentang *rules of the game*, antara kuasa politik dengan kuasa wang. Dari mana datangnya kuasa wang bagi orang Melayu dan Umno kalau tidak dari projek-projek besar mereka sendiri? Bukan setakat not RM50 dalam surat Yassin tetapi melibatkan peruntukan jutaan ringgit. Rasuah RM50 dalam surat Yassin hanya untuk membeli undi rakyat ketika pilihan raya tetapi untuk merebut jawatan di peringkat cawangan dan bahagian, apatah lagi jawatan lima teratas, sudah berlegar di sekitar jutaan ringgit. Bayangkanlah. Proses *maintenance* ahli cawangan dan bahagian — seperti selalu sangat ditunjuk dalam TV pada setiap hari Sabtu dan Ahad — takkanlah *free*.

Begitulah juga yang terjadi pada jentera kerajaan — sangat menonjol setiap kali pilihanraya — dan kemudahan jawatan kerajaan, melalui jawatan menteri atau pengurus badan berkanun. Apabila kuasa politik membelit kita, segala urusan dipercaturkan menurut simpang-siur arus politik puak semasa. Perkara ini menjolok mata tetapi tidak pernah diluahkan secara terbuka dan berani oleh Umno. Tiba-tiba

Zahid, dengan lagak mengganyang — dan seterusnya bercadang memasukkan isu ini dalam ucapannya pada perhimpunan Pemuda Umno — membangkitkan isu nepotisme. Anda bayangkanlah betapa hebatnya sendiwara Umno.

Sukar bagi rakyat menerima kenyataan bahawa pemimpin Umno bersih dan "kelihatan" bersih. Sementara pihak BPR dan kuasa pendakwaan dikatakan masih dibayangi tokoh-tokoh politik juga. Memanglah banyak senarai kepincangan yang dicetuskan oleh Umno dan hanya parti itu boleh berbuat sesuatu sebelum rakyat — seperti di Indonesia atau Iran — menolaknya. Zahid memulakan langkah tetapi beranikah Pemuda Umno — khususnya mereka yang menerima manfaat dari nepotisme — mengangkat isu ini secara terbuka? Pada tahun lalu, ketika isi-isi ucapan Presiden begitu tajam dan bernalas (kecuali isu aurat), kualiti perbahasan perwakilan jatuh merudum. Tetapi Umno juga kadang-kadang sukar diramalkan. Apakah perwakilan-perwakilan Umno mempunyai cukup keberanian — seperti diungkitkan dalam tulisan Daim dalam *Mingguan Malaysia* dua tahun lalu — untuk berbuat demikian? Bukankah sedikit sebanyak mereka turut meraih manfaat daripada amalan nepotisme dan kolusi itu?

OK-lah, kita andaikan perwakilan-perwakilan Umno mampu menyemarakkan perbahasan tentang nepotisme. Kita akan tertanya-tanya dari klinik mana individu-individu ini datang dan kepada siapakah kritikan ditujukan. Sukar bagi kita menolak andaian tiada gelombang tertentu dalam Umno apabila Ketua Pemudanya, kemudian terpaksa diizinkan oleh PM menyelongkar isu sensitif di bawah karpet ini. Beliau mungkin sudah mendapat isyarat atau anggukan dari kalangan tertentu. Kerana secara peribadi, Zahid bukanlah seorang tokoh yang begitu sifatnya — yakni sengaja meredah kepayahan seorang diri. Lagi pun, tidak ada tokoh

muda yang mungkin boleh melangkah lebih jauh sengaja menjerut leher sendiri. Beliau sudah tentu memperhitungkan risiko, populariti, masalah dengan Presiden dan juga siapakah penaung di belakangnya.

Oleh itu, isu nepotisme yang diungkit oleh Zahid pada Ahad 7 Jun itu sangat menarik, lebih-lebih lagi selepas gelora reformasi di Indonesia. Namun begitu, sebagai seorang penulis yang kritis (juga skeptis), saya tidak yakin nepotisme akan dibicarakan dengan tekad politik. Ia mungkin menggemarkan dewan perbahasan tetapi tekad politik selepas berakhir perhimpunan itulah yang kita tunggu. Kerana lazimnya, gelagat politik — kerajaan atau pembangkang — ingin meraih *political mileage*.

# 16

---

## *INI KISAH SURAT LAYANG BURUKKAN ANWAR: HATI-HATI MEMBACANYA*

Pegawai dan kakitangan kerajaan harus patuh pada pemerintahan, terutama bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Sayangnya dewasa ini di Malaysia keadaannya sungguh berbeza. Mengapa di masa ini dan tidak di masa lalu. Yang menjadi tanda-tanya kita, adakah mereka digunakan oleh mana-mana pemimpin

---

Surat layang ini ditujukan kepada Perdana Menteri, Mahathir Mohamad. Ia mungkin bermanfaat untuk pembaca yang selama ini tidak pernah membaca surat layang. Nilailah sendiri isi kandungannya. Yang menarik majalah *Tamadun* pun turut diseret. Ahmad Lutfi Othman adalah Pengarang *Tamadun*.

yang tidak sabar atau ini adalah pendapat mereka sendiri tanpa arahan sesiapa.

Seorang pegawai kanan Kementerian Kewangan yang dulu Ketua Pengarah BTN, lahir di Sitiawan, Perak, bergelar Dato'. Beliau telah memberi satu ceramah kepada semua kakitangan Kementerian Kewangan yang bertemakan kegawatan ekonomi hari ini. Tiba-tiba di hujung ceramahnya, telah dengan terang-terang mengutuk Dato' Seri Dr Mahathir. Semua yang hadir tercengang-cengang dan berpandangan antara satu dengan lain. Dia telah berkata, Dr Mahathir sudah tua, sudah nyanyok. Elok sangat mengundurkan diri bagi memberi laluan kepada pemimpin yang lebih muda, lebih bertenaga dan lebih berkemampuan.

Lepas itu dia berkata lagi bahawa kegawatan ekonomi hari ini banyak disebabkan perangai dan tingkah laku orang-orang Umno yang memaksa kita semua membuat itu dan ini untuk kepentingan mereka. Macam mana pegawai kanan ini berani benar bercakap begitu rupa di Kementerian Kewangan dan tidak di kementerian-kementerian lain. Adakah ini isi hati dia sendiri, atau dengan restu pemimpin tertentu yang berkuasa.

Adakah Dr Mahathir hendak berdiam diri lagi. Terlalu ramai pihak individu yang kita beri pangkat, beri kuasa. Tapi tikam Dr Mahathir dan tikam Umno di belakang.

Dato' Nazeri Abdullah, anak kampung dari Kedah, diberi pangkat, kuasa, dan kekayaan oleh Umno, bentam Dr M terang-terang. Melenting Dr M dalam MKT. Semua ahli MKT setuju Nazeri disingkir. Bila Nazeri balik dari Afrika Selatan, jumpa Dr M terus minta maaf pada Dr M, menangis depan Dr M, Dr M terus maafkan Nazeri. Dr M harus sedar, mereka ini pandai berlakon, macam boss mereka juga. Tangisan itu adalah tangisan seakan buaya yang sedang bertapa.

Macam mana pula dengan tindakan biadab Dato' Sahar Sidik ini, tindakan biadab Dato' Johan Jaafar, Dato' Fauzi Rahman, Dato' Othman Abdul, Dato' Dr Affifuddin Omar dan Azmin Ali serta kedua-dua Setiausaha Politik Anwar yang sungguh lantang mengutuk Dr M. Lihat sahaja isi kandungan majalah *Tamadun*, semuanya mengutuk Dr M dan memuji Anwar. Nasib baik Dato' Megat sudah tidak ada lagi di KDN. Kalau tidak majalah ini sudah lama digantung.

Berapa lama Dr M biarkan tingkah laku mereka ini. Bila datang minta maaf, dimaafkan sahaja. Mereka ini bukan sahaja barah kepada Dr M dan juga barah dan tokak kepada semua yang sayang pada Dr M dan Umno keseluruhannya.

### Anwar Ibrahim dan Umno

Anwar adalah manusia bercita-cita besar. Cita-citanya nak jadi pemimpin besar negara. Sejarah perjuangannya terbukti, dia sanggup melakukan apa sahaja asalkan cita-citanya tercapai. Kalau PAS boleh menjamin untuk dia capai cita-citanya dia akan masuk PAS. Hatta kalau parti komunis boleh bawa dia mencapai cita-citanya, dia akan masuk parti komunis.

### Anwar Ibrahim — Falsafah Rasuah dan Kepentingan Diri

Baru-baru ini Anwar menasihatkan Umno supaya jangan melakukan sesuatu untuk kepentingan diri. Sukar untuk menerima nasihat ini. Cuba kita ingat kembali, semua kakitangan pejabat Anwar yang berhenti, semuanya kini sudah kaya raya. Mereka ini bukannya pegawai kanan, cuma Setiausaha Sulit, Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Politik sahaja. Lihatlah Nasaruddin, Sharit Jusoh, Othman, Salamon semua kaya. Kalau Azmin berhenti, jutawanlah dia.

Pak Ibrahim, bapa Anwar sekarang ini ahli korporat yang terkenal. Pengurus Syarikat IOI, hingga kereta rasmi

Pak Ibrahim pakai nombor .... Pengerusi Inovest. Anwar bagi pula Pak Ibrahim "exclusive exporter" ubat-ubat dari Malaysia untuk dihantar ke Iraq yang bernilai RM20 juta setahun. Anwar tuduh banyak syarikat perumahan tidak buat rumah murah untuk rakyat miskin dan susah. Bagaimana projek perumahan Syarikat IOI di Puchong, langsung tiada projek rumah murah.

Rani Ibrahim, abang Anwar, bukan main lagi. Dulu muflis, tapi sekarang pengarah beberapa syarikat termasuk syarikat perjudian Olympia. Rani kini sering kali berada di *Golf Course*, bergeser dengan ahli-ahli koperat China. (*Dua ayat berikutnya terpaksa dipotong untuk mengelakkan sensitiviti individu terbabit — penyunting*).

Marzuki adik Anwar sudah kaya raya. Syarikat Inovest, kepunyaan Dato' Wong (Tengku Wong - Pahang) tidak boleh disenaraikan di KLSE. Bila Tengku Wong bagi Pak Ibrahim dan Marzuki jadi Pengarah, Inovest disenaraikan di KLSE. Pak Ibrahim dan Marzuki dapat 30 juta saham dengan harga RM3.00 satu saham. Tidak berapa lama saham ini dijual dengan harga RM6.00 satu saham. Anak beranak dapat untung lebih kurang RM90 juta.

Adik perempuan Anwar lain ibu pun sudah cukup senang. Selain daripada pengedar kereta Proton, pengarah beberapa syarikat termasuk Pengkalan Security di mana saham bumi akan diberi kepadanya.

Dato' Wan Ismail, bapa mertua Anwar, seorang yang cukup setia pada Umno, pegawai yang didikasi, kini diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Syarikat SAAG.

Kita tidak akan bercakap jika sebelum Anwar berkuasa semua keluarganya memang sudah aktif dalam dunia perniagaan. Semua mereka hanya aktif dalam dunia perniagaan apabila Anwar berkuasa di Kementerian Kewangan. Dulu Anwar kutuk Daim kerana membina *empire* perniagaan

diri dan anak buahnya. Bagaimana pula Anwar? Sudahlah bapa dan adik beradik, pegawai-pegawai di sekelilingnya termasuklah Dato' Ishak Ismail, Dato' Sharit Jusof, Dato' Nazeri Abdullah, Dato' Kamaruddin Jaafar, Dato' Khalid Ahmad juga syarikat gergasi MRCB.

Anwar dan orang orangnya juga kutuk anak-anak Dr M yang mencebur dalam perniagaan. Tidakah Anwar tahu bahawa pendidikan dan ijazah mereka adalah bidang perniagaan? Dr M tidak pernah memberi kemudahan apa-apa kepada mereka.

Tidak ada satu pun projek penswastaan, yang begitu banyak diluluskan, dapat pada anak-anak Dr M. Lupakah Anwar bahawa Dr M juga ramai adik-beradik. Apa ada pada Pak Mahadi. Apa ada pada Pak Mashur. Hingga semua kakak Dr M menumpang dengan beliau. Mereka juga kutuk Dr Hasmah. Tapi ingat sikit bahawa keluarga Tok Penghulu Pak Ali memang sudah lama terlibat dengan dunia perniagaan. Siapa yang tidak kenal Tun Ismail Ali, Aziz Ali, Jaafar Ali dan Zaleha Ali. Dari zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein, mereka sudah terlibat dengan dunia perniagaan.

Jadi Anwar jangan cuba tepuk dada yang dia bersih dari membina kekayaan keluarga dan sahabat sendiri. Belum jadi pemimpin nombor satu sudah berlebih-lebihan. Buat majlis hari raya pun mesti setaraf dengan YAB Perdana Menteri. Inilah orang tua-tua kata, bersila dulu sebelum duduk. Ingatlah sedikit apa jadi pada Shah Iran, Marcos dan Suharto. Mereka jatuh dan akan jatuh kerana rakyat.

### **Anwar Ibrahim dan Wawasan Dr. M**

Anwar sungguh bijak berlakon. Depan Dr M dia bercakap berlagak semacam dia tatang dan sanjung Dr M. Macam benar-benar dia terhutang budi kepada Dr M —

kerana bawa dia masuk Umno, beri pangkat, sokong masa lawan Dato' Haji Suhaimi dan membenarkan dia buat gerakan jatuhkan Pak Ghafar. Anwar belum puas hati. Anwar berjiwa besar. Pada masa ini Anwar baling batu sembunyi tangan kerana dia tahu bahawa untuk menjatuhkan Dr M bukan satu perkara yang mudah. Dia guna taktik dengan mewujudkan isu-isu, cerita-cerita negatif dan palsu terhadap Dr M... walau dalam negeri dan luar negeri di mana dia berharap akan melemahkan semangat Dr M. Berharap Dr M merajuk. Dr M jauh hati dan putus asa. Akhirnya Dr M berundur. Guna *Utusan Malaysia*, guna *Berita Harian*, guna majalah *Tamadun*, guna *Asiaweek*, guna *Newsweek*, guna beberapa pegawai kerajaan, guna beberapa ahli politik, untuk caci maki dan memburuk-buruknya Dr M.

Bila Dr M lantik Tun Daim sebagai Pengarah Urusan MTEN, Anwar tidak senang hati. Tapi dia berpura-pura. Depan Dr M setuju, tapi belakang dia kutuk. Projek Cyberjaya dan MSC, banyak rungutan, Anwar tidak memberi kerjasama. Seolah-olah nak melengah-lengahkan MSC. Kalau Dr M sudah tidak ada, Anwar ambil alih, Cyberjaya akan terbengkalai, MSC akan hancur dan mungkin Putrajaya tidak akan menjadi kenyataan.

Bila Dr M syorkan dalam MKT agar elakkan pertandingan Ketua Bahagian bulan Mac ini, Anwar tidak setuju. Ini kerana Anwar ada agenda besar yang tersendiri. Ini kerana Anwar mahu memastikan orang-orangnya jadi Ketua Bahagian, Ketua Pemuda Bahagian dan Ketua Wanita Bahagian bagi menyiapkan diri bagi tahun 1999. Kita tahu dia arah Fuad Hassan lawan Zaleha Ismail, Dato' Zainal lawan Anuar Musa, Kamaruddin Jaafar lawan Mansor Salleh, Dr Shafie lawan Dato' Fatah. Jika Timbalan Ketua Bahagian bukan orangnya dia akan cari calonnya untuk lawan.

## Masa Depan Umno

Saya merayu sangat pada Dr M agar termenung sejenak akan nasib Umno bila Dr M sudah tiada dan Anwar mengambil alih. Anwar adalah Umno celup, bukan Umno sejati. Anwar jadikan Umno sebagai kuda tunggangannya ke mercu cita-citanya. Darah daging serta semangatnya tidak sebat dengan Umno. Bukan macam Dollah Badawi, Najib, Sanusi, Wan Mokhtar, Abu Hassan atau Shahidan Kassim yang sanggup mati kerana Umno.

Yang sedih Anwar dikelilingi oleh mereka yang bukan lahir sebagai ahli Umno sejati tapi ahli Umno celup dari ABIM atau PKIM atau kawan-kawan lama Anwar yang melihat peluang untuk keuntungan peribadi. Bila Anwar berkuasa orang-orang inilah yang akan memegang tampuk pemerintahan. Orang-orang Umno jati akan diketepikan dan akhirnya Umno akan menjadi lemah. Anwar selama menjadi TPM, lebih banyak mewujudkan musuh daripada kawan. Dia lebih banyak menyakiti perasaan kawan-kawan dari menawan hati mereka. Dia lebih menyinggung perasaan kawan-kawan dari memberi perangsang dan nasihat kepada mereka.

Anwar Ibrahim sejak jadi TPM bertukar sikap, bertukar perangai. Dia mulai sompong, mulai bongkak. mula tunjuk belang tidak sabar-sabar. Pandai berlakon depan Dr M tapi di belakang orang-orang suruhannya mencaci dan mengutuk Dr M. Sanggup upah penulis buat cerita buruk terhadap Dr M dalam negeri mahupun luar negeri.

Kalau hati perut Siam itu hijau, hati perut Anwar lagi hijau. Kalau hati perut Yahudi itu busuk sehingga dilaknat oleh Allah s.w.t., hati perut Anwar lagi busuk.

Saya tulis ini semua bukan dapat untung apa-apa tapi semata mata kasihan lihat Dr M penat lelah bangunkan negara, tingkatkan kehidupan rakyat, bawa negara terkenal

di seluruh dunia, tiba-tiba akan dihancur, dilebur, ditanam oleh manusia yang bernama Anwar Ibrahim. Kasihan rakyat, kasihan pejuang-pejuang Umno yang sudah tidak ada... menahan kemaraan nafsu besar Anwar Ibrahim.

Dr M jangan ingat Anwar akan menyambung wawasan Dr. M ... menghancurkannya adalah Wawasan Anwar.

Dr M, lupakah sejarah Presiden Amerika Trumman. Bila Trumman dikalahkan oleh Eiseinhower. Eiseinhower tidak mahu menghadiri *farewell dinner* Trumman dan penyerahan kuasa kepada Eiseinhower. Akhirnya Trumman keluar dari *White House* ke stesen keretapi tanpa pengiring, tanpa pembantu. Angkut beg sendiri. Tiada juga siapa yang menyambut Trumman bila sampai ke stesen keretapi di kawasannya. Bila sampai ke kampungnya, baharulah ada orang kampungnya sendiri menyambut kepulangannya.

Anwar akan buat Dr M lebih dahsyat dari itu. Kalau umur kita panjang sama-sama lah kita saksikan.

Saya telah lama kenal Anwar. Saya telah lama mengikuti sejarah hidupnya. Kalau Dr M tidak berwaspada, apa yang saya zamalkan ini akan terjadi.

Wahai Dr M, luangkan sedikit masa Dr M untuk memikirkan gejala ini. Terlalu besar jasa Dr M terhadap bangsa dan negara. Janganlah bakti dan jasa itu terkubur begitu sahaja. Ingatlah sedikit ahli-ahli Umno yang telah banyak berjasa pada Umno ... tanpa menerima ganjaran apa-apa. Janganlah mereka disisih oleh Anwar dan konco-konconya, yang dahagakan kuasa.

*Wassalam.*

## *Penutup Bicara*

---

### ***SEBELUM HUKUMAN DARI LANGIT DITIMPAKAN***

**U**ntuk menulis tentang reformasi, saya terpaksa bertemu beberapa orang tokoh meminta pandangan, antaranya Rustam Sani, Jomo KS, Lim Guan Eng, Mohamad Sabu, Rais Yatim dan ramai lagi pemerhati politik, tidak terkecuali aktivis Umno. Ceramah Siddiq Fadil di DBP yang banyak mengkritik PM itu juga membantu saya.

Guan Eng yang dizalimi pendakwaan terpilih Peguam Negara, dan kini menunggu hukuman penjara 36 bulan, ketika ditanya tentang kenyataan Zahid mengenai nepotisme menjawab: "Hishamuddin Hussein lebih layak bercakap soal

nepotisme berbanding Zahid. Zahid langsung tidak ada wibawa dalam hal ini."

Sambil menceritakan latar belakang kesnya, Guan Eng sempat mengulas: "Dulu semasa saya ditahan ISA pada 1987, saya dituduh memperjuangkan kepentingan Cina, dan dikurung 18 bulan. Sekarang, saya dipenjarakan dua kali ganda lebih lama, iaitu 36 bulan, kerana memperjuangkan hak wanita Melayu. Nampaknya berjuang untuk orang Melayu lebih berisiko tinggi."

Manakala Rais Yatim, meskipun kini kembali ke lubuk Umno, tetapi begitu bersemangat dan bersetuju sekali dengan idea reformasi. "Dalam apa keadaan pun, seharusnya ada ruang untuk kita memperbaiki keadaan," kata Rais. Beliau mahukan satu sistem yang boleh menapis dengan ketat kemunculan barisan kepemimpinan, yang bercirikan, antara lain kredibiliti moral dan pegangan agama yang kuat. Saya akan menyiaraskan pandangan bernasnya dalam buku berikutnya nanti. "Pengalaman sebagai pembangkang menjadikan saya lebih kritikal," kata Rais.

Rustam seperti menyuarakan, cukuplah tempoh buat Mahathir, sambil mengingatkan bakal penggantinya, Anwar, agar lebih mengamalkan perundingan dan musyawarah. "Anwar ni pun selalu merasa dirinya hebat daripada orang lain," usiknya. Rustam mencadangkan agar tema

beranggapan, "setiap kejayaan yang dihasilkan sebagai hak untuk terus berkarya. Amat sukar untuk mereka berhenti kerana banyak kepentingan yang mesti dipertahankan."

Dalam tinjauan rambang yang saya lakukan, ada elemen kesepakatan menggesa Mahathir berundur secara terhormat. "17 tahun sudah terlalu lama untuk seorang Perdana Menteri. Untuk seterusnya, saya cadangkan kita hadkan hanya kepada dua penggal. Ikut macam Amerika atau Perancis. Kalau tempoh KM Sabah terbatas tidak sampai separuh, jawatan PM pun jangan melebihi 10 tahun," kata seorang veteran Umno. Cadangan menghadkan tempoh berkuasa ini disokong Rais dan Rustam.

Dr Syed Husin Ali pula mencadangkan agar Mahathir mengumumkan bila masanya beliau akan meletakkan jawatan, dan tentukan siapa yang akan mengantikannya.

"Jika Mahathir letak jawatan sekarang, dia akan dikenang di atas kegalannya, bukan kerana sikap terbukanya mengundurkan diri. PM tidak sebodoh itu untuk menempa petaka buat diri, keluarga dan suku-sakatnya," hujah seorang teman.

"Saya tahu sangat perangai PM. Semakin kuat ditekan atau semakin kuat dia diasak supaya meletakkan jawatan, Mahathir pasti tidak akan mengalah. Dia hanya akan berundur selepas menyelesaikan masalah sekarang," kata Rais Yatim.

Namun tiada kesepakatan bagi menentukan Anwar adalah calon terbaik menggantikan Mahathir. Anwar juga terpalit sama dengan luka-luka Mahathir. Unsur-unsur nepotisme, kronisme, korupsi dan kolusi juga bersembunyi dalam selimut Anwar.

"Apa salahnya kita cuba Pak Lah atau Tengku Li," kata seorang peminat kolum saya dalam *Harakah*.

"Mengapa pula?" tanya saya.

"Bahaya memilih orang yang terlalu *ambitious* seperti Anwar."

Reformasi hanya bermakna jika sistem yang dirombak, dan bukannya hanya menurunkan sang tokoh. Justeru kuasa PM, TPM, Menteri Besar jangan dibiarkan terlalu luas sehingga wujud monopoli kuasa dan menimbulkan fenomena feudal maharaja baru.

"Pemimpin yang baik, bagi saya, tidak akan mahu memerintah dalam tempoh yang terlalu lama," kata Rais. "Mereka bukan gila kuasa."

Pemimpin harus sederhana dalam kehidupannya. Jangan sama sekali hidup mewah dan melupai nasib rakyat. Seperti pertanyaan Dinsman dalam sajaknya: "Sejak bila Islam menganjurkan para pemimpinnya hidup lebih senang daripada rakyat."

Kuasa PM begitu luas dan berbahaya, misalnya berkaitan Peguam Negara, Badan Pencegah Rasuah, akta-akta yang mengongkong demokrasi, perlantikan hakim. Anwar, jika ditakdir menggantikan Mahathir, pasti tidak akan dengan sendirinya mengecilkan bidang kuasa yang cukup besar itu. Rakyat harus menuntut, dengan bersungguh-sungguh, supaya dikembalikan kebebasan bersuara dan menghadkan kuasa eksekutif yang bermaharajalela sekarang.

"Hak yang selama ini tenggelam di bawah akta *draconian* tidak pulih dengan sendirinya," hujah seorang pemimpin pelajar. "Kita harus mendesak reformasi besar-besaran dilakukan, bukan sekadar menampal kebocoran di sana sini sedangkan sistem yang melingkungnya tetap sama."

Sememangnya rakyat tidak mempunyai pilihan secukupnya. Pembangkang seperti PAS dan DAP tidak mampu menawarkan kerajaan alternatif. Bukan itu saja, untuk menafikan majoriti mutlak dua pertiga di Parlimen pun nampak terlalu sukar perjalannya. Malang sungguh

rakyat Malaysia. Malah orang Melayu seperti tidak memahami keperluan menampilkan barisan pembangkang yang lebih ramai di Parlimen.

Justeru, pelbagai masalah kronik berterusan tanpa sebarang penyelesaian, seperti terputusnya bekalan air, kenaikan harga barang, buruknya pengangkutan awam, projek pen-swastaan yang terbukti mendera rakyat, kedegilan pemerintah untuk menerima teguran rakyat. Umno tidak perlu bimbang kemarahan rakyat di atas bencana yang menimpa kerana ia jarang diterjemahkan dalam bentuk "undi buat pembangkang". Maka, bersabar sajalah rakyat menanggung segala keperitan. Beban cukai semakin tinggi untuk membayar kos rasuah, ketidakcekapan, pembaziran dan seumpamanya.

Azab dan bala yang menimpa umat sepatutnya menyedarkan bahawa ada amaran dari langit yang perlu diperhatikan. Pemimpin yang gila kuasa mungkin sukar untuk dilunakkan nuraninya, namun rakyat terbanyak wajar merenung diri dan menilai semula "kuasa" yang ada pada mereka, iaitu menaikkan dan menjatuhkan pemimpin. Dalam proses demokrasi, menjatuhkan pemimpin yang korup, pilih kasih, tidak amanah, penipu, pentingkan diri dan kelompok, maksiat, adalah perkara biasa. Dari itu barulah pemimpin akan lebih berhati-hati dan menunaikan tanggungjawab dengan lebih telus dan cekap. Pemimpin menyedari, rakyat sentiasa meneropong mereka.

Siddiq Fadil mengingatkan: "Andainya benar musibah ekonomi ini suatu musibah maka Tuhan pasti memberikan keampunan apabila tegurannya diterima dengan keinsafan. Yang amat dikhuatirkan ialah sikap bebal dan angkuh sesetengah mereka yang tidak mahu ditegur hatta teguran Tuhan hingga terus menerus terjerumus dalam keterlanjuran. Jika ini yang terjadi maka ia bukan lagi ujian atau teguran

tetapi berubah menjadi hukuman. Apabila Tuhan menjatuhkan azabnya itulah perkara yang paling ditakuti.”




Anwar memang selalu bergaya, macam pengantin baru, segak dan tampan. Ataupun sedang membuat persiapan rapi ke Seri Perdana. Kalau Anwar mahu langgar Mahathir, siapa yang boleh halang?



Konsep payung terpaksa dibatalkan kerana tekanan Pemuda? Ataupun serangan terbuka kepada Annuar Musa, menandakan Perang '99 sudah bermula. Mungkinkah Hisham lawan towkeh?



Anwar ketawa, Daim pun ketawa, yang menangis rakyat juga. Walaupun kedua-duanya seperti bermusuhan, semuanya di bawah satu kroni, masing-masing dapa habuan.






Pengerusi Eksekutif Konsortium Perkapalan Bhd (KPB), Mirzan anak sulong kepada Mahathir. Kalau Mirzan anak orang biasa, hampir pasti kisah hidupnya tidak secerah ini. Masakan Petronas boleh curahkan wang rakyat dengan begitu senang?



Apabila Mahathir melantik Daim ketuai MTEN, ia suatu sindiran tajam buat Anwar; bila Ghafar dan kumpulan veterannya ditugaskan berkempen ke kampung-kampung cerita tentang krisis ekonomi, Anwar semakin terpukul. Atau pun Mahathir sudah bersedia nak join sama orang-orang lama?




Apa yang mahu dibanggakan bila ringgit bertukar menjadi batu-batu pejal? Ataupun ini bayangan dua batu nesan yang menguburkan maruah bangsa bila akhirnya kita terpaksa tunduk kepada IMF kelak akibat pembaziran yang mencurah-curah sebelum ini?



Lagi seorang anak kesayangan Mahathir. Ada orang tutuh anak beranak PM bukan saja dapat tender yang besar-besaran tetapi membekalkan tong sampah pun mereka dapat.



Anak-anak muda Jakarta sudah menunjuk arah: Kembalikan Kedaulatan Rakyat! Darah merah membasahi bumi, namun nyalaan semangat tidak pernah padam. Apa khabar mahasiswa tempatan? Ataupun mereka diserang sindrom "mati di pucuk"?



Hanya mereka yang faham tentang potensi gerakan pelajar akan terus mengikat mahasiswa dengan pelbagai peraturan. Gambar menunjukkan Anwar ketika mengetuai suatu demonstrasi pelajar. Sayang bila Anwar jadi Menteri Pendidikan, ALKU tidak berubah!



Presiden BJ Habibie bersama keluarganya. Mampukah Habibie memenuhi tuntutan reformasi ataupun tidak lebih sebagai kroni Suharto? Mampukah perkembangan Islam di zamannya dapat ditenggatkan, atau bagaimana?



Bekas pengacara TV3 bersama adiknya, Ummi Hafilda. Khabarnya Anwar kenal dengan gadis ini, tapi apa cerita di sebaliknya?

WORLD CUP 1998

SPECIAL SECTION

# ONE ANGRY MAN

Mahathir thinks the West is  
out to wreck Malaysia's economy.  
Can he save it—  
or only make things worse?



Kini media Barat pun sudah jelak dengan Mahathir. Mereka lebih suka Anwar. Tengok sajalah, tajuk *Time*, 15 Jun ini: **ONE ANGRY MAN**. Mahathir nampaknya mahu ajak rakyat bermusuh dengan Barat. Berbaloikah?



Najib bijak mencuri peluang. Jika Anwar lawan Mahathir, siapa yang akan disokongnya? Tentulah pihak yang dikira memenangi perlawanan itu. Apakah kredibiliti moral Najib memungkinkan dia pergi lebih jauh lagi?



## KOLEGA BISNIS KELUARGA SOEHARTO

### LIEM SIOE LIONG



Liem terbilang dekat dengan Soeharto. Mereka kenal sejak zaman perajahan. Sukses Liem memang tak lepas dari peran Soeharto yang memberikan kesempatan berbisnis kepadanya. Dari bisnis semen, teping terigu, hingga perbankan telah dikuasai Liem. Selain Liem, empat saekwan atau *gang of four* (Liem, Ibrahim Riesad, Djuhar Sutanto, dan Sudwikatmono) juga dekat dengan Soeharto. Anak Liem Anthony Salim pun berkongsi dengan anak-anak Soeharto.

### BOB HASAN



Setiap Rabu, Bob menemani Soeharto bermain golf di Rawamangun. Bob alias The Kian Seng banyak mengelola perusahaan yang terkait dengan Soeharto, seperti Nusantara, ia juga masuk ke Bank Duta, BUN, dan mitra Pertamina di Grup Tugu. Bob pernah kecewa gara-gara kasus tambang emas Busang.

### SUDWIKATMONO

la kerabat Soeharto. Namanya seringkali di banyak sekali perusahaan di Tanah Air. Ia berkongsi dengan banyak pengusaha. Grup utamanya Subentra dan Golden Truly. Tapi ia lebih dikenal sebagai investor



### PRAJOGO PANGESTU

Bos Barito Pacific ini dikenal berkongsi dengan sejumlah anak Soeharto. Dengan Bambang Tri menggarap proyek petrokimia. Candia Asri Bersama Tuful membangun bisnis kelapa sawit dan pulp. Dalam waktu yang relatif singkat Prajogo menjadi bos konglomerat papan atas yang sejajar dengan Liem



### PROBOSUTEDJO

la dikenal sebagai adik tiri Soeharto. Kini pemilik Grup Mercu Buana. Berbagai monopoli usaha dia peroleh, antara lain dalam perdagangan cengkeh. Kini usahanya sudah merambah ke berbagai bidang, seperti pabrik gelas, makanan ternak, otomotif, dan perbankan. Namun belakangan bisnis perbankan dan otomotifnya gulung tikar.

Suku-sakat Suharto yang kuasai ekonomi Indonesia. Bagaimana dengan Mahathir?



Apabila amarah rakyat tidak dapat disekat, mereka mengamuk mencari "perampok" terhormat yang membobot segala khazanah kekayaan negara. Gambar: Rumah taikun terkaya di Indonesia, Liem Sioe Liong diceroboh, hanya potretnya tempat melepaskan geram.

# Zam sifatkan tindakan Zahid tidak bijaksana

KUALA LUMPUR 13 Jun — Senator Datuk Zalmuddin Maidin mengurut Ketua Pergerakan Penuduh UMNO, Datuk Ahmad Zahid Haniffa kerana mengembara perburuan ihsan negaranya dan kresmahan simbil menyidih tindakan itu sebagai berbahaya dan tidak bijaksana.

Ketua Pergerakan Zahid berharap kabinet dilantik pembangunan ekonomi di negara ini dengan menggunakan istilah-istilah seperti seputaran boleh membahayakan perpaduan parti.

Menurut beliau, ketua Pergerakan Zahid memberi sokongan kepada pembangunan ekonomi yang dilakukan oleh ahli-ahli negaranya dan kremisan di Malaysia sama seperti di Indonesia.

Zalmuddin yang lebih dikenali sebagai Zam berkata, Ketua Penuduh UMNO dia sepatutnya segera bahawa menjalang Perhimpunan Agung UMNO Kedah ini, terkenas dari luar atau pun kuat untuk "merogongkan" perpaduan rakyat dan perpaduan UMNO sendiri.

Zahid selaku pemimpin Penuduh UMNO tidak seharusnya menjalang istilah tanpa sedar kepada ahli-ahli negaranya itu, kata Zam dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut beliau, dala-



ZAHIDUDDIN MAIDIN

me tidak membantu Melayu yang katika ini memerlukan perpaduan rakyat.

Zahid membantah bahawa ia negaranya dalam kaitan pembangunan ekonomi ini bukan sahaja Kongres Permaisuri Ekonomi Negara sejurus Pergerakan Penuduh UMNO di Kuala Lumpur, 7 Jun lalu.

Mengulas kenyataan tersebut, Zam berkata, Zahid telah "menimbulkan kesan buruk dan anggapan salah terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan tindakannya. Datuk Seri Anwar Ibrahim".

Menurutnya, kesan daripada kenyataan itu, apa pun perjalanan yang mungkin diberikan oleh Zahid, ia akan cukup untuk menghalau

pandangan masyarakat terhadap kepimpinan Ketua Penuduh UMNO bekembar.

"Kenyataan itu juga mengindikasikan kita berhadap-hadap negara telah terkaji dengan laingnya membuat masalah kepada bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, dan tuduhan rumah beliau khususnya ada kompleks untuk menjatuhkan Menteri Besar Selangor yang tidak dapat dibuktikan," katanya.

Zam menegaskan, pada hakikatnya media antarabangsa melihat Dewan Ekonomi Baru (DEB) — yang banyak membantu masyarakat Melayu — juga berurusan dengan negarisme dan kremisan.

Ketua Pergerakan DEB ribuan masyarakat Melayu sering orang terpilih, memancarkan citra profesional malah meningkatkan kedudukan penting dalam sektor korporat.

"Malah tidak ketertulian jika dikatakan Zahid sendiri mendapat kedudukan dalam beberapa syarikat adalah hasil daripada dasar negarisme itu," katanya.

Menurut Zam, mengkin tidak ada orang Melayu yang tidak mendapat faedah daripada dasar negarisme DEB yang telah meningkatkan martabat mereka di dalam masyarakat maju di Malaysia.

Menurutnya, tilang ini pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi di negara ini seluruh yang begitu ramai juga adalah kerana dasar negarisme.

Dalam hal ini, kata Zam, Zahid harus segera bahuwa penggunaan istilah negarisme dan kremisan akan menimbulkan anggapan salah terhadap kepimpinan parti, tanpa menterihkan orang untuk menggalakkan UMNO.

"Hal ini dirasa senang sendirinya oleh Zahid apabila belum menyatakan di Perlis semalam tentang berpadainya belia agi dalam dan luar parti yang mengadu-duakannya dengan kepimpinan parti," katanya.

Menurut Zam, apa yang dikatakan oleh ahli-ahli bersifatnya itu bukan aduhai menimbahkan kegelisahan dalam UMNO dan keraguan di kalangan rakyat, malah telah menimbulkan sokongan lemah bagi konsensus pelajar.

"Tidaklah mengharumkan jika pelajar-pelajar yang masih mudah dan tidak berpengalaman dalam sejarah negara mudah terpengaruh dan terlalu jauh dengan kenyataan Zahid itu," teges Zam.

Kata Johan Jaaffar, pengganti Zam, jangan tengok batang tubuh Zahid, tapi lihat apa yang dikemukakan Zahid.

